Bil. 8

Khamis
6 Mei 2010

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 21)
Usul Di Bawah Peraturan Mesyuarat 70(1) -
Pelantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pemilih (Halaman 21)
Meminda Aturan Urusan Mesyuarat
Di Bawah Peraturan Mesyuarat 13(2) (Halaman 22)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan
Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2010 (Halaman 22)
Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 (Halaman 27)
Rang Undang-undang Perlindungan
Pemberi Maklumat 2010 (Halaman 45)
Rang Undang-undang Kanun
Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Halaman 76)
Rang Undang-undang Persaingan 2010 (Halaman 98)
Rang Undang-undang Suruhanaya Persaingan 2010 (Halaman 109)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2010

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
8. " Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
9. " Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
10. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
11. " Tan Sri Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
12. " Dato' Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
13. " Dato' Azian bin Osman (Perak)
14. " Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
15. " Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
16. " Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
17. " Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
18. " Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
19. " Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
20. " Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
21. " Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah (Dilantik)
22. " Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
23. " Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. " Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. " Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. " Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
27. " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
28. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. " Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
31. " Datuk Maijol bin Mahap (Sabah)
32. " Dr. Malasingam a/l Muthukumaru (Dilantik)

33. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

34. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*

35. " Tuan Mohamed Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)

36. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)

37. " Dato' Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi [(Dilantik])

38. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)

39. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)

40. " Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)

41. " Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)

42. " Dato' Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

43. " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)

44. " Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)

45. " Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)

46. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)

47. " Dato' Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)

48. " Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)

49. " Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)

50. " Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*

51. " Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)

52. " Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)

53. " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)

54. " Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)

55. " Dato Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*(PS)

56. " Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)

57. " Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)

58. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)

59. " Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)

60. " Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)

61. " Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik))

62. " Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)

63. " Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)

64. " Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)

65. " Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)

66. " Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)

67. " Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Nurul Farihah binti Mohd. Isa
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Hazrul bin Sharif
Nurul Aishah binti Sha'arin
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 6 Mei 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA
[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) adakah Program Rakan Cop yang dilaksanakan memberi kesan terhadap pengurangan kadar jenayah di negara ini. Berapa peratus pengurangan jenayah melalui program ini berbanding keahlian Rakan Cop; dan

(b) berapa bilangan pondok polis kecil (pondok bit) yang telah dibina oleh kerajaan bagi melaksanakan Sistem Salleh. Berapa jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi pelaksanaan sistem ini?

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar yang mengemukakan pertanyaan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini,

(a) Rakan Cop ditubuhkan bertujuan menggalakkan orang ramai berinteraksi dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Mereka bertindak sebagai mata dan telinga menyalurkan maklumat-maklumat yang boleh membantu PDRM memerangi jenayah. Program Rakan Cop ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan yang mana statistik keahlian menunjukkan semenjak penubuhannya mulai tahun 2004 sehingga 15 April 2010 seramai 336,363 orang telah mendaftar sebagai Ahli Rakan Cop di seluruh negara.

Semenjak penubuhan Program Rakan Cop ini sejumlah 1.7 juta maklumat berkaitan jenayah dan ketenteraman awam telah disalurkan oleh Ahli-ahli Rakan Cop kepada PDRM melalui sistem pesanan ringkas atau *short messaging system (SMS)* dengan izin. Dengan adanya maklumat ini pihak polis dapat mengambil tindakan dengan lebih efisien dan pantas bagi mengurangkan jenayah. Program Rakan Cop adalah sebahagian daripada wadah dan kaedah pendekatan bagi mengurangkan kadar jenayah dan ianya tidak dapat dinilai dengan sendiri.

Tanpa mengambil kira pendekatan-pendekatan lain yang turut dilakukan oleh PDRM dalam usaha memerangi kegiatan jenayah. Rakan Cop ini merupakan salah satu daripada inisiatif di bawah NKRA mengurangkan jenayah dengan sasaran mengurangkan jenayah indeks sebanyak 5 peratus dan jenayah jalan sebanyak 20 peratus menjelang akhir tahun 2010.

Kesemua inisiatif NKRA mengurangkan jenayah termasuk Rakan Cop sama ada yang telah, sedang dan akan dilaksanakan adalah saling berkaitan dan secara kolektifnya menyumbang kepada pengurangan jenayah.

Rentetan itu, laporan statistik NKRA PDRM bagi kejadian jenayah seluruh negara telah menunjukkan penurunan bagi jenayah indeks sebanyak 15.35 peratus dan jenayah jalan sebanyak 38.7 peratus bagi tempoh Januari hingga April 2010di dibandingkan tempoh yang sama bagi tahun 2009. Daripada segi angka bagi jenayah indeks untuk tempoh Januari hingga April tahun 2010 terdapat sebanyak 59,661 kes berbanding bagi tempoh yang sama pada tahun 2009 sebanyak 70,481 kes di mana ini menunjukkan penurunan sebanyak -10,820 kes. Bagi kes jalanan pula bagi tempoh Januari hingga April 2010 terdapat 8,209 kes berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2009 sebanyak 13,339 kes. Ini bermakna penurunan sebanyak -5,182 kes.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan,

(b) Berkenaan dengan pondok bit yang dilaksanakan di bawah Sistem Salleh. Terdapat 81 buah pondok bit yang sedang beroperasi di seluruh negara. Pondok bit ini pada peringkat awal pelaksanaannya di bawah Sistem Salleh telah dibina oleh kerajaan tetapi semenjak kebelakangan ini pondok-pondok bit ini telah diwujudkan di atas sumbangan pihak-pihak swasta. Jumlah pondok bit yang diwujudkan oleh pihak swasta di seluruh negara setakat ini adalah sebanyak 79 buah.

Berkaitan dengan jumlah peruntukan atau kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi mewujudkan pondok-pondok bit ini ianya tidak melibatkan peruntukan tambahan kewangan kerajaan kerana ianya disediakan oleh pihak swasta.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tahniah KDN. Soalan tambahan saya, apakah maklumat yang boleh disalurkan ke talian Rakan Cop serta apakah kelebihan menjadi Rakan Cop? Kedua, bagaimana masyarakat hendak dapatkan pondok polis bit ini?

■1010

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan maklumat-maklumat yang boleh disalurkan oleh pihak ahli Rakan Cop kepada polis ada beberapa perkara iaitu berkaitan dengan kejadian jenayah. Ini termasuk penyalahgunaan dadah, kemalangan jalan raya, kesalahan lalu lintas atau kesesakan lalu lintas, berkaitan dengan lumba haram, perjudian, kejadian maksiat, penyeludupan, pendatang tanpa izin dan lain-lain maklumat yang melibatkan keselamatan dan ketenteraman awam.

Berkaitan dengan kelebihan dengan konsep Rakan Cop ini, ia dengan adanya maklumat-maklumat yang disalurkan oleh ahli-ahli Rakan Cop. Maklumat-maklumat seperti yang telah saya katakan tadi kepada polis melalui pesanan ringkas kepada *control centre* yang di *operate* oleh polis. Dengan maklumat-maklumat yang diterima itu, maka tindakan yang pantas dan dapat disalurkan *control centre* kepada kereta-kereta peronda ataupun kalau jika hendak menyampaikan maklumat kepada masyarakat, maka ia juga boleh disalurkan kepada media-media ataupun saluran radio atau pun televisyen.

Berkaitan dengan *bit base*. Buat masa ini, sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi bahawa perwujudan *bit base* itu adalah diwujudkan oleh pihak swasta. Biasanya mereka mendapatkan persetujuan daripada pihak polis untuk mewujudkan *bit base* ini.

Bit base ini fungsi asasnya adalah sebagai *omnipresent,* maknanya dengan ada *bit base* di kawasan-kawasan di *hotspot* umpamanya, maka pihak masyarakat akan melihat bahawa adanya polis di situ. Di tempat itu di mana anggota-anggota polis yang membuat rondaan selalu singgah dan berada di dalam *bit base* itu untuk membuat catatan dalam tugasan-tugasan harian beliau.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usaha membasmi atau mencegah jenayah tidak akan berkesan dan berkekalan kecuali seseorang itu bertekad dan bersedia untuk mengamalkan budaya anti-jenayah dan menjadikan keselamatan sebagai cara hidup. Soalan saya, apakah punca besar yang menimbulkan perlakuan jenayah?

Kedua, sejak penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia terbabit secara aktif melalui Projek Inisiatif Bandar Selamat berharap dapat membabitkan penyertaan semua lapisan masyarakat di dalam mendidik orang ramai. Apakah kesannya sehingga hari ini? Saya minta kerajaan menjawab. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan apakah punca berlakunya jenayah. Saya rasa ia puncanya berbagai-bagai. Ada disebabkan dadah. Ada disebabkan tekanan hidup dan berbagai-bagai lagi yang mereka rasakan keperluan-keperluan mereka itu.

Berkaitan dengan bandar selamat. Sebagaimana yang telah dilaksanakan bahawa bagi memastikan bandar itu selamat, jadi dalam tindakan-tindakan berkaitan dengan memastikan supaya jenayah-jenayah tidak berlaku maka banyak rondaan-rondaan yang dilakukan. Dan juga, banyak CCTV yang telah dipasang oleh pihak berkuasa di bandar-bandar berkaitan. Jadi dengan ada rondaan-rondaan dan juga CCTV yang dipasang di kawasan bandar-bandar ini, maka ia dapat mengurangkan kejadian-kejadian jenayah berlaku di kawasan bandar-bandar ini. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapatkan penjelasan, sebelum Rakan Cop ditubuhkan, saya difahamkan dahulu kita ada *Police Volunteer Reserve* dan adakah pasukan ini masih lagi *exist*, dengan izin, jikalau masih ada, apakah syarat-syaratnya untuk menjadi *Police Volunteer Reserve*? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pasukan *Police Volunteer Reserve* masih lagi wujud yang mana ini merupakan peruntukan yang ada dalam Akta Polis. Ini di mana IGP boleh melantik beberapa anggota secara *volunteer* untuk berkhidmat sebagai *Police Volunteer Reserve.* Daripada segi syaratnya, saya rasa saya akan jawab secara bertulis yang lebih tepat Tuan Yang di-Pertua.

2. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian sejauh mana isu *brain-drain* di negara ini telah mengakibatkan kekurangan tenaga profesional dalam bidang-bidang tertentu dan apakah strategi kementerian dalam menangani isu ini memandangkan ia adalah elemen yang penting dalam kejayaan Model Ekonomi Baru.

10.17 pg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

Saya ingin memaklumkan bahawa berdasarkan satu kajian yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi sebagaimana yang dilaporkan oleh *Locus 2008*, mendapati pada tahun 2000 sejumlah 785,000 orang yang berasal dari Malaysia telah menetap di luar negara iaitu 3.1 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 40 peratus menetap di Singapura, 32 peratus di negara-negara membangun seperti Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada dan New Zealand, 20 peratus di negara-negara ASEAN seperti Brunei, Filipina dan Indonesia. Dianggarkan sejumlah 350,000 orang dari jumlah tersebut bekerja di luar negara dan kebanyakan mereka adalah pekerja mahir termasuk 30,000 orang hingga 40,000 orang di Singapura.

Jumlah mereka yang menetap khususnya di Australia seramai 79,000 orang, Amerika Syarikat seramai 52,000 orang dan United Kingdom seramai 50,000 orang. Selain daripada mencari pekerjaan dengan gaji yang lebih lumayan, sebahagian besar berhijrah di atas sebab keluarga dan melanjutkan pelajaran.

Dalam era globalisasi dan sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip-prinsip kebebasan dan demokrasi, rakyat diberi kebebasan untuk memilih pekerjaan di dalam mahupun di luar negara. Kerajaan tidak dapat menghalang mana-mana pihak atau individu untuk bekerja di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu rakyat berhijrah ke luar negara ataupun selalu dipanggil sebagai dengan izin, *brain-drain* bukan hanya dihadapi oleh Malaysia bahkan oleh negara-negara maju yang lain. Ini boleh dibuktikan melalui analisis nisbah yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia di mana kita dapati bahawa nisbah antara penduduk di luar negara dan populasi menunjukkan bagi Malaysia – 1:36 berbanding dengan New Zealand – 1:8; United Kingdom – 1:15; Singapura - 1:18; Lao PDR – 1:18; Brunei – 1:22; Kanada – 1:26; dan Filipina – 1:27.

■1020

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Malaysia bagaimana untuk memanggil semula atau menggalakkan mereka ini kembali, kita panggil program dengan izin, *brain gain*. Melalui program menggalakkan warganegara Malaysia berkepakaran yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Kementerian menyediakan pelbagai insentif, di antaranya apabila mereka berhasrat untuk kembali mereka boleh membawa kereta dua buah dengan pelepasan cukai dan sekiranya pasangannya adalah warga asing, mereka akan diberi status penduduk tetap dan anaknya akan dibantu untuk terus kekal di sekolah antarabangsa sekiranya berhasrat untuk meletakkan anaknya di situ.

Selain daripada itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga ada satu program *brain gain* ini yang dipanggil dengan izin, *brain gain* Malaysia untuk bidang-bidang berteraskan kepada sains, teknologi, dan inovasi. Selain daripada itu Yang Berhormat, saya juga mengambil kesempatan memaklumkan bahawa melalui usaha Model Ekonomi Baru oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan kita jana supaya negara kita menjadi negara berpendapatan tinggi juga dengan pewujudan zon-zon pembangunan wilayah yang ada pada masa ini akan wujud pelbagai peluang pekerjaan dan juga keperluan tenaga pakar dan profesional yang akan dapat menampung dan menarik lebih ramai lagi warga Malaysia ke Malaysia, *insya-Allah*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

10.22 pg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan yang sangat teliti dan baik. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, setiap tahun kita kehilangan sejumlah yang agak besar tenaga pakar, mahir dan profesional kita yang berhijrah ke negara-negara luar tetapi, pada masa yang sama juga kita menerima sejumlah golongan tenaga mahir dan profesional.

Ada yang bertaraf *expatriate* bekerja dalam negara kita terutama di sektor swasta. Umpamanya, setakat yang saya tahu dalam bidang IT dan komunikasi misalnya, ramai yang datang daripada India, dalam bidang perbankan dan juga insurans daripada Singapura dan seterusnya.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat ialah, adakah kementerian mempunyai data yang agak terperinci tentang golongan tenaga profesional dan juga *expatriate* yang bekerja di sini? Kedua, sejauh mana kehadiran mereka ini membantu pertumbuhan ekonomi negara secara umum dan sejauh mana pula ia menjejaskan peluang pekerjaan kepada para profesional tempatan kita yang kian bertambah? Terima kasih.

Dato' Maznah Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini maklumat yang ada menunjukkan bahawa angka sehingga Februari 2010 bilangan pegawai yang aktif mengikut sektor yang ada di negara ini berjumlah 31,397 orang dan dari segi peratusannya daripada keseluruhan tenaga pekerja di negara ini lebih kurang 11 juta adalah lebih kurang 3 peratus, daripada jumlah tenaga kerja di negara ini. Bagaimana ia membantu, saya rasa kita tahu bahawa negara kita pada masa ini berada di persada global dan kita juga memerlukan banyak bidang-bidang baru, teknologi baru. Dengan itu memerlukan kepakaran yang masih lagi sedang dibina atau pun tidak mencukupi di negara ini.

Oleh itu, saya lihat bahawa tenaga *expatriate* ini yang ada di dalam negara ini membawa berbagai faedah di dalam membangunkan negara kita di mana kita tahu bahawa kemasukan mereka itu teratur dan berdasarkan kepada keperluan negara melalui prosedur-prosedur yang begitu terperinci. Kita tahu bahawa kehadiran mereka ini juga disyaratkan supaya berlakunya pemindahan teknologi kepada warga Malaysia yang sudah tentu akan memberi manfaat kepada negara kita dan kehadiran mereka juga dapat memesatkan lagi usaha negara untuk mengupayakan Malaysia dan meningkatkan daya saing negara kita dalam pelbagai bidang baru. Bahkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di dalam usaha mereka membawa tenaga pakar bukan hanya untuk membawa balik rakyat Malaysia tetapi juga tokoh-tokoh dan pakar-pakar daripada bidang berasaskan sains, teknologi dan inovasi yang diperlukan oleh negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

10.26 pg.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi bagi kita, kita rasa berbangga dengan kemampuan Malaysia untuk menghantar profesional-profesional kita sehingga 785,000 ke luar negara.

Soalan tambahan saya ialah yang saya ingin tahu daripada Kementerian Sumber Manusia, setakat ini sejauh manakah kajian yang lebih mendalam dan *detail* yang dilakukan tentang corak pemilihan kerja yang menyebabkan profesional-profesional ini bekerja di luar negara. Ini kerana faktor gaji, keluarga dan melanjutkan pelajaran memang penting.

Akan tetapi dalam hal memilih tempat kerja ini, *job satisfaction,* dengan izin, adalah jauh lebih penting apabila kita memilih satu profesion. Jadi sejauh manakah kajian tentang *job satisfaction* ini dengan izin, yang telah dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

Dato' Maznah Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak betulkan tadi. Ada ungkapan yang dibuat tadi kita rasa berbangga dengan pengaliran atau pun penghijrahan rakyat Malaysia ke luar negara. Saya ingin betulkan, ungkapan itu tidak tepat dan saya ingin menolaknya tetapi, seperti yang saya jelaskan tadi bahawa Malaysia bukanlah satu negara yang terpencil dan bersendirian dan sudah tentu kita lihat daripada sejarah zaman dahulu sehingga sekarang pengaliran manusia daripada satu tempat ke satu tempat itu adalah satu proses yang biasa dan juga atas sebab-sebab yang spesifik yang telah saya sebutkan tadi. Bukan hanya Malaysia berada di dalam keadaan yang sedemikian bahkan negara-negara lain yang telah saya sebutkan tadi.

Mengenai dengan kajian tentang penghijrahan ini atau pun tentang corak pemilihan pekerjaan ini saya rasa itu memerlukan satu jawapan yang panjang lebar. Yang Berhormat boleh tanya soalan berasingan dan saya minta soalan itu dibuat mengikut sektor kerana kita banyak sektor, subsektor dan tiap-tiap satu itu mempunyai ciri-ciri, isu-isu dan juga cara-cara menanganinya yang berbeza-beza. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Akbar bin Ali.

10.29 pg.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *amin* kerana diberi peluang... *[Ketawa]* Sudah tentu untuk menjayakan ekonomi Yang Berhormat Dato', khususnya menjayakan Model Ekonomi Baru antara yang *criticle success factor* nya ialah..., dengan izin, ialah modal insan yang berkualiti.

Dalam hal ini kita hanya ada sepuluh tahun, Wawasan 2020. Maka, sebelum saya beri soalan, saya perlu berikan senario dia. Kita perlukan modal insan domestik dan kita perlukan juga modal insan daripada luar. Dalam konteks *equation* kita ini tadi, kita ada *brain drain,* kita ada *brain gain*...

■1030

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, senario tidak perlulah.

Datuk Akbar bin Ali: Jadi, soalannya...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan terus... *[Disampuk]* Lain kali tidak ada peluang ini.

Datuk Akbar bin Ali: *[Ketawa]* Jadi soalannya ialah apakah langkah-langkah baru yang hendak diusahakan oleh kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri – tetapi bukan kementerian Yang Berhormat sahaja kerajaan seluruhnya, untuk menangani isu ini kerana apa yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat tadi adalah merupakan langkah-langkah yang sedia ada.

Berdasarkan langkah-langkah yang sedia ada tadi, *brain gain* hanya berlaku di bawah REP 601 orang, di bawah BGM 1,051 orang. Manakala *brain drain* antara tahun 2007 dan 2009, *brain drain* sebanyak 118 peratus telah keluar. Berdasarkan angka 139,000 telah keluar pada tahun 2007 dan telah meningkat sebanyak 304,000 pada tahun 2009. 118 peratus. Sedangkan *brain gain* hanyalah 1,051 orang. Apakah langkah baru yang hendak diusahakan kerana langkah yang disebutkan tadi tidak akan dapat membantu? *Doing the same thing over and over and over again, expecting a different result is lunatic.* Terima kasih.

Dato' Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat memang seorang yang pakar dalam angka dan data. Terima kasih. Sebenarnya kita sekarang ini di ambang melangkah kepada Model Ekonomi Baru dan kita juga sedang berusaha untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi. Oleh itu, teras pada pencapaian ini adalah bagaimana kita akan memacu tenaga ataupun modal insan kita supaya mempunyai keterampilan, kemahiran dan juga diiringi dengan insentif-insentif dan pakej-pakej yang komprehensif.

Oleh itu Yang Berhormat, bagi menjawabnya, tidak ada satu jawapan yang dapat saya berikan pada hari ini kerana bukan hanya Kementerian Sumber Manusia bahkan lain-lain kementerian dan juga agensi pada masa ini sedang berusaha untuk melihat semua program-program yang ada bahkan program *brain gain* ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, juga sedang dikaji semula supaya ia lebih dapat menarik minat dan merupakan insentif yang lebih berkesan. Begitu juga daripada program kemahiran dan lain-lainnya. Semuanya sedang dikaji semula termasuk juga dengan akta-akta yang berkaitan dengan pekerjaan sedang kita lihat supaya ia sejajar dengan tuntutan dan matlamat kita yang ada ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, syarat-syarat dan kriteria pelantikan ahli-ahli jawatankuasa kariah masjid-masjid di Wilayah Persekutuan. Sejauh manakah pandangan dan pendapat ahli-ahli kariah diambil kira dalam pelantikan jawatankuasa kariah sesuatu masjid itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan tentang hal ehwal masjid.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, peruntukan Kaedah-kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persekutuan 1987, perkara 6(1) telah memperuntukkan bahawa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan boleh menubuhkan satu jawatankuasa kariah dengan melantik mana-mana orang yang sesuai dan layak untuk menjadi anggota jawatankuasa kariah.

Pelantikan ini mengambil kira pandangan kepimpinan masyarakat tempatan untuk menjaga perpaduan anak kariah dan juga untuk menjaga kepentingan pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Pihak Majlis boleh menentukan jawatan bagi tiap-tiap anggota tersebut dan menamatkan perkhidmatan mereka atas sebab-sebab tertentu iaitu seseorang anggota dalam jawatankuasa adalah memudaratkan dan tidak berfaedah pada perjalanan yang sewajarnya kepada jawatankuasa atau pada kebaikan moral, rohani, agama atau sosial anak kariah. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, semangat soalan saya ini

sebenarnya adalah berbangkit daripada sungutan dan rasa tidak puas hati jemaah di sebuah masjid – kalau dikehendaki memberikan contoh lebih khusus ialah Masjid Sayidina Abu Bakar di Bangsar.

Baru-baru ini masjid ini telah diberikan senarai baru ahli-ahli jawatankuasa kariahnya dan termasuk dalam senarai baru itu ialah seorang bilal yang tidak mempunyai pengetahuan dari segi *book-keeping* apatah lagi *accounting,* dilantik sebagai bendahari masjid yang menguruskan beratus-ratus ribu duit masjid. Oleh sebab itulah, saya menanyakan sejauh mana pandangan jawatankuasa kariah diambil kira? Akan tetapi nampak tadi walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan pandangan penduduk dan jawatankuasa kariah diambil kira tetapi contoh pelantikan terakhir di masjid yang saya sebutkan tadi tidak membayangkan kebenaran apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu.

Saya dengan ikhlas mengatakan ini dengan semangat ukhuwah sahaja yang barangkali juga mendasari keseluruhan soalan ini ialah supaya JAWI diminta supaya lebih mesra masjid. Saya tahu pihak JAWI mentadbir lebih daripada 1,000 buah masjid di Wilayah Persekutuan. Akan tetapi di tempat-tempat tertentu yang sensitif seperti di Bangsar ini, saya rasa pihak JAWI sepatutnya memberikan perhatian yang lebih utama.

Satu lagi umpamanya yang menjadi sungutan, di Bangsar ini atap masjid bocor. Seharusnya kebocoran atap masjid, *maintenance* nya, penyelenggaraannya adalah daripada – tidak tahulah daripada pihak JAWI ataupun kerajaan tetapi apabila perkara ini dikemukakan, diminta supaya perbaikannya dibiayai dari tabung masjid. Ini antara kemusykilan-kemusykilan yang mendasari yang menjadi semangat pada soalan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Berkenaan dengan soalan tadi sejauh manakah diambil kira tentang rungutan dan juga pandangan daripada ahli jawatankuasa masjid yang sebelum ini.

Seperti mana yang saya maklumkan, kita memang mengambil kira. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kita juga mempunyai senarai daripada pelbagai masyarakat yang memberikan kepada pihak JAWI senarai-senarai nama. Jadi daripada senarai nama yang telah diberikan, ia dipertimbangkan. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kalau sekiranya masih ada rasa tidak puas hati daripada kalangan ahli jawatankuasa tentang pelantikan tersebut, Yang Berhormat bolehlah mencadangkan semula kepada pihak JAWI dan kami akan mengambil kira.

Ini kerana untuk makluman Yang Berhormat, senarai tersebut mestilah dibawa dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan terlebih dahulu. Jadi bagi pihak JAWI, tidak mempunyai sebarang masalah untuk menerima pandangan dari semasa ke semasa. Tentang soalan yang lebih spesifik ataupun khusus tentang masalah bilal yang berlaku seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, kita ambil kira pandangan tersebut dan siasatan akan kita buat.

Berkenaan dengan atap masjid yang bocor, saya suka hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa memang peruntukan itu tidak ada spesifiknya di bawah JAWI. Apa yang berlaku ialah pihak JAWI juga harus membuat permohonan daripada pihak JAKIM dan kadang-kadang ia memakan masa yang agak lama juga. Ini kerana peruntukan tersebut mestilah diminta daripada JAKIM terlebih dahulu yang mempunyai pelbagai program lain yang harus dibahagikan. Kemungkinan Yang Berhormat, untuk dipercepatkan, agaknya pihak JAWI memohon supaya dibiayai oleh pihak masjid. Apa pun, saya mengambil perkara ini secara serius dan kami akan melihat perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng.

Tuan Ng Fook Heng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Semasa saya buat lawatan ke negeri China beberapa tahun yang dahulu, saya ada pergi melawat sebuah masjid di negeri China, hendak lihat bagaimana umat Islam China di sana bersembahyang. Saya dibenarkan masuk ke masjid. Soalan saya ialah di Malaysia ini saya tidak pernah memasuki sebuah masjid, jadi adakah orang bukan Islam di Malaysia ini dibenarkan masuk ke masjid untuk buat lawatan atau kajian dan sebagainya?... *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng yang juga memberikan semangat untuk bertanyakan soalan ini.

■ **1040**

Sebenarnya Yang Berhormat tidak ada sebarang tegahan kepada orang bukan Islam untuk melawat atau melakukan sebarang kajian... *[Tepuk]* Di masjid-masjid kita. Cuma bagi mereka yang datang melawat kadang-kadang kita akan sediakan jubah khas sekiranya pakaian tersebut tidak sesuai untuk memasuki masjid. Itu sahaja Yang Berhormat. Dialu-alukan untuk melawat mana-mana masjid. Terima kasih... *[Tepuk].*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kerana sentiasa merujuk dan mengiktiraf pemimpin setempat sebelum pelantikan Jawatankuasa Masjid dibuat. Bukan seperti Negeri Selangor tidak mengiktiraf pemimpin setempat, sebab itu Masjid Negeri Selangor selalu dipolitikkan. Soalannya penyalahgunaan masjid di Wilayah Persekutuan adakala berlaku. Bukan sahaja dilakukan oleh Jawatankuasa Masjid itu sendiri, akan tetapi juga penjawat awam yang dilantik oleh JAWI sebagai imam dan jurunikah ataupun sebagai bendahari masjid.

Apakah jenis penyalahgunaan imam dan jurunikah sehingga mereka terpaksa ditukar bekerja di pejabat. Dahulu bekerja di masjid, sekarang kena bekerja di pejabat sebagai hukuman. Adakala terpaksa diberhentikan kerja. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan. Tentang penyalahgunaan secara spesifik ini saya mohon untuk saya semak perkara tersebut. Akan tetapi apa yang kita sedia maklum sekarang Yang Berhormat, kita memang ada mendengar beberapa salah gunaan seperti mempolitikkan masjid dan sebagainya. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku, pihak JAWI telah mengambil satu langkah proaktif dengan mengadakan masjid-masjid ini dibahagikan kepada tujuh zon.

Di tiap-tiap zon itu kita lantik seorang pegawai penyelarasan kariah yang akan menyelaras aktiviti dan memantau sekiranya ada program-program yang mencemarkan masjid atau menyalahgunakan kesucian masjid itu sendiri. Jadi kalau Yang Berhormat tanya tadi tentang bilal ataupun imam yang ditukar kerana kesalahan, apakah kesalahan? Biasanya Yang Berhormat dia merujuk kepada kesalahan yang berat. Kita tidak akan menukar begitu sahaja imam tetapi, kita mengamalkan sikap selalunya berbincang terlebih dahulu. Kita akan memberi kepada imam ataupun bilal atau mana-mana Jawatankuasa tersebut amaran sebelum daripada sebarang tindakan dilaksanakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) statistik rakyat Malaysia yang ditahan di penjara luar negara tanpa sebarang pertuduhan; dan

(b) apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian dalam memastikan kes seperti "Pak Omar" yang di penjara di penjara Laos tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua berdasarkan laporan dan statistik yang diterima dari pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di seberang laut jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara dan masih menunggu tarikh perbicaraan ialah seramai 98 orang. Di antara usaha yang telah diambil bagi membantu mereka yang telah ditahan adalah dengan membuat lawatan konsulat ke pusat-pusat tahanan di mana tahanan tersebut berada bagi memastikan mereka mendapat layanan yang baik dan adil daripada pihak berkuasa tempatan.

Kementerian Luar Negeri dan Perwakilan Malaysia sentiasa mengingatkan wakil negara Malaysia yang ingin keluar negara, agar berkelakuan baik bagi mengelakkan timbul masalah dengan pihak Berkuasa Tempatan. Mereka juga sentiasa diingatkan agar berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga agar tidak terpedaya dan menjadi mangsa penipuan oleh pihak sindiket yang menawarkan pakej pelancongan atau ganjaran yang lumayan apabila ke luar negara.

Sekiranya, timbul sebarang keraguan berhubung tawaran bekerja di luar negara yang diterima, mereka boleh merujukkan perkara ini ke Kementerian Luar Negeri. Kempen-kempen kesedaran melalui media massa turut dilakukan oleh kementerian ini dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan. Terkini Yang Berhormat Senator A. Kohilan Pillay, Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri telah muncul dalam dialog di TV1, Radio dan Televisyen Malaysia yang disiarkan secara langsung pada 31 Mac 2010 bagi membincangkan berkaitan "Keldai dadah". Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya yang kedua berkenaan dengan Pak Omar tidak diperjelaskan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Jelas kes melibatkan individu yang bernama Pak Omar yang ditahan pihak berkuasa Laos ketika cuba meninggalkan negara pada 13 Mei tahun lalu kerana tuduhan terbabit jenayah perdagangan manusia adalah bukti Malaysia menjadi transit atau pusat aktif perdagangan manusia dan juga isu berkaitan keldai dadah.

Bagaimanapun tahniah saya ucapkan kepada Biro Aduan Komuniti Pergerakan Pemuda UMNO dengan kerjasama Wisma Putra dan Kedutaan Malaysia di Laos akhirnya pembelaan secara wajar beliau dapat kembali ke Malaysia. Saya difahamkan sehingga ke hari ini individu bernama Krishnan yang dikatakan *mastermind* yang memujuk Pak Omar untuk bersama-samanya ke Laos dapat melepaskan diri dan gagal dikesan.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat dilihat dari statistik kementerian yang semakin meningkat. Adakah kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan *legal team* khusus yang mahir dalam hal ehwal *human right issues* dengan izin, untuk menangani kes-kes seperti ini? Berapa ramaikah rakyat Malaysia yang masih ditahan di luar negara? Apakah jenis-jenis kesalahan mereka? Ini kerana kita tidak boleh selamanya mengharapkan ihsan Biro Pemuda UMNO. Tokoh seperti Michael Chong, Biro Pengaduan MCA atau NGO berkaitan sahaja memandangkan kes seperti ini bakal melibatkan wang, tenaga, kos dan masa yang terlalu tinggi. Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, statistik tahanan rakyat Malaysia di luar negara kalau mengikut statistik yang ada di Kementerian Luar Negeri, sehingga 5 Mei 2010 seramai 1,441 orang rakyat Malaysia telah ditahan di penjara di luar negara yang melibatkan 59 buah negara. Pecahan jenis-jenis kesalahan adalah berikut:

Statistik Tahanan Rakyat Malaysia di Luar Negara	
Jenis Kesalahan	**Jumlah (Orang)**
Tuduhan data	733
Kes dokumen palsu dan kad kredit	243
Masalah imigrasi	72
Perdagangan manusia	42
Jenayah Perdagangan	93
Mencuri	74
Membunuh	17
Penipuan	47
Lain-lain	122
Jumlah Besar	**1,441**

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Tuan Lee Cheam Choon.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah apakah bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian Luar Negeri terhadap Encik Omar Atan dan juga bagaimanakah keadaan beliau sekarang di penjara Laos?

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, Encik Omar Atan sebagai penterjemah kepada Encik Krishnan telah ditahan di negara Laos atas kesalahan perdagangan manusia. Bantuan Kementerian Luar Negeri kepada Encik Omar Atan termasuk:

(i) memaklumkan status terkini kes kepada keluarga beliau dari masa ke semasa;

(ii) Kedutaan Besar Malaysia di Laos telah membuat beberapa representasi kepada Timbalan Menteri Luar Negara Laos bagi mendapatkan maklumat terkini dan merayu agar kes Encik Omar Atan diselesaikan dengan segera;

■1050

(iii) Kedutaan Besar Malaysia di Laos kerap membuat lawatan ke penjara untuk melawat Encik Omar Atan; dan

(iv) atas rayuan Kedutaan Besar Malaysia kita di Laos, Encik Omar Atan dibenarkan pulang ke Malaysia sepuluh hari mulai 20 hingga 30 Mac 2010 untuk menziarahi isteri beliau yang telah meninggal.

Tuan Yang di-Pertua, kes ini akan dibicarakan pada hari Jumaat, 7 Mei 2010. Sekian.

5. Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram *[Di bawah P.M. 23(2)]* minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, *roadmap* dan *timeline* yang dirancang untuk memperkasa teknologi hijau dan mengharmonikan kesejahteraan alam di Malaysia dan apakah kedudukan negara dalam *green index* dunia, dan sejauh manakah janji Perdana Menteri mengenai hal ini telah dilaksanakan.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sedang merangka satu *roadmap* teknologi hijau yang komprehensif merangkumi pelbagai sektor utama bagi memastikan kelancaran pembangunan sektor teknologi hijau di negara ini. Perancangan tersebut telah mengambil kira akan kepentingan komponen-komponen dalam teknologi hijau iaitu dalam sektor tenaga, bangunan, air dan pengurusan sisa pepejal serta pengangkutan. *Roadmap* tersebut dijangka akan disiapkan menjelang tahun 2011.

Kerajaan telah memberikan komitmen yang tinggi terhadap pembangunan teknologi hijau di negara ini. Ekoran daripada rombakan Kabinet dan penstrukturan semula kementerian pada bulan April 2009 yang lalu, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah ditubuhkan dan seterusnya diperuntukkan bidang kuasa baru melibatkan penyelarasan dan pengurusan Dasar Teknologi Hijau Negara. Ini disusuli pula oleh penubuhan Majlis Teknologi Hijau Negara yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Dalam ucapan Bajet 2010 yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai penubuhan *Green Technology Financing Scheme* (GTFS) dengan izin bernilai RM1.5 bilion yang ditawarkan dalam bentuk pinjaman mudah kepada para pengusaha dan pengguna teknologi hijau tempatan. Kesinambungan usaha untuk membangunkan sektor teknologi hijau pula diteruskan pula oleh kementerian saya yang kini telah menstrukturkan semula Pusat Tenaga Malaysia kepada *Malaysian Green Technology Corporation* (MGTC), supaya pelaksanaan dasar-dasar teknologi hijau negara dapat dijalankan dengan lebih lancar dan berkesan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan kedudukan negara dalam *green index* dunia. Tidak terdapat sebarang sistem penilaian dan penarafan dunia yang khusus memfokuskan kepada pengaplikasian teknologi hijau. Oleh sebab itu saya tidak dapat memberi apa-apa maklumat *green index* dunia ini, yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kerana datang sendiri untuk menjawab soalan pada pagi ini. Tidak ada soalan tambahan? Yang Berhormat Tuan Haji Shamsudin bin Mehat.

Tuan Haji Shamsudin bin Mehat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita maklum bahawa teknologi hijau ini merupakan sektor yang mendapat perhatian serius kerajaan dalam Model Ekonomi Baru. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini, bagaimanakah kementerian mempromosi teknologi hijau ini di kalangan masyarakat awam? Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Yang Berhormat. Teknologi hijau ini memang benar disebut sebagai satu langkah yang digunakan oleh kerajaan untuk menstrukturkan industri-industri yang mesra alam di negara kita ini. Oleh sebab itu segala usaha penggalakan akan diadakan untuk menggalakkan pihak industri terutamanya IKS dalam negara kita ini untuk menceburi dalam bidang ini supaya mereka dapat mengadakan produk-produk yang boleh kita eksportkan ke negara-negara luar di dunia.

Ini adalah supaya produk-produk ini setaraf dengan kehendak penduduk-penduduk di negara-negara maju. Kita tahu di negara-negara maju ini mereka memang berminat dan juga menggalakkan pengimportan yang bersifat mesra alam. Oleh sebab itu kita menggunakan tabung yang saya sebutkan tadi iaitu Tabung Pinjaman Teknologi Hijau yang digunakan untuk menolong pihak-pihak yang ingin menceburi dalam industri ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga menggalakkan usaha-usaha terhadap pelbagai bidang sektor yang penting seperti tenaga. Kita juga faham bahawa sektor tenaga ini adalah satu sektor yang amat penting bagi perkembangan ekonomi negara. Oleh sebab itu kita dengan cara yang bijak perlu memastikan bahawa sektor ini dikembangkan sejajar dengan perkembangan ekonomi, terutamanya sektor tenaga ini mestilah dibangunkan dengan cara yang mesra alam juga. Oleh sebab itu maka kita mengambil langkah seperti menukar *bulb* yang kita gunakan di rumah pada hari ini. Kalau kita tengok *bulb* yang dulu disifatkan *bulb* yang mengambil tenaga yang banyak tetapi pada hari ini kita mempunyai *bulb* dengan ciri-ciri yang boleh menjimatkan tenaga. Dengan cara inilah kita memperluaskan lagi usaha-usaha teknologi hijau.

Satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan ialah kita mempunyai banyak *biomass* atau bahan-bahan *biomass* di negara kita ini. Kita akan cuba menggunakan *biomass* ini untuk menjana tenaga ataupun elektrik. Sekali gus ini boleh menggelakkan penggunaan bahan api fosil yang kita tahu tidak begitu mesra alam.

■1100

Cara-cara inilah Yang Berhormat, yang kita untuk mempromosikan teknologi hijau. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat minat, kita boleh menganjurkan satu sesi taklimat mengenai tajuk teknologi hijau ini bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dalam satu sesi makan tengah hari ke atau apa, di sesi akan datang kita boleh menganjurkan satu taklimat bagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Semua setuju.

Beberapa Ahli: Setuju... *[Ketawa]*

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: ...Bagi menerangkan lebih lanjut, lebih mendalam tentang tajuk ini. Sekian.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana agaknya sambutan GTFS setakat ini dan beberapa syarikat yang telah diluluskan di bawah GTFS, dan berapa kadar faedah yang dikenakan dan juga syarat yang dikenakan? Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat, GTFS ini merupakan satu cara untuk kita menolong pihak pengusaha teknologi hijau ini. Setakat ini kita sudah luluskan 19 projek atau permintaan daripada pengusaha-pengusaha. Kita tolak empat dan satu lagi masih sekarang diteliti oleh Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan untuk meneliti semua permohonan yang kita terima. Memang ada banyak lagi yang mohon tetapi malangnya permohonan itu tidak dilengkapi dengan dokumen-dokumen yang perlu kita minta untuk dikepilkan supaya kita boleh meneliti permohonan mereka. Kepada pemohon-pemohon yang kita rasa tidak cukup lengkap kita minta mereka memperkemaskan lagi apa yang kita hendak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim ini memang disambut dengan baik oleh pihak pengusaha dan kita boleh nampaklah daripada pemohon-pemohon yang kita terima ini, memang ada industri-industri yang berasaskan sumber-sumber di dalam negara ini diutarakan dan saya ingin juga sebut antara pemohon yang kita luluskan adalah berkaitan dengan penjanaan elektrik daripada sumber-sumber dari kertas seperti plastik yang kita buang pada *landfill* kita. Ini semua adalah baik untuk negara kita dan ini boleh menolong negara kita untuk tidak mengimport seumpamanya arang batu di luar negara untuk kita menjanakan elektrik ataupun tenaga. Itulah cara-cara yang kita usahakan bagi memastikan bahawa skim ini akan terus mendapat tujuan atau objektifnya.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama dengan Tuan Yang di-Pertua mengucapkan tahniah dan setinggi penghargaan di atas kehadiran Menteri yang datang sendiri ke Dewan yang mulia ini. Sepanjang saya berada di Dewan Negara ini, inilah sesi yang paling ramai sekali Menteri dapat hadirkan diri. Sekali lagi terima kasih... *[Tepuk]*

6. **Datuk Akbar bin Ali** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) langkah-langkah yang akan diambil untuk memulihkan kredibiliti Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) dan data yang dihasilkan seperti GDP, inflasi, dan perdagangan luar negeri kerana ia tidak mengumumkan sendiri data-data tersebut sebagaimana yang diamalkan oleh agensi perangkaan tersohor seperti ABS, Australia; Statcan, Canada; LBS, USA dan NSO, UK; dan

(b) apakah persediaan yang telah dan akan dibuat oleh kerajaan untuk menyusun *Green GDP* selaras dengan usaha untuk berganjak ke arah *Green Economy*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebelum saya memulakan jawapan ini, soalan yang pertamanya.

(a) Mengenai memulihkan kredibiliti Jabatan Perangkaan Malaysia. Maka saya rasa soalan itu, saya tidak begitu senang Yang Berhormat kerana bukan memulihkan kredibiliti sebab kredibiliti memang sudah ada. Walau bagaimanapun, saya akan menjawab supaya membuktikan bahawa pembangunan negara begitu rancak sekali dalam tempoh 50 tahun sejak jabatan telah ditubuhkan. Jabatan ini telah ditubuhkan 60 tahun yang lalu, diperuntukkan di bawah Ordinan Statistik 1949 pada 1965 iaitu Akta Perangkaan. Ia telah diluluskan di Parlimen pada 1965 dan menggantikan Ordinan Statistik 1949. Data yang kita kumpulkan, disebarkan untuk kegunaan umum secara berkala melalui penerbitan dan juga melalui laman web jabatan. Maklumat perangkaan yang disusun adalah mengikut garis panduan dan piawaian antarabangsa, dengan izin, *international standards*. Antara garis panduan, definisi dan konsep yang digunakan adalah dari *United Nations Statistic Division* (UNSD) untuk perangkaan ekonomi. Yang Berhormat juga pernah menjadi Timbalan Ketua Perangkaan di jabatan yang sama dan berkhidmat begitu lama. Maka kredibiliti memang diketahui dan difahami oleh Yang Berhormat sendiri.

Pada masa yang sama bagi memastikan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan berkualiti dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Negara telah *subscribe,* dengan izin, kepada *Special Data Dissemination Standards* (SDDS) di bawah IMF sejak Ogos 1996. *Observance Report 2007,* dengan izin, yang dikeluarkan oleh MIF memperakui Malaysia memenuhi piawaiannya SDDS dari segi liputan, *coverage* dan ketetapan masa pengeluaran data sebagai contoh statistik GDP suku tahunan diumumkan dalam tempoh tujuh minggu selepas rujukan berbanding 12 minggu mengikut ketetapan IMF.

Inflasi diumumkan dua minggu selepas bulan rujukan yang mana, IMF menetapkan empat minggu. Perdagangan luar negeri umumkan enam minggu selepas bulan rujukan berbanding ketetapan IMF lapan minggu. Walaupun pengumuman statistik tertentu seperti GDP, inflasi serta perdagangan luar negeri dibuat oleh agensi kerajaan lain sungguhnya ia tidak menjejaskan kredibiliti jabatan kerana angka-angka tersebut sebenarnya dihasilkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Sebagai contoh, pengumuman mengenai GDP, mengenai prestasi ekonomi. Bila kita kata prestasi ekonomi, kita sebut mengenai laporan kewangan dan *indicator* industri, *balance of payment,* dengan izin, diumumkan oleh Bank Negara.

Ini kerana ia merupakan satu institusi yang dihormati di negara dan bukan diumumkan oleh selalunya dijadikan *public domain* oleh Ahli-ahli politik sekiranya perkara itu menjadi satu yang dipersoalkan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan, bagi memastikan kredibiliti Jabatan Perangkaan sentiasa terjamin, kini kerajaan melaksanakan aktiviti berpandukan Pelan Strategik 2010 hingga 2014 yang mana telah dinyatakan visi jabatan iaitu menjadi sebuah organisasi statistik yang terbilang di dunia menjelaskan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dua lapisan soalan, soalan yang keduanya adalah mengenai dengan banyak perkara yang telah diceritakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi – Menteri kita iaitu Menteri Tenaga dan Teknologi Hijau, Air.

Untuk makluman Yang Berhormat sebelum saya menjawab soalan itu Tuan Yang di-Pertua, hari ini surat khabar *Star* telah menulis dengan izin "*More than 10 peratus economic expansion in first quarter for the first in 10 years*". *So* ini bukan diiktiraf oleh kita, ini disebut oleh *London-based Financial Times, "Given Malaysia's high exposure to trade, the numbers bode well for first quarter gross domestic product growth". Prediction* mereka adalah *exports growth in March* sahaja 36.4 peratus, maka inilah statistik-statistik yang dibekalkan dengan bantuan dengan Jabatan Perangkaan. Maka bukan sahaja kita melaung-laungkan ini, ini adalah satu yang tertera dan *indicators* kita digunakan sebagai *benchmark* untuk menilai Malaysia dalam prestasi dunia.

Maka soalan yang kedua itu mengenai soalan yang begitu *pertinent*, bagus sekali dan banyak sudah jawapan banyak dijawab oleh Menteri tadi tetapi walau bagaimanapun saya jawab jugalah.

(b) Seperti mana yang kita maklum Malaysia kaya dengan sumber alam, maka *Green GDP* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah GDP yang telah disesuaikan dengan mengambil kita perubahan stok sumber asli dalam menjana ekonomi, *depreciation in man made capital* dengan izin, dan kesan pencemaran alam sekitar.

■1110

Green GDP sewajarnya diberikan penekanan kerana meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pembangunan lestari – *sustainable development,* dengan izin. Kerajaan sememangnya peka dengan kepentingan *Green GDP* dalam memantau kemajuan ekonomi yang lestari. Oleh itu agensi kerajaan seperti pusat pengajian tinggi dan pusat penyelidikan sedang membuat kajian berkaitan bersama kementerian tadi yang dikatakan dengan kesan penyusutan sumber asli yang disebabkan oleh pembangunan dan bencana alam.

Fokus sentiasa diberikan untuk menambah baik penghasilan statistik dan *indicator*. Okey, alam sekitar seperti melalui pembangunan Sistem Bersepadu Perakaunan Alam Sekitar dan Ekonomi (CEEA) dengan izin, *System of Integrated Environmental and Economic Account* dan *Sustainable Development Index* (SDI). Selain integrasi yang berterusan dengan negara-negara lain yang sedang membangunkan *Green GDP*. Menyedari kepentingan alam sekitar kepada negara maka Jabatan Perangkaan Malaysia juga telah menerbitkan *Compendium* Perangkaan Alam Sekitar setiap tahun sejak 1958. *Compendium* ini memberikan statistik alam sekitar dalam pelbagai aspek seperti pencemaran udara, sungai dan marin.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Akbar bin Ali.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan. Berhubung dengan perkara kedua itu saya ucapkan tahniah dan merakamkan setinggi penghargaan di atas usaha yang dibuat. Cuma saya ingin menarik perhatian usaha seperti ini pernah dibuat bersama antara Bangsa-Bangsa Bersatu dan Jabatan Perangkaan Malaysia dan juga negara-negara lain pada tahun 90-an tetapi, akhirnya kalau hendak saya kata gagal mungkin *too strong word,* dengan izin tetapi, dia orang kata mati tidak berkubur. Jadi kita harap usaha kali ini akan terus berjaya.

Mengenai perkara yang '(a)' tadi, saya ucap terima kasih kerana Yang Berhormat kurang senang. Itu menunjukkan Yang Berhormat sensitiflah. Kalau Yang Berhormat senang dengan soalan saya, itu saya pula menjadi bimbang. Soalannya ialah berlaku perubahan selepas tahun 2001, di mana sebelum itu semua angka-angka ini diumumkan oleh Jabatan Perangkaan sendiri.

Saya bersama dengan masyarakat perangkawan antarabangsa, inilah antara soalan yang ditimbulkan kerana integriti dan kredibiliti itu bukan sahaja mematuhi standard tetapi juga *the owner, the official compiler,* dengan izin, mestilah juga diberi tanggungjawab mengumumkannya supaya tidak ada persepsi timbul *outside intervention*.

Ini yang saya katakan tadi kerana itulah ada persepsi seolah-olah hilang integriti, hilang kredibiliti kerana tidak diumumkan sendiri dan pernah seorang Menteri yang mengumumkan fasal CPI telah silap dari segi teknikal dan perlu dibetulkan kemudian. Soalan saya, ada persepsi tentang integriti dan kredibiliti ini bagaimana dalam *environment* sekarang hendak diperbaiki? Itu soalan saya. Terima kasih.

Dato' S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat. Maka cadangan itu kita terima dengan baiklah. Persepsi itu kita akan dari masa ke semasa mengukuhkan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Oleh kerana data-data *collection* ini, dengan izin, juga melibatkan kementerian lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan sebagainya. Maka banyak agensi yang terlibat dengan kerjasama Jabatan Perangkaan, tahun ini kita akan mulakan banci seluruh Malaysia. Maka kita haraplah cadangan Yang Berhormat akan menjadi inti kepada hala tuju yang diilhamkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Syed Husin Ali.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya ialah sama ada wujud peraturan merahsiakan setengah-setengah statistik dan kalau ada apakah statistik-statistiknya? Boleh atau tidak diberikan akses setengah daripada statistik tadi kepada Ahli-ahli Parlimen?

Dato' S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat. Rahsia statistik ini mungkin kalau adapun adalah berkaitan dengan keselamatan negara. Sekiranya ada statistik-statistik lain yang boleh melalui perundangan dibenarkan memang akan menjadi *public domain*. Sekiranya ada permintaan daripada Yang Berhormat untuk statistik tertentu tolong kemukakan dan kami akan bekalkan. Terima kasih.

7. **Tuan Ng Fook Heng** minta Menteri Kewangan menyatakan, kejohanan bola sepak dunia akan bermula tidak lama lagi. Apakah kerajaan berhasrat mengeluarkan lesen pertaruhan untuk mengelakkan perjudian haram.

Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng. Untuk makluman Yang Berhormat pihak kerajaan memandang serius aktiviti perjudian tanpa lesen yang berlaku pada masa ini. Pada amnya perjudian tanpa lesen adalah melibatkan pertaruhan nombor ramalan, permainan mesin slot dan juga pertaruhan yang melibatkan *bookie* bagi pertaruhan permainan bola sepak dan lain-lain permainan. Aktiviti perjudian tanpa lesen merupakan satu aktiviti yang merugikan kerajaan dan boleh mewujudkan kegiatan sampingan lain seperti peminjam wang tanpa lesen, jenayah terancang, penyeludupan, *money laundering* dan lain-lain lagi.

Oleh itu sebagai sebuah kerajaan yang prihatin terhadap rakyat maka kerajaan akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya sebarang langkah-langkah yang perlu dan berkesan bagi menangani masalah *bookie* tanpa lesen, termasuklah membenarkan pertaruhan *bookie* berhubung permainan bola sepak dilaksanakan. Melalui pelesenan yang sah, aktiviti perjudian dapat dipantau dan dikawal supaya tidak menimbulkan kesan yang tidak baik kepada masyarakat berbilang bangsa di negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ng Fook Heng.

Tuan Ng Fook Heng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Menteri memberikan anggaran kasar berkenaan *amount* atau jumlah pertaruhan setiap kali *World Cup* dengan izin, diadakan? Sekian.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Saya tidak ada angka yang tepat kerana buat masa ini, ini dibuat melalui *channel* yang tidak dibenarkan tetapi, anggaran barangkali bolehlah saya kira ratusan juta mungkin tidak mustahil.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan daripada saya. Teknologi canggih sekarang ini banyak memberi kita kemudahan dalam *lifestyle* dan cara hidup kita dengan cara kita belajar, menuntut ilmu, membeli belah dan sebagainya. Malah ia juga memudahkan kita ataupun segelintir manusia untuk berjudi iaitu dengan *online betting*. Jadi soalannya apakah usaha-usaha Kementerian Kewangan bagi memantau dan mencegah aktiviti ini dari berleluasa bagi mengelak pengaliran keluar ringgit kita ke luar negara?

Kedua, kita tahu ada syarikat-syarikat swasta yang dianugerahkan dengan lesen perjudian dengan objektif asalnya untuk membantu perkembangan sukan di negara kita. Jadi soalan saya adalah sejauh manakah syarikat-syarikat tersebut menyumbang ke arah kemajuan sukan di negara kita? Kalau ada berapa peratuskah sumbangan itu dari keseluruhan keuntungan syarikat-syarikat tersebut?

Ini kerana walaupun ada syarikat-syarikat berkenaan hari ini kita masih mendengar banyak badan-badan sukan yang menghadapi masalah kewangan yang akhirnya telah melembapkan kegiatan-kegiatan malahan aktiviti-aktiviti yang dilancarkan oleh badan-badan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Memang sebenarnya kalau kita tidak melesenkan kegiatan perjudian ini mereka akan tetap berbuat demikian melalui kemudahan yang ada sekarang. Kita tahu perjudian melalui internet ini begitu berleluasa. Sebenarnya agak sukar juga untuk pihak kerajaan membanteras kegiatan sebegini kerana internet ini tidak didaftarkan di negara kita. Jadi ini satu yang sukar diatasilah, memang satu masalah. Oleh sebab itulah kadang-kala kerajaan perlu menimbang pada masa kita tidak mahu menggalakkan perjudian secara langsung tetapi kita juga perlu membanteras perjudian secara tidak langsung.

■1120

Di situ satu perseimbangan perlu dibuat. Sebab itu kalau ada cadangan supaya pertaruhan *bookie* bola sepak dan sebagainya, saya rasa kerajaan boleh menimbang dan mengambil keputusan yang boleh mewujudkan suasana yang lebih terkawal. Ini yang kita dapat pantau berapa jumlah wang yang boleh digunakan, berapa besar industri yang sedemikian dan juga kerajaan mendapat cukai yang boleh digunakan untuk membangunkan sukan di negara kita. Itu bahagian pertamanya.

Tentang usaha membantu pembangunan sukan, memang hasil yang diterima ini banyak disumbangkan ke arah itu. Kalau masih ada lagi kekurangan, saya kira ini bolehlah dikaji oleh kerajaan. Ini kerana saya sendiri tahu bahawa banyak permohonan-permohonan untuk sukan ini terutama sekali yang besar-besar yang berperingkat antarabangsa ada diluluskan oleh pihak kerajaan menggunakan sumber hasil ini. Ini dapat membantu pembangunan sukan pada masa yang sama tetapi, saya tidak menidakkan barangkali masih ada lagi pasukan ataupun persatuan sukan yang memerlukan sumbangan yang lebih besar. Barangkali mereka bolehlah menyuarakan melalui saluran-saluran tertentu. Saya sendiri boleh membawa permohonan ini secara umumnya ke pihak Menteri Kewangan supaya melihat barangkali sumber ini boleh diperuntukkan lebih besar lagi untuk kemajuan sukan di negara kita.

8. Datuk Paul Kong Sing Chu minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga elektrik yang kronik di Sabah.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kerajaan memang mengambil perhatian yang serius terhadap masalah kekurangan tenaga elektrik di Sabah. Sehubungan dengan ini, kementerian saya bersama dengan Sabah Electric Sdn. Bhd. (SESB) telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti yang berikut:

(a) langkah-langkah jangka pendek:

(i) menempatkan set-set generator mudah alih berkapasiti 60 megawatt iaitu 20 megawatt di pantai barat dan 40 megawatt di pantai timur pada tahun 2009. Tambahan set generator berkapasiti 20 megawatt di pantai timur Sabah akan beroperasi sepenuhnya pada akhir Mei ini;

(ii) melaksanakan inisiatif-inisiatif *System Average Interruption Duration Index* (*SAIDI*) yang bertujuan untuk menurunkan SAIDI di Sabah ke 700 minit pelanggan setahun pada akhir tahun 2010 ini;

(iii) pembaikpulihan dan juga penyelenggaraan set-set generator yang lama dan usang supaya kuasa janaan kepada dapat dipertingkatkan sehingga Oktober 2009. Sebanyak 115 megawatt kapasiti penjanaan telah berjaya beroperasi semula; dan

(iv) pemantauan projek penjanaan yang diluluskan dengan lebih ketat. Pada 28 Februari 2010, unit pertama *turbine gas* Stesen Janakuasa Ranhill Powertron II berkapasiti 65 megawatt telah berjaya memulakan tugas dan kita anggapkan pada bulan Julai ini lagi satu unit *turbine gas* akan berfungsi iaitu sebanyak 65 megawatt juga.

(b) langkah-langkah jangka sederhana dan panjang:

(i) mengukuhkan kapasiti penjanaan sedia ada dan meningkatkan kapasiti penjanaan untuk masa hadapan dengan melaksanakan rancangan *planting up* berpandukan pelan induk pembangunan bekalan elektrik bersepadu di Sabah;

(ii) menaikkan taraf infrastruktur penghantaran dan pembahagian dengan menumpu kepada projek-projek penghantaran yang berkaitan dengan projek penjanaan pertumbuhan beban di pusat-pusat beban atau *load centers,* dengan izin;

(iii) keperluan litar dan keperluan peningkatan sistem bagi mengelak beban lampau semasa berlaku gangguan; dan

(iv) mempertingkatkan pelaksanaan dan pemantauan projek infrastruktur dengan bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam hal-hal melibatkan *right of way,* dengan izin, penempatan semula penduduk dan juga pengambilan tanah serta mendapatkan komitmen pembekalan gas oleh Petronas daripada *Sabah Oil and Gas Terminal* bagi mengelakkan masalah kelewatan pelaksanaan projek IPP yang kita sudah luluskan bagi negeri Sabah.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang sudah memberikan keterangan dan jawapan. Soalan tambahan saya adalah, mengapakan kerajaan membeli penjana kuasa yang sudah terpakai untuk Sabah? Kami rasa terkilan kerana kerajaan seolah-olah tidak serius menyelesaikan masalah elektrik di Sabah. Sekian.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Ini sebenarnya satu soalan yang saya ingin juga menerangkan melalui Dewan yang mulia ini kepada rakyat khususnya di Sabah.

Yang Berhormat, set-set yang kita beli untuk dipasang di kawasan-kawasan yang saya sebut dalam jawapan asal tadi iaitu 60 set yang sudah kita beli pada tahun 2009 dan 20 set lagi kita hendak beli dalam tahun ini dan kita akan memasangnya di kawasan pantai timur di Sabah. Set-set yang kita rundingkan untuk dibeli dari *Sime Darby Industrial* (SDI) dan kita mempunyai perjanjian yang khusus - perjanjian yang istimewa.

Walaupun kita tahu bahawa set-set ini bukan set yang baru, tetapi harga set-set ini adalah sangat lumayan iaitu sangat cukup rendah untuk kita memperoleh 60 set dan tambahan 20 set lagi pada tahun ini. Ini sebagai satu pakej Yang Berhormat. Bukan kita hendak beli satu set baru cari kedai kita sudah dapat. Sebab set-set ini adalah set yang besar. Kuasanya satu megawatt satu set atau 1.5 megawatt satu set. Yang set ini kita tidak dapat cari di kedai-kedai, bukan macam set yang kecil. Set yang kecil itu kita boleh dan kita boleh cari yang baru tetapi, set-set ini bukan senang kita hendak cari dan tambah lagi kita bukan cari satu set dua set, kita cari 60 set satu kali.

■1130

Sebab kita kena hantar kepada Sabah dan sebab Sabah sekarang kurang kapasiti untuk *generation capacity* dengan izin. Sebab itu kita kena cepat hantar set ini dan pergi mana cari di Malaysia ini untuk mendapatkan set-set baru yang berkapasiti tinggi ini. Sebab itulah kita runding dengan pihak Sime Darby sebab Sime Darby yang menjadi *authorized agent of Caterpiller* dengan izin. *Caterpillar set* ini yang terbaik dalam dunia, kita boleh tanya mana-mana pakar. Set *Caterpillar* ini memang terbaik. Walaupun dia dipakai tetapi kita mempunyai perjanjian supaya mereka jamin prestasi dan *availability* daripada set-set generator itu. Ini maksudnya dia kena *guarantee* bahawa set-set itu kena berfungsi dan tidak rosak. Kalau rosak dia akan gantikan. Semua ini adalah dalam perjanjian.

Ketiganya Yang Berhormat, kita kena ada skim untuk SDI *(Sime Darby Industrial)* ini untuk *buy back,* untuk membeli balik. Sebab masa yang hadapan ini apabila kita cukup jana kuasa yang besar itu kita tidak mahu simpan set-set ini di Sabah. Ini kerana set-set ini tidak digunakan lagi apabila kita ada *powertron* yang sudah berfungsi, kita ada SPR yang berfungsi, kita ada Petronas Kimanis yang berfungsi. Maknanya, kita cukup kapasiti. Apabila cukup kapasiti Yang Berhormat, kita akan jual balik set-set yang kita beli SDI ini kepada Sime Darby. Sime Darby *guarantee* dia hendak beli balik. Ini jimatkan wang ringgit rakyat yang kita gunakan untuk membeli set-set ini menolong Sabah. Supaya Sabah dapat ada cukup kapasiti *generation* ini.

Itulah masalah yang kita hadapi yang kita cuba untuk melaksanakan segala-galanya untuk kebaikan rakyat di Sabah. Bukan untuk hendak cari komisen apa ke, tidak ada. Itu saya boleh *guarantee,* tidak ada apa-apa yang tidak dipatut untuk dibuat apabila rancangan kita laksanakan pada tahun hadapan dan juga pada awal tahun ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Orang Sabah ini memang cepat terkilan ya. Lain kali bagilah yang baru... *[Ketawa]* Saya orang Sabah juga jangan lupa. Sabah adalah *fixed deposit* kepada kerajaan... *[Tepuk]*

9. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian demi menggalakkan integrasi kebudayaan berbilang kaum di tanah air agar muncul sebagai kebudayaan Malaysia yang unik.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Puan Heng Seai Kie]: Langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini bagi menggalakkan integrasi kebudayaan berbilang kaum di tanah air agar muncul sebagai kebudayaan Malaysia yang unk adalah seperti berikut:

(i) mempelbagaikan bidang seni persembahan pelbagai kaum dalam program-program anjuran kementerian seperti Majlis Rumah Terbuka Malaysia dan program-program penghayatan 1Malaysia, Program Merakyatkan Seni Budaya, Laman Budaya Rakyat, Festival Kuala Lumpur dan Pusat Seni Setempat;

(ii) menerapkan elemen-elemen integrasi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dalam program-program pelbagai genre seperti hiburan, dokumentari, drama dan rancangan bermaklumat yang disiarkan di stesen televisyen dan radio RTM;

(iii) mendidik generasi muda untuk mengenali kebudayaan pelbagai kaum melalui program seperti Kelab Tunas Budaya, Kelab Giat Budaya dan Kelab Siswa Budaya;

(iv) memperbanyakkan program penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan mengenai budaya masyarakat pelbagai kaum;

(v) memberi pengiktirafan kepada tokoh pelbagai kaum yang cemerlang dalam seni budaya seperti Anugerah Seni Negara; dan

(vi) Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) menawarkan kursus-kursus yang berbentuk integrasi kebudayaan berbilang kaum seperti *ensemble* muzik Cina, *ensemble* muzik Melayu, tari rakyat Cina, tari rakyat Melayu, tarik etnik Sabah, tari etnik Sarawak, tari tradisional India, tai chi, silat dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, apakah peranan yang dimainkan oleh ASWARA sebagai universiti di bidang seni kebudayaan dan warisan bagi memupuk integrasi kebudayaan terutamanya di kalangan generasi muda. Sekian terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan iaitu ASWARA sebagai agensi di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan turut menyalurkan sumbangan bakti ke arah pembinaan peradaban bangsa Malaysia khususnya melalui penawaran kursus-kursus yang berbentuk integrasi kebudayaan berbilang kaum. Tuan Yang di-Pertua, ASWARA sebagai sebuah universiti dalam bidang seni dan budaya dan warisan telah menawarkan program pengajian bertahap diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang muzik, tari, teater, penulisan, filem dan video dan seni halus.

Penawaran kurikulum di ASWARA adalah berteraskan kepada kesenian tradisional yang merupakan keistimewaan dan keunikan ASWARA. Integrasi kebudayaan berbilang kaum diterjemahkan melalui adunan dan penerapan nilai seni budaya merentas kurikulum pengajian formal di ASWARA dengan menawarkan pengajian menerusi modul-modul pengajian teras ataupun wajib akademik teras fakulti juga kursus-kursus pilihan atau elektif.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini pendedahan dan penawaran kursus ini memperlihatkan kematangan dan kebolehan anak-anak Malaysia tanpa mengambil kira keturunan, kebolehan dengan cemerlang dalam menghayati, memahami dan menghargai warisan seni budaya sekali gus mengekalkan keunikan Malaysia. Antara kursus-kursus yang berlatarbelakangkan keturunan etnik masyarakat Malaysia adalah seperti berikut:

(i) program pengajian di bawah pengajian teras akademik yang wajib diambil oleh semua pelajar tanpa mengira bidang pengajian;

(ii) program pengajian di bawah Fakulti Muzik, kumpulan muzik India, kumpulan muzik Cina dan muzik Melayu;

(iii) program pengajian di bawah Fakulti Tari iaitu tari tradisional, tari klasik Melayu, tai chi, silat dan tari rakyat; dan

(iv) program pengajian di bawah Fakulti Penulisan, teater, filem dan video dan seni halus.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan jawapan Yang Berhormat Menteri tentang toleransi atau sikap terbuka kerajaan meneladani kepelbagaian budaya yang ada dalam negeri kita ini yang harus dijadikan sebagai suatu aset untuk kepelbagaian kita.

■1140

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, segala kepelbagaian itu mestilah diikat oleh satu tenaga penyatu dengan izin, *a unifying force*. Untuk ini yang menjadi *unifying force* itu selama ini yang telah diakui ialah bahasa kebangsaan. Oleh kerana itu, saya rasa penghargaan, penilaian dan penghayatan terhadap bahasa kebangsaan haruslah dipertingkatkan.

Sehubungan itu, saya rasa terkilan dan seorang bekas menteri telah menyatakan kepada saya, kenapa RTM melayan satu iklan dalam saluran kebangsaan *(the national channel)* yang menggunakan pelbagai bahasa? Seakan-akan kita hendak meneladani satu polisi *multilingualism*. Kita bukan hendak menghalang penggunaan bahasa-bahasa lain tetapi kita mestilah dengan tegas meletakkan bahasa kebangsaan pada tempatnya. Oleh sebab itu, mencampuradukkan pelbagai bahasa dalam satu iklan dalam saluran kebangsaan saya rasa tidaklah wajar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah itu satu kenyataan ataupun itu satu soalan?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kenyataan meminta Yang Berhormat Menteri tanyakan penjelasan, terutama tentang amalan RTM Saluran Satu menyiarkan iklan – kita ambil yang paling mudah iklan Petronas dalam pelbagai bahasa, apa matlamatnya?

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, okey Yang Berhormat. *You* minta penjelasan, *you* minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta penjelasan dan sekali gus setelah penjelasan itu diberi, diminta iklan itu ditarik balik. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Untuk makluman Yang Berhormat, yang pertama sekali sebelum sesuatu iklan itu dapat disiarkan di RTM, ia haruslah mendapat permit daripada Lembaga Penapisan Filem di bawah KDN (Kementerian Dalam Negeri). Jadi setelah ia memperoleh permit itu, ia boleh disiarkan di mana-mana stesen radio atau TV kita.

Yang keduanya Yang Berhormat, kita tidak pernah iaitu kementerian ini ataupun kerajaan, kita tidak pernah mengabaikan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Di samping itu juga, di bawah Konsep 1Malaysia memang kita akui bahawa integrasi budaya memang merupakan satu-satunya perantaraan yang dapat memupuk perpaduan di antara rakyat kita yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Dalam pada itu, apa yang kita tekankan di sini ialah sebagai sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk ini, wujudnya perbezaan dalam persamaan dan dalam persamaan itu juga adanya kelainan. Walau bagaimanapun, apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tetap akan kita ambil perhatian dan membuat kajian seterusnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab kita pada hari ini adalah hari yang terakhir dan kita mempunyai banyak rang undang-undang yang perlu kita selesaikan, setakat ini sahajalah yang kita jawab untuk soalan lisan dan kita teruskan kepada agenda kita seterusnya.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.45 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang ditetapkan".

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 70(1)

PERLANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA PEMILIH

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kedua, Parlimen Kedua Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah seperti berikut:

1. Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang

   (Pengerusi)

   (Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara);
2. Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon;
3. Yang Berhormat Dato' Palanivel a/l K. Govindasamy;
4. Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap; dan
5. Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

USUL

MEMINDA ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 13(2)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 yang dijadualkan sebagai nombor 6 dan nombor 7 dinaikkan ke nombor 4 dan nombor 5. Manakala Rang Undang-undang Persaingan 2010, dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan 2010 dijadualkan semula sebagai nombor 6 dan nombor 7 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini".

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.49 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) yang ada pada masa sekarang ini telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 1988. Akta ini antara lain mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan yang terdiri daripada kenderaan perkhidmatan awam seperti teksi dan bas serta kenderaan barangan. Akta ini telah menubuhkan tiga Lembaga yang berbeza iaitu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah yang turut mengawal selia kenderaan perdagangan bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

■ 1150

Akta ini juga memperincikan pengelasan dan pelesenan kenderaan perdagangan, prosedur rayuan, kesalahan dan penalti. Setelah berkuat kuasa kira-kira 22 tahun industri pengangkutan perdagangan telah mengalami perubahan yang besar.

Perubahan besar yang berlaku meletakkan cabaran kepada kerajaan untuk dilihat berlaku adil dalam menjaga kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri pengangkutan iaitu pengguna awam dan juga pengusaha kenderaan perdagangan.

Oleh itu bagi memperkemaskan lagi sektor pengangkutan darat ini kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ataupun dikenali sebagai SPAD yang akan mengambil alih fungsi LPKP serta fungsi beberapa organisasi berkaitan yang mengawal selia sektor pengangkutan darat. Bagi permulaan SPAD hanya akan menjalankan fungsinya di Semenanjung Malaysia di bawah peruntukan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang dicadangkan untuk dibentangkan pada mesyuarat kali ini.

Sehubungan itu Akta 334 perlu dipinda bagi membolehkan SPAD mengambil alih fungsi LPKP Semenanjung Malaysia dan seterusnya berfungsi sebagai agensi tunggal yang menjalankan aktiviti bersepadu ke atas sektor pengangkutan darat di Semenanjung Malaysia.

Dengan demikian selepas berkuat kuasanya Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang dicadangkan, Akta 334 hanya akan terpakai bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya memperincikan butir-butir pindaan yang dicadangkan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat 12 fasal yang melibatkan pindaan dan pemansuhan. Cadangan-cadangan pindaan adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan membolehkan Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan takrif tarikh yang ditetapkan bagi rang undang-undang ini.

Fasal 3 bertujuan untuk membuat pindaan seksyen 1, Akta 334 bagi menjelaskan bahawa Akta 334 hanya akan terpakai kepada Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan setelah berkuat kuasanya Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang dicadangkan.

Fasal 4 dan 5 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 2 dan seksyen 3, Akta 334 untuk memotong sebutan mengenai Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia yang dibubarkan oleh akta yang dicadangkan ini.

Fasal 6, fasal 7 dan fasal 8 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan berbangkit masing-masing kepada seksyen 4, seksyen 9 dan seksyen 27, Akta 334 bagi menjelaskan bahawa Akta 334 hanya terpakai kepada Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan setelah berkuat kuasanya Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang dicadangkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, fasal 7 telah dipinda dalam Jawatankuasa di Mesyuarat Dewan Rakyat dan diperintahkan jadi sebagai sebahagian daripada rang undang-undang. Pindaan tersebut adalah seperti berikut:

(i) teks Bahasa Kebangsaan rang undang-undang ini dipinda dalam fasal 7 dengan memotong perkataan teks bahasa Inggeris dan menggantikan perkataan "*paragraph* 4(e)" dengan perkataan "perenggan 4(e)"; dan

(ii) teks bahasa Inggeris rang undang-undang ini dipinda dalam fasal 7 dengan memotong perkataan "*English language text*". Pindaan dibuat kepada fasal 7 memandangkan pindaan kepada subseksyen 9(3) akta melibatkan kedua-dua teks Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 9 bertujuan untuk mengadakan peruntukan ketidakpakaian Akta 334 kepada Semenanjung Malaysia, pemansuhan lembaga dan perkara-perkara peralihan dan pengecualian. Fasal tersebut memperuntukkan:

(i) kuasa dan fungsi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang telah dibubarkan dipinda kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat;

(ii) undang-undang subsidiari dibuat di bawah Akta 334 akan terus terpakai di Semenanjung Malaysia selagi tidak bercanggah dengan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang dicadangkan;

(iii) kuasa serta fungsi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang telah dibubarkan akan berpindah kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Segala keputusan, arahan dan pemberitahuan yang dibuat oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan yang telah dibubarkan akan terus berkuat kuasa sehingga dipinda, dibatalkan atau digantikan atau sehingga habis tempoh;

(iv) pegawai lembaga yang dilantik mempunyai hak kepada satu opsyen untuk diambil bekerja di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat;

(v) wang yang patut dibayar kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang telah dibubarkan bermula pada tarikh berkuat kuasa akta ini hendaklah dibayar kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat;

(vi) apa-apa tindakan sivil atau jenayah yang belum diputuskan oleh atau terhadap Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang dibubarkan boleh diteruskan oleh atau terhadap Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Ini adalah untuk memastikan tindakan undang-undang yang diambil adalah berterusan;

(vii) tertakluk di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang dicadangkan, tiada apa-apa di dalam Akta 334 atau Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang menjejaskan mana-mana orang yang boleh disabitkan atau dihukum atas kesalahan di bawah Akta 334, dan terakhir; dan

(viii) apa-apa rujukan terhadap Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang dibubarkan yang mempunyai kuasa undang-undang setakat pemakaian kepada Semenanjung Malaysia hendaklah ditafsirkan sebagai merujuk kepada suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 10 mengadakan peruntukan bagi status lesen yang sedia ada di bawah Akta 334. Lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 334 akan terus berkuat kuasa tertakluk kepada pendaftaran lesen dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dalam tempoh enam bulan atau dalam tempoh yang akan ditetapkan oleh suruhanjaya.

Kegagalan mendaftarkan lesen dengan suruhanjaya dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan lesen tersebut terbatal.

Fasal 11 mengadakan peruntukan bagi status permohonan yang belum selesai di bawah Akta 334. Semua permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubah syarat lesen yang dibuat di bawah Akta 334 akan dipertimbangkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat di bawa Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang dicadangkan.

Fasal 12 mengadakan peruntukan bagi status rayuan yang belum selesai di bawah Akta 334. Semua rayuan yang belum diputuskan di bawah Akta 334 akan diputuskan oleh suatu tribunal rayuan menurut Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan adanya pindaan ini dan cadangan penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat adalah diharapkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam darat dan kenderaan barangan, akan meningkat dan setaraf dengan negara-negara maju selaras dengan matlamat negara mencapai Wawasan 2020. Adalah menjadi harapan kerajaan, rang undang-undang ini mendapat sokongan dan di terima baik oleh semua pihak termasuk pihak pembangkang supaya bersama dapat kita meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri.

■1200

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga di atas peluang yang diberikan untuk membahaskan tentang rang undang-undang yang merupakan suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

Jadi kita mendengar perubahan ataupun pindaan yang dilakukan ini akan melibatkan kenderaan perkhidmatan awam berupa teksi dan bas dan juga kenderaan barangan. Jadi saya ingin sentuh di sini, saya harapkan SPAD nanti yang akan mengambil alih tugas daripada LPKP yang setakat ini menjalankan tugas, walaupun ada sebahagian rungutan secara bersendiri dan bersepadu diharapkan dapat menyelesaikan beberapa lagi masalah yang masih jadi rungutan.

Pada saya pujian memang harus diberikan selama ini dan dalam banyak urusan yang dilakukan LPKP. Jadi sebagai Dewan Negara yang mulia ini kita hanya ingin menegur beberapa aspek sahaja lagi yang perlu diberikan pembetulan. *Insya-Allah* sokongan boleh diberikan secara sepenuhnya kepada usaha murni kerajaan dalam melaksanakan proses ini.

Sebagai peringatanlah saya rasa kepada pihak kementerian apabila kita membawa usul ini ke Dewan Negara tidak perlulah menyebut urusan pembangkang dan tidak pembangkang di sini. Pembangkang hanya ada di Dewan Rakyat, di sini semuanya wakil kerajaan termasuk saya mewakili Kerajaan Negeri Kedah. Ada kawan-kawan mewakili Kerajaan Negeri Johor, Pahang.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Okey, teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita semua mengakui bahawa Yang Berhormat adalah Ahli Dewan.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Okey, hanya menyentuh dua perkara dalam lebih kurang tiga minit sahaja Tuan Yang di-Pertua, yakni kita berikan peringatan kepada SPAD yang mengambil alih LPKP melalui pindaan rang undang-undang ini. Pertamanya kita minta urusan yang membabitkan kenderaan perkhidmatan awam iaitu teksi dan bas seperti yang disebut sebelum ini, berkaitan standard gaji minimum, etika semasa memandu dan pengambilan penumpang itu diuruskan.

Apa yang saya hendak tekankan di sini adalah kenderaan barangan yang melibatkan dua jenis kenderaan yang terlibat dalam aspek ini. Pertamanya, kenderaan barangan yang bercukai jalan iaitu lori-lori dan sebagainya yang kita minta kementerian mengkaji keadaannya kerana peraturan secara umum meletakkannya di lebuh raya hanya kenderaan ini boleh memandu di ruang paling kiri, sedangkan banyak kenderaan barangan sekarang yang mempunyai kuasa yang cukup tinggi.

Ia sebenarnya mampu untuk menggunakan lorong lebih sebelah kanan untuk mengelak daripada gangguan dan juga keselamatan serta membahayakan kawasan pemanduan di lebuh raya secara khususnya. Saya minta lihat satu aspek itu.

Aspek yang kedua yang juga diingatkan, ini *share* daripada kawan-kawan juga. Tentang kenderaan barangan yang tidak punya cukai jalan yang terlibat dalam kawasan pembinaan ini. Apabila mereka melintas kawasan jalan raya umum iaitu jalan raya untuk semua kenderaan yang lain, kita ingin penjelasan daripada pihak kementerian kerana selepas ini akan memberikan ruang kepada SPAD untuk mengendalikannya. Apabila kenderaan ini melintas jalan-jalan biasa, apakah sebenarnya kriteria ataupun kedudukannya, siapa yang patut berhenti untuk memberikan laluan?

Apabila *flagman* dengan izin, yang bertugas di jalan itu, apakah dia menahan kenderaan awam untuk membolehkan kenderaan yang tidak bercukai jalan ini melintas atau menahan kenderaan barangan itu dan mengawal selia kenderaan barangan hanya melintas ketika jalan itu *clear* ataupun memberikan laluan? Ini sahaja perkara yang ingin kita sebut dan selebihnya memang *alhamdulillah,* kita rasa pindaan ini membawa satu kebaikan dan boleh memberikan satu keadaan yang lebih baik selepas ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tidak ada sesiapa lagi untuk membahaskan, kita seterusnya... Tidak ada sesiapa hendak bahas lagi..., tidak ada? Baiklah saya minta Yang Berhormat Menteri. Senanglah begitu.

12.04 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf atas cadangan dan pandangan yang telah dibuat mengenai perkara tersebut. Saya ambil maklum apa yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat atas cadangan yang begitu baik itu. Itu sahaja yang saya boleh jawab Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.07 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai kawalan ke atas eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik termasuk senjata dan bahan yang berkaitan dan aktiviti lain yang akan atau boleh memudahkan reka bentuk, pemajuan dan penghasilan senjata pemusnahan besar-besaran dan sistem penghantarannya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya, selaras dengan keselamatan negara dan obligasi antarabangsa "alaysia" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, masyarakat antarabangsa telah lama menyedari risiko yang berbangkit sekiranya percambahan senjata pemusnah besar-besaran ataupun *weapons of mass destruction* (WMD) dengan izin, dibenarkan tanpa kawalan.

Selepas serangan 11 September, 2001 di Amerika Syarikat, timbul pula kebimbangan bahawa pihak pengganas kini giat berusaha untuk mendapatkan senjata sedemikian bagi tujuan keganasan di merata dunia.

Hakikat tersebut telah mendorong masyarakat antarabangsa memberikan tumpuan dan pendekatan baru kepada pemantapan rangka kawal selia di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa ke atas barang dan teknologi yang boleh digunakan untuk menghasilkan WMD serta senjata lain *arms and related materials*, dengan izin. Barang dan teknologi sedemikian adalah rujuk keseluruhannya sebagai "barang strategik."

Namun demikian masyarakat antarabangsa menyedari bahawa sebarang rangka kawal selia yang diwujudkan ke atas barang strategik, seharusnya tidak menjejaskan perdagangan sah, *legitimate trade,* dengan izin. Mahupun hak negara berdaulat untuk memperoleh senjata bagi maksud pertahanan negara sebagaimana yang termaktub dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta untuk menggunakan tenaga nuklear bagi tujuan aman.

■1210

Sebaliknya rangka kawal selia itu perlu mengimbangi keperluan untuk memudahkan perdagangan sah dalam barang strategik sementara menyasarkan penyekatan perdagangan haram dalam barang tersebut.

Rejim kawalan barang strategik seperti *Wassenaar Arrangement*, *Missile Technology Control Regime* (MTCR), *Zangger Committee, Nuclear Suppliers Group* (NSG) dan *Australia Group* telah diwujudkan hasil sikap berjaga-jaga atau pun *vigilance*, dengan izin yang dipertingkatkan antara negara-negara pengeluar tertentu. Rejim-rejim tersebut juga bertujuan menyokong pelaksanaan rejim kawal selia antarabangsa di bawah triti antarabangsa seperti *Non-Proliferation Treaty* (NPT), Konvensyen Senjata Biologi, Konvensyen Senjata Kimia dan *Comprehensive Test-Ban Treaty* serta Resolusi Majlis Keselamatan PBB khususnya SCR 1540 terhadap percambahan senjata dengan menjalin hubungan kerjasama antarabangsa yang berkesan antara negara anggotanya.

Selanjutnya hasil harmonisasi tindakan domestik masing-masing, rejim-rejim tersebut juga telah mewujudkan suatu piawaian antarabangsa bagi mengawal pengeksportan barang strategik iaitu melalui penetapan barang dan teknologi yang perlu dikawal dan tahap pengawasan yang diperlukan. Akibatnya mana-mana kargo eksport yang tidak mematuhi piawaian tersebut berkemungkinan akan ditahan untuk pemeriksaan dan selanjutnya disita di negara import mahupun di negara transit atau pemindahan.

Dalam hal ini didapati bahawa kerangka kawal selia barang strategik Malaysia yang sedia ada adalah tidak menyeluruh dalam kawalannya ke atas barang yang boleh menyumbang kepada percambahan senjata sama ada dari segi barang dan teknologi yang dikawal atau dari segi mekanisme penguatkuasaan yang ada.

Pada masa ini tidak ada satu undang-undang yang khusus tertumpu kepada kawalan barang strategik yang mengambil kira ciri-ciri khusus barang strategik serta potensi salah guna dan penyelewengannya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan pihak-pihak yang cuba mengelakkan rejim kawal selia ketat di negara-negara lain.

Sebaliknya kawalan sedia ada dilaksanakan dengan menggunakan undang-undang sedia ada yang termasuk Akta Kastam 1967, Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984, Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Binatang 1953, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Walau bagaimanapun undang-undang tersebut di atas tidak mencukupi bagi mengawal kesemua barang strategik khususnya barang dwiguna yang dikehendaki di kawal menurut piawaian antarabangsa dan kehendak SCR 1540 serta rejim-rejim kawalan antarabangsa tersebut di atas. Ini kerana undang-undang tersebut berbentuk sektoral dan pada hakikatnya tidak direka bagi tujuan mengawal barang strategik yang bertujuan atau yang boleh digunakan bagi maksud WMD dan sistem penghantarannya.

Maka dengan itu adalah dicadangkan supaya diadakan suatu Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 khusus yang komprehensif. Rang undang-undang ini akan membolehkan Malaysia melaksanakan obligasinya kepada negara-negara anggota PBB khususnya untuk melaksanakan resolusi-resolusi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan PBB mengenai pematuhan dan pelaksanaan kawalan senjata dan barang strategik. Di antara resolusi semasa yang berkenaan termasuklah SCR 1540, resolusi-resolusi terhadap Republik Demokratik Rakyat Korea SCR 1718 dan 1784 dan Iran SCR 1737, 1747 dan 1803.

Pemantapan kerangka undang-undang Malaysia juga akan membolehkan Malaysia melaksanakan obligasinya di bawah triti antarabangsa mengenai perlucutan dan ke tidak percambahan senjata seperti Konvensyen Senjata Biologi, Konvensyen Senjata Kimia dan *Non-Proliferation Treaty* yang Malaysia merupakan negara pihaknya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 yang dicadangkan akan mewujudkan suatu sistem kawal selia pusat yang berfokus, yang merangkumi sistem berstruktur untuk mengeluarkan permit bagi tujuan eksport, pemindahan dan transit barang strategik yang ditetapkan serta sistem pendaftaran pusat bagi broker yang menguruskan barang strategik yang ditetapkan.

Sebagai tambahan, kuasa penguatkuasaan yang spesifik kepada keperluan kawal selia barang strategik dapat diwujudkan dan diberikan kepada pihak berkuasa penguatkuasaan untuk memastikan penguatkuasaan akta yang berkesan.

Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 kelak dapat mencegah Malaysia daripada dijadikan sarang pencambahan *weapon of mass destruction,* dengan izin sekali gus melindungi pengeksport Malaysia daripada dijadikan saluran pembekalan barang strategik secara haram.

Bagi maksud itu juga Malaysia mengambil maklum tentang senarai-senarai senjata serta barang dan teknologi dwiguna yang cenderung digunakan bagi tujuan percambahan senjata yang disenaraikan oleh rejim-rejim kawalan antarabangsa dan yang dilaksanakan oleh setiap negara melalui senarai nasional sendiri. Contohnya, Senarai Kawalan Kesatuan Eropah atau *EU Control List,* dengan izin yang diselenggarakan oleh EU, diiktiraf sebagai senarai yang paling yang komprehensif pada masa ini yang melaksanakan rejim-rejim kawalan *Wassenaar Arrangement*, MTSR, NSG dan *Australia Group*.

Senarai tersebut merangkumi pelbagai barang termasuk senjata dan bahan yang berkaitan dengannya, bahan peralatan dan kelengkapan nuklear, kimia dan biologi, barang elektronik dan avionik, teknologi dan perisian dan lain-lain lagi. Senarai barang strategik Malaysia kelak akan digubal dengan merujuk kepada senarai komprehensif tersebut dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan negara dan akan ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau pun dikenali sebagai (MITI) dicadangkan sebagai kementerian peneraju bagi Rang undang-undang Perdagangan Strategik 2010 kerana MITI merupakan pihak yang paling sesuai untuk menyelaraskan rejim kawal selia yang mantap dan berkesan yang akan mencapai tujuan untuk membanteras percambahan WMD dengan tidak menjejaskan perdagangan sah.

Penetapan MITI sebagai kementerian peneraju juga adalah berdasarkan hakikat bahawa isu kawalan ini lebih bersifat kawalan perdagangan walaupun implikasinya atas keselamatan negara itu perlu diambil kira. Ia akan melibatkan pelbagai aspek perdagangan antarabangsa daripada mengenal pasti pasaran eksport, penghasilan barangan eksport berkenaan urusan perdagangan termasuk transaksi kewangan dan perbankan, *banking,* dengan izin, bagi barang tersebut. Proses penghantaran sehingga pemastian tentang pengguna dan penggunaan akhir barang tersebut.

Dalam semua hal ini, MITI merupakan pihak yang lebih arif dan berpengalaman serta mempunyai kepakaran bidang khusus yang diperlukan. MITI juga adalah kementerian yang bertanggungjawab untuk berurusan secara langsung dengan semua pengeksport dan berada dalam kedudukan terbaik untuk melaksanakan proses pendidikan mengenai Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 serta menasihatkan pengeksport tentang langkah-langkah pematuhan yang perlu diambil dan tentang pelbagai isu operasi lain. Kementerian itu juga merupakan pihak yang paling tepat dan berkesan untuk meyakinkan pengeksport bahawa rejim kawal selia baru ini tidak diniatkan untuk menjejaskan perdagangan sah dalam barang strategik yang dikawal.

■ 1220

Sebagaimana yang disebut terlebih dahulu, rejim kawalan tersebut adalah disasarkan kepada perdagangan haram dalam barang strategik. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 mengadakan peruntukan kawalan ke atas eksport pemindahan transit dan pembrokeran barangan strategik termasuk senjata dan bahan berkaitan dan aktiviti lain yang akan atau boleh memudahkan reka bentuk pemajuan dan juga penghasilan *weapon of mass destruction* (WMD), dan sistem pengantaraan dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya selaras dengan keselamatan negara dan Obligasi Antarabangsa Malaysia. Rang undang-undang ini mengandungi 57 fasal yang dibahagikan kepada enam bahagian seperti berikut.

Bahagian I rang undang-undang mengandungi perkara permulaan.

Fasal 1 rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa yang dicadangkan;

Fasal 2 mengandungi takrif, ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang-undang. Ungkapan “barang strategik” dan “teknologi strategik” ditakrifkan dengan merujuk kepada senarai barang strategik yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta. “Senjata pemusnah besar-besaran”, serta ungkapan-ungkapan yang berkaitan seperti “senjata biologi”, “agen biologi”, “senjata kimia”, “toksin” dan “senjata nuklear” ditakrifkan dengan *convention* antarabangsa yang berkaitan;

Fasal 3 mengandungi peruntukan mengenai undang-undang yang mengatasi dan memaksudkan untuk memudahkan perhubungan dan menangani konflik yang mungkin antara akta yang dicadangkan dengan undang-undang bertulis sedia ada yang berkaitan.

Fasal 4 mengadakan peruntukan mengenai pemakaian luar wilayah akta yang dicadangkan.

Bahagian II. Fasal 5 dan 6 Rang undang-undang mengadakan peruntukkan mengenai pelantikan dan kuasa Pegawai Perdagangan Strategik.

Bahagian III rang undang-undang memperkatakan barangan strategik, barang yang tidak tersenarai dan aktiviti terhad.

Fasal 7 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan apa-apa barang sebagai barang strategik bagi maksud akta yang dicadangkan.

Fasal 8 bertujuan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan pengguna akhir terhad yang memerlukan permit khas dan pengguna akhir terlarang yang eksport, pemindahan atau transit barang strategik untuk barang tidak tersenarai kepadanya dilarang. Dalam hal ini Menteri akan menetapkan barang strategik tersebut melalui perintah yang disiarkan dalam Warta. Senarai barang strategik ini adalah tertakluk kepada perubahan untuk menambah atau mengeluarkan barang dan penggunaan yang perlu dikawal. Sebagai langkah permulaan Malaysia akan menetapkan suatu senarai menyeluruh yang berdasarkan Senarai Kawalan EU kerana ia dianggap sebagai senarai yang paling komprehensif pada masa ini.

Fasal 9 bertujuan untuk melarang eksport pemindahan atau pembawaan dalam transit barang strategik dan barang tidak tersenarai kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah akta yang dicadangkan. Berdasarkan keseriusan akibat penyalahgunaan strategik dan barang tidak tersenarai bagi maksud pertambahan WMB ataupun “aktiviti terhad”, hukuman setimpal dicadangkan bagi setiap kesalahan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 10 bertujuan untuk melarang mana-mana orang daripada menyediakan bantuan teknikal di dalam atau di luar Malaysia, jika bantuan teknikal itu bertujuan untuk digunakan berkaitan dengan suatu aktiviti terhad;

Fasal 11 bertujuan untuk melarang mana-mana orang daripada menjalankan perbuatan pembrokeran mana-mana barang strategik, melainkan jika orang itu didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan dan memegang permit sah bagi pembrokeran barang strategik tersebut daripada pihak berkuasa yang berkenaan di bawah undang-undang yang berkaitan.

Fasal 12 bertujuan untuk mengehendaki seseorang yang berterusan dengan barang tidak tersenarai untuk memaklumkan pihak berkuasa yang berkenaan tentang niatnya untuk mengeksport barang tersebut sekurang-kurangnya 30 hari sebelum eksport itu dilaksanakan. Pengeksportan barang tidak tersenarai yang diketahui bertujuan untuk digunakan bagi maksud aktiviti terhad adalah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan.

Bahagian IV rang undang-undang memperkatakan tentang permit dan pendaftaran yang dikehendaki di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 13 menjelaskan hubungan operasi akta yang dicadangkan dengan rejim kawal selia sedia ada ke atas barang strategik dan mengadakan peruntukan bahawa bagi maksud barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad yang dikawal selia di bawah akta yang dicadangkan, pihak penguat kuasa yang berkenaan hendaklah mengurus permit dan pendaftaran yang dikehendaki bagi barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad tersebut mengikut peraturan peruntukan akta yang dicadangkan.

Fasal 14 mengadakan peruntukan bagi permohonan permit kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Permohonan hendaklah disertakan antara lain-lain, pernyataan pengguna akhir untuk mengesahkan destinasi dan penggunaan yang diniatkan bagi barang strategik tersebut.

Fasal 16 memperkatakan pemberian atau penolakan permit.

Fasal 17 memperkatakan penggantungan dan pembatalannya.

Fasal 18 melarang penggunaan tanpa kebenaran permit.

Fasal 19 memperkatakan pendaftaran broker barang strategik.

Fasal 20 hingga 23 memperkatakan kehilangan kelayakan untuk memegang dan mendapatkan permit di bawah akta yang dicadangkan atau untuk didaftarkan sebagai broker di bawah akta yang dicadangkan serta penggantungan permit atau pendaftaran atas sabitan bagi kesalahan di bawah akta yang dicadangkan. Semasa tempoh kehilangan kelayakan atau pergantungan, permit atau pendaftaran itu adalah tidak berkuat kuasa.

Fasal 24 mengehendaki pemegang permit dan broker berdaftar untuk menggalakkan daftar dalam bentuk yang ditetapkan untuk menyimpan dokumen untuk tempoh yang ditetapkan.

Fasal 25 mengehendaki pengawal untuk menyimpan dan menyegerakan daftar penegang permit dan broker berdaftar yang hendak tersedia bagi pemeriksaan awam. Daftar tersebut adalah keterangan muktamad sekiranya sebarang persoalan yang berbangkit tentang sama ada mana-mana orang memegang permit yang sah atau merupakan broker berdaftar di bawah akta yang dicadangkan.

Bahagian VI rang undang-undang mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan penguatkuasaan akta yang dicadangkan.

Fasal 26 menjelaskan hubungan operasi kuasa penguatkuasaan pegawai diberi kuasa di bawah akta yang dicadangkan dan kuasa sedia ada mereka di bawah undang-undang bertulis yang lain. Bagi maksud barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad yang dikawal selia di bawah akta yang dicadangkan, kuasa penguatkuasaan yang diperuntukkan di bawah Bahagian VI hendaklah tersedia bagi pegawai diberi kuasa.

Fasal 27 mengehendaki tiap-tiap pegawai diberi kuasa untuk mengisytiharkan jawatannya dan menunjukkan kad kuasanya apabila dikehendaki.

Fasal 28 memperuntukkan secara am bagi kuasa pegawai diberi kuasa di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 29 bertujuan memberikan kuasa penyiasatan kepada pegawai diberi kuasa. Pegawai diberi kuasa juga diberi kuasa untuk menjalankan penggeledahan dan penyitaan tanpa waran di bawah fasal 30.

Fasal 31 bertujuan untuk memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk masuk ke mana-mana tempat atau premis bagi maksud menjalankan penyiasatan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 32 bertujuan untuk membolehkan pegawai diberi kuasa, diberi capaian kepada data berkomputer.

Fasal 33 bertujuan untuk memberi pegawai diberi kuasa untuk menggeledah pengangkutan.

Fasal 34 mengadakan peruntukan mengenai penggunaan kekerasan munasabah oleh pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan kuasanya di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 35 bertujuan untuk mengenakan kewajipan atas pegawai diberi kuasa untuk menyediakan senarai barang yang disita.

Fasal 36 memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan kesalahan di bawah akta yang dicadangkan.

■1230

Fasal 37 mengadakan peruntukan mengenai kuasa pemintasan komunikasi oleh pegawai diberi kuasa atas pemberian kuasa Pendakwaraya.

Fasal 38 bertujuan untuk memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk mengehendaki kehadiran seseorang yang mengetahui tentang kes sementara.

Fasal 39 memperuntukkan mengenai pemeriksaan orang tersebut.

Fasal 40 bertujuan untuk menjadikan pengemukaan maklumat palsu atau mengelirukan dalam permohonan laporan atau dokumen bagi mana-mana maksud di bawah akta yang dicadangkan atau undang-undang yang berkaitan sesuatu kesalahan.

Fasal 41 bertujuan untuk memberi pegawai kuasa mengawal kuasa setelah berunding dengan pendakwaraya pada bila-bila masa yang didapati sesuai, untuk memerintahkan pelupusan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai berserta dengan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau artikel lain yang dalamnya barang strategik atau barang tidak tersenarai distorkan, disimpan atau dijumpai rekod buku akaun, dokumen atau data berkomputer yang disita atas akta yang dicadangkan serta langkah-langkah sewajarnya diambil tentang inventori dan pengesahan keterangan.

Fasal 42 memperuntukkan bahawa pelupusan barang di bawah fasal 41 tidak menjejaskan perbicaraan mana-mana orang di bawah akta yang dicadangkan, dan mahkamah hendaklah menerima inventori, gambar dan keterangan lain tentang barang yang disita sebagai mewakili barang yang disita.

Fasal 43 bertujuan untuk memberi kuasa untuk pelucutan akan barang disita jika tidak ada pendakwaan atau sabitan.

Fasal 44 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa kos memegang apa-apa barang strategik atau barang yang tidak tersenarai dan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau artikel lain, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang berkaitan yang disita di bawah akta yang dicadangkan boleh didapatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada kerajaan oleh orang yang daripadanya yang disita.

Fasal 45 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit kepada penyitaan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai dan apa-apa bekas bungkusan, pengangkutan atau artikel lain, rekod, buku akaun, dokumen atau data berkomputer yang berkaitan pada menjalankan mana-mana kuasa di bawah akta yang dicadangkan boleh didapatkan melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Fasal 46 bertujuan untuk menjadikan halangan pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan fungsinya di bawah akta yang dicadangkan suatu kesalahan.

Bahagian VII rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, mengandungi peruntukan am.

Fasal 47 memberi Menteri kuasa untuk memberikan pengecualian.

Fasal 48 memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan mana-mana kesalahan di bawah akta yang dicadangkan berhubung dengan barang strategik, barang tidak tersenarai atau aktiviti terhadap boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis pendakwaraya.

Fasal 49 dan fasal 50 memperkatakan tentang kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan dan liabiliti bagi perbuatan pekerja atau agen masing-masing.

Fasal 51 bertujuan untuk memberi pengawal atau pihak berkuasa yang berkenaan kuasa untuk meminta apa-apa maklumat atau dokumen untuk diberikan kepada pengawal dan pihak berkuasa yang berkenaan jika terdapat sebab untuk mempercayai bahawa maklumat atau dokumen itu relevan dengan penguatkuasaan akta yang dicadangkan.

Fasal 52 bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas seseorang, kewajipan untuk melindungi kerahsiaan maklumat dan dokumen yang diperoleh menurut akta yang dicadangkan.

Fasal 53 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai perlindungan pengawal, pihak berkuat kuasa yang berkenaan dan pegawai diberi kuasa dalam menjalankan kewajipan mereka di bawah akta yang dicadangkan daripada permulaan prosiding undang-undang.

Fasal 54 bertujuan untuk memperuntukkan mengenai perlindungan kerajaan, pengawal, pihak berkuasa yang berkenaan dan pegawai diberi kuasa daripada liabiliti berhubung dengan apa-apa kerugian yang ditanggung berkenaan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai semasa barang strategik atau barang tidak tersenarai itu berada di bawah jagaan atau kawalan sah mereka di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 55 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 56 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa melalui berita yang disiarkan dalam warta untuk meminda jadual.

Fasal 57 bertujuan untuk memperuntukkan perkiraan pengecualian dan keahlian bagi aktiviti sedia ada berhubung dengan barang strategik dan aktiviti terhad.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara anggota PBB, Malaysia bertanggungjawab untuk mematuhi resolusi-resolusi mengenai kawalan eksport barang strategik dan aktiviti terhad yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan PBB di samping melaksanakan obligasi antarabangsanya yang lain demi memelihara kepentingan dan keselamatan negara. Malaysia juga perlu mencegah dirinya daripada dijadikan sarang percambahan senjata pemusnah besar-besaran, sekali gus melindungi pengeksport Malaysia daripada diperalatkan dan dijadikan saluran haram dengan pembekalan barang strategik bagi percambahan senjata pemusnah besar-besaran ini.

Bagi mencapai tujuan ini, Malaysia memerlukan suatu undang-undang spesifik lagi komprehensif mengenai kawalan barang strategik dan aktiviti terhad. Selanjutnya, rang undang-undang yang dicadangkan ini akan melengkapkan kerangka undang-undang sedia ada dan menutup ruang bagi Malaysia diperalatkan oleh mana-mana bagi pihak bagi tujuan pertambahan senjata pemusnah besar-besaran dan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai kawalan ke atas eksport pemindahan, transit, pembrokeran, barang strategik termasuk senjata, dan bahan-bahan berkaitan dan aktiviti lain yang akan atau boleh memudahkan reka bentuk, kemajuan, dan penghasilan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantarannya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya. Selaras dengan keselamatan negara dan obligasi antarabangsa Malaysia dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk di bahas.

Ya, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

12.38 tgh.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta tersebut kerana ini adalah selaras dengan *United Nations Security Council, Resolution 1540* yang telah diluluskan pada tahun 2004. Tujuan akta tersebut adalah untuk mengawal penghasilan senjata pemusnah besar-besaran dengan izin, *weapons of mass destruction* (WMD). Senjata biologi dengan izin, *biological weapons,* senjata nuklear degan izin, *nuclear weapons,* senjata kimia dengan izin, *chemical weapons,* tafsiran (*interpretation*) mengenai jenis-jenis senjata tersebut adalah jelas seperti yang tercatat dalam akta tetapi Tuan Yang di-Pertua, tafsiran mengenai teknologi strategik dengan izin, *strategic technology,* barang strategik (*strategic items*), barang tidak tersenarai (*unlisted items*) seperti di dalam seksyen 7 di dalam akta ini adalah tidak jelas dan tidak akan memberi kesan dan kelak akan memberi kesan negatif kepada kemasukan pelaburan asing langsung ke Malaysia, dengan izin, *foreign direct investment* (FDI).

■ 1240

Mengikut seksyen 7(1) akta ini berbunyi, *"Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta menetapkan apa-apa barang sebagai barang strategik bagi maksud akta ini.*" Dengan izin, *"The minister may by order, publish in the gazette, prescribe any items as strategic item for the purposes of this act.*" Menteri mempunyai kuasa yang amat luas dalam hal ini. Seksyen ini akan menakutkan pelabur asing untuk melabur di Malaysia terutama sekali bagi industri berteknologi tinggi. Mereka akan memilih untuk melabur di negara-negara lain yang tidak banyak kawalan. Ini satu *point* yang kerajaan kena fikir.

Barang dan teknologi strategik tersebut sepatutnya adalah yang berkaitan secara langsung dengan pengeluaran senjata pemusnah besar-besaran. Senjata biologi, senjata nuklear dan senjata kimia sahaja. Barangan teknologi yang lain yang tidak berkaitan secara langsung tidak sepatutnya dikawal dan tidak dimasukkan dalam seksyen 7(1) akta tersebut.

Kekeliruan juga akan timbul mengenai kawalan eksport barangan teknologi yang mempunyai dua kegunaan dengan izin, *dual-use goods and technologies* iaitu yang boleh digunakan untuk kegunaan tentera dan juga kegunaan awam. Contoh saya beri di sini ialah kriptografi. Kriptografi dikawal oleh negara-negara maju dan kuasa-kuasa besar bagi tujuan untuk menjaga kepentingan mereka. Di negara-negara lain terutama sekali bagi tujuan perisikan dengan izin, *intelligence.* Jika peralatan tersebut dieksport ke negara lain, agensi-agensi perisikan seperti CIA-USA dan FSB-Rusia dahulunya dikenali sebagai KGB, sukar untuk mengintip di negara lain.

Kriptografi tidak sepatutnya dimasukkan di dalam Akta Perdagangan Strategik 2010 oleh kerana, ini sebab saya akan bagi. Yang pertama, Malaysia tidak menandatangani perjanjian *Wassenaar Arrangement on Export Controls for Conventional Arms and Dual-Use Goods and Technologies* yang telah ditandatangani pada tahun 1996 oleh 31 buah negara yang kebanyakan adalah negara-negara maju di Eropah dan kuasa besar tetapi, pada tahun 2000, kawalan eksport barangan dan teknologi kriptografi telah pun dilonggarkan.

Yang kedua, kriptografi adalah teknologi *encryption of information* iaitu seperti program antivirus dan *firewall* yang sedang digunakan dalam komputer dan industri ICT. Kegunaannya adalah untuk perlindungan sahaja atau *protection,* dengan izin, dan bukan untuk menceroboh dengan izin, *intrusion*, tidak. Ini kita kena faham.

Yang ketiga, orang ramai sepatutnya diberi kebebasan dengan izin, *the rights of privacy* untuk mencegah dan melindungi data-data dan alat komunikasi mereka seperti *hand phone*. Bagi kebebasan demokrasi daripada intipan atau serangan virus oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Rahsia. Masing-masing ada rahsia Tuan Yang di-Pertua. Pihak penguatkuasaan kerajaan tidak dapat sepenuhnya melindungi data-data dan alat komunikasi mereka daripada pencerobohan ataupun intipan. Oleh itu, orang ramai patut diberi kebebasan melindungi komunikasi dan data-data mereka dengan menggunakan barangan dan teknologi kriptografi. Bagi. Baru sokong kerajaan.

Yang keempat, kita patut berbangga kerana kini terdapat sebuah syarikat swasta Malaysia yang telah pun menjalankan R&D dengan kos melebihi RM20 juta tanpa bantuan geran kerajaan dan kini mempunyai teknologi kriptografi yang telah dipatenkan contohnya, seperti *crypto* GSM *device 256 bits* iaitu *hardware based*. Sudah ada sudah. Mahallah, RM35,000 Tuan Yang di-Pertua. Untuk pasaran eksport bagi kegunaan agensi-agensi kerajaan beberapa negara. Tuan Yang di-Pertua boleh belilah. Mereka telah mengeluarkan...

Tuan Yang di-Pertua: *Slow* sedikit, *slow* sedikit.

Tuan Ahmad bin Hussin: ...*Hand phone* yang suara dan SMS tidak boleh diintip, langsung tidak boleh. Terus. Kawalan eksport akan menyebabkan syarikat tersebut sukar untuk bersaing di persada antarabangsa. Ada barang, hendak eksport tidak boleh. Banyak sangat kerenah birokrasi, terutama sekali dengan syarikat-syarikat di negara-negara yang langsung tiada kawalan import dan eksport barangan tersebut.

Banyak negara lain tidak ada. Negara maju tidak ada, Malaysia hendak buat. Tolong tengok sedikitlah menteri yang jaga ini, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini cuma USA, Rusia, Germany, UK, Switzerland dan Malaysia sahaja yang mengeluarkan peralatan canggih ini. Banyak ini sahaja. Boleh bilang dengan jari...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *you* ada lebih kurang dua minit sahaja lagi.

Tuan Ahmad bin Hussin: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Pasal ada yang bangun tadi. Saya hendak bagi peluang.

Tuan Ahmad bin Hussin: Larangan eksport sepatutnya pengeksport cuma diwajibkan mematuhi supaya tiada jualan kepada badan-badan yang tersenarai dalam *United Nations List of Terrorist Organization.* MITI juga patut merujuk pada garis panduan mempertingkatkan tadbir urus dalam sektor awam iaitu arahan Ketua Setiausaha Negara (KSN) bertarikh 9 Mac 2007 yang berkaitan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (*shareholders*) dalam mengurus tadbir urus atau *the corporate governance.* Bagi menentukan barangan strategik, MITI perlu mempunyai hubungan serta yang berkepentingan (*shareholders)* dan hendaklah diberi pertimbangan yang saksama dan sewajarnya melalui saluran komunikasi dua hala yang memuaskan bagi memastikan maklum balas berkualiti diperolehi daripada pihak yang berkepentingan *(shareholders)*. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Maijol yang bangun tadi nampaknya. Ini kerana masa tidak mengizinkan saya rasa kita sampai jam 1 dan lepas ini kita ada beberapa *bill* lagi dan kita akan selesaikan pada hari ini juga. Saya mohon kerjasama semua dan kalau boleh jangan panjang-panjang sangat. *Give your constructive comments* dan cadangan yang membina untuk dipercepatkan. Silakan Yang Berhormat.

12.49 tgh.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk turut membahas Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana berjaya membawa rang undang-undang ini ke Parlimen. Rang undang-undang ini adalah penting. Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini untuk menghadiri *summit* mengenai nuklear menunjukkan bahawa negara kita amat serius untuk membanteras senjata pemusnah besar-besaran ataupun *weapons of mass destruction* (WMD).

■ 1250

Saya amat bersetuju bahawa negara kita sama-sama melibatkan diri di dalam masyarakat antarabangsa untuk berikan tumpuan dan penekanan kepada pemantapan rangka kawal selia di peringkat domestik, *regional* dan juga antarabangsa ke atas barang dan teknologi yang boleh digunakan untuk menghasilkan *weapons of mass destruction* serta senjata lain.

Risiko percambahan *weapons of mass destruction* ini adalah ketara kerana terdapat negara-negara yang sudah pun secara terang-terangan mempunyainya. Kita pernah didedahkan berita bagaimana Iraq menggunakan senjata kimia kepada orang-orang Kurds negara tersebut dan juga berita bagaimana Korea Utara dengan angkuhnya mengakui bahawa mereka mempunyai senjata nuklear dan mereka mengujinya secara terang-terangan di hadapan mata masyarakat antarabangsa.

Bagi kita di Malaysia, apabila kita mendengar dan melihat perkembangan ini, kita merasa takut. Ini bukan soal *deterrent* bagi saya. Negara-negara mereka membuat senjata nuklear tersebut bukan semata-mata untuk *deterrent* sahaja tetapi untuk tujuan berperang, kalau masyarakat antarabangsa tidak dapat menanganinya dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai dengan senjata pemusnah besar-besaran ini, ia adalah senjata yang boleh membunuh manusia secara besar-besaran. Saya telah membuat sedikit kajian mengenai WMD atau barang strategik ini. Saya dapati bahawa istilah ini diwujudkan buat pertama kalinya pada tahun 1937 di Britain apabila mereka memberi komen mengenai dengan peperangan di Sepanyol pada ketika itu. Sejak itu, ia telah digunakan di negara-negara lain sehinggalah sekarang ini menjadi topik kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan dan penggunaan WMD adalah ditangani oleh konvensyen dan triti antarabangsa walaupun bukan semua negara telah menandatanganinya. Triti-triti tersebut adalah seperti berikut:

(i) *Partial Test Ban Treaty;*

(ii) *Outer Space Treaty;*

(iii) *Nuclear Non-Proliferation Treaty*;

(iv) *Seabed Arms Control Treaty;*

(v) *Comprehensive Test Ban Treaty;*

(vi) *Biological and Toxin Weapons Convention;* dan

(vii) *Chemical Weapons Convention.*

Satu-satunya negara yang pernah menggunakan senjata nuklear dalam peperangan adalah Amerika Syarikat yang mengebom Hiroshima dan Nagasaki pada waktu Perang Dunia Kedua. Terdapat lapan negara yang telah mengisytiharkannya mempunyai senjata nuklear dan telah menguji senjata nuklear tersebut iaitu negara China, France, India, Pakistan, Rusia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan juga Korea Utara.

Israel dikatakan oleh para penganalisis mempunyai senjata nuklear tetapi negara tersebut tidak mengesahkannya dan pula menafikan kehadiran senjata nuklear di negara mereka. Iran yang juga disyaki oleh negara barat sebagai negara yang sedang giat membuat dan mengumpul senjata nuklear tetapi negara Iran sentiasa menafikannya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertepatan dengan masa dan keperluan. Rang undang-undang ini akan membawa negara kita ke arus perdana untuk mengawal barang-barang strategik. *Preamble* rang undang-undang ini yang menceritakan inti pati rang undang-undang ini iaitu untuk mengawal ke atas eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik termasuk senjata dan bahan yang berkaitan dan aktiviti lain atau boleh memudahkan mereka bentuk dan penghasilan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantarannya.

Mengenai ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengusulkan rang undang-undang ini, kita dapati bahawa pada masa ini tidak ada satu undang-undang khusus untuk mengawal barang strategik. Adapun undang-undang kita sekarang adalah tidak menyeluruh dalam kawalannya ke atas barang-barang strategik ini. Selama ini kita menggunakan undang-undang sedia ada yang tidak mencukupi seperti Akta Kastam 1967, Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984, Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005, Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan sebagainya. Undang-undang tersebut adalah khusus untuk maksud-maksud tersendiri dan bukan direka untuk mengawal barang strategik.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun rang undang-undang ini adalah amat baik dan mestilah disokong tetapi saya ingin menimbulkan di sini beberapa keraguan dan juga pendapat atau *observation* saya mengenai dengan rang undang-undang ini.

Pertama ialah bagaimanakah kita dapat memastikan bahawa rangka kawal selia yang kita wujudkan ini ke atas barang strategik melalui undang-undang baru ini tidak akan menjejaskan perdagangan yang sah *(legitimate trade*) dan hak kita sebagai sebuah negara yang berdaulat untuk memperoleh senjata bagi maksud pertahanan negara atau untuk menggunakan tenaga nuklear bagi tujuan aman?

PBB sememangnya membenarkan penggunaan nuklear bagi tujuan aman. Dalam konteks ini kita harus mencari kaedah yang cerdik untuk mengimbangi, *to strike a balance,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di antara keperluan perdagangan sah dengan barang strategik dan menyekat perdagangan haram ke atas barang strategik tersebut.

Dalam konteks ini juga, saya ingin menyarankan supaya kerajaan kita bekerjasama dengan rejim-rejim yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang bertujuan menyokong pelaksanaan rejim kawal selia antarabangsa dibuat – triti antarabangsa seperti *Non-Proliferation Treaty*, Konvensyen Senjata Biologi, Konvensyen Senjata Kimia dan *Comprehensive Test-Ban Treaty* serta Resolusi Majlis Keselamatan PBB khususnya SCR 1540 terhadap percambahan senjata. Rejim-rejim tersebut adalah *Wassenaar Arrangement, Missile Technology Control Regime, Zangger Committee, Nuclear Suppliers Group* dan *Australia Group.* Kita harus bekerjasama dengan rejim-rejim tersebut kerana mereka mempunyai pengalaman seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Mereka sudah pun mewujudkan suatu piawaian antarabangsa bagi mengawal pengeksportan barang strategik iaitu melalui penetapan barang dan teknologi yang perlu dikawal dan tahap pengawasan yang diperlukan.

Negara kita boleh menggunakan ataupun menerima pakai piawaian antarabangsa yang telah dibuat oleh rejim-rejim tersebut. Piawaian tersebut adalah berkesan kerana di masa-masa lalu pun, kargo-kargo eksport yang tidak mematuhi piawaian tersebut boleh ditahan untuk pemeriksaan dan disita di negara import mahupun negara transit ataupun pemindahan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah beberapa tahun yang lalu, saya teringat bahawa PDRM (Polis Diraja Malaysia) telah meminta pertambahan kewangan untuk membeli perkakas dan alat latihan untuk program *anti-terrorist*, dengan izin. Mereka menyatakan bahawa dunia berhadapan dengan bahan-bahan senjata kimia, *biological*, *radiological* dan nuklear yang digunakan terhadap *civilian*. Oleh itu, adalah perlu untuk kerajaan menaikkan kemampuan untuk mengesan dan membanteras aktiviti jenayah tersebut.

Saya ingin bertanya, adakah pasukan PDRM kita ini dilengkapi dengan alat-alat yang sesuai dan moden dan pengetahuan yang tinggi untuk menghadapi dan membanteras barang strategik atau WMD ini?

Ketiga ialah adakah undang-undang ini mempunyai *reactors effect*? Bagaimana dengan perbuatan-perbuatan jenayah yang salah di bawah rang undang-undang ini yang dibuat sebelum rang undang-undang ini diperkenalkan?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jam telah pun – boleh atau tidak agaknya Yang Berhormat *wrap-up?* Saya beri dalam satu minit kerana selepas ini kita hendak sambung 2.30 petang dan saya mempersilakan... Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, saya ada terima satu notis daripada Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah dan saya minta Yang Berhormat tersebut berada di Dewan pada jam 2.30 petang nanti. Sila gulung Yang Berhormat kerana kita tidak cukup masa.

Datuk Maijol Mahap: Saya hanya ada satu atau dua *point* sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah? Kalau panjang lagi, setakat itu sahajalah yang saya benarkan dan kita...

Datuk Maijol Mahap: Satu *point* sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Persilakan.

Datuk Maijol Mahap: Ketiga iaitu...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: *Microphone*, *microphone!*

Datuk Maijol Mahap: Keempat sebenarnya ialah adakah negara kita ini mempunyai pegawai-pegawai dan pakar-pakar yang boleh melaksanakan undang-undang ini? Untuk melaksanakan undang-undang ini, kita harus mengetahui apakah ia barang-barang strategik yang mesti dikawal mengikut piawaian antarabangsa.

Kita mesti fasih dan faham tentang senarai-senarai senjata serta barang dan teknologi dwiguna yang cenderung digunakan bagi tujuan percambahan senjata yang disenaraikan oleh rejim-rejim kawalan antarabangsa. Adakah kita mempunyai kepakaran mengenal pasti barang-barang strategik dalam senarai yang dikeluarkan oleh rejim-rejim antarabangsa tersebut seperti yang dikeluarkan oleh *EU Control List* dan sebagainya?

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah saya ingin bertanya sahaja kenapa kita memilih Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ini sebagai satu kementerian yang menerajui pelaksanaan undang-undang ini di bawah kementerian lain? Adakah kementerian ini sudah bersedia dengan pakar-pakarnya dan pegawai-pegawainya untuk memikul tanggungjawab dan beban tugas yang baru ini?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, oleh kerana saya ada menerima satu notis daripada Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, saya mohon supaya Yang Berhormat ini berada di Dewan pada jam 2.30 petang. Saya memberi peluang kepada beliau untuk membukakan dia punya kes dahulu sebelum kita teruskan kepada yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa kita terpaksa selesaikan semua bil-bil ini, rang undang-undang ini dalam hari ini juga. Saya mohon kerjasama. Sekian, saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

■ 1430

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar tadi sebelum kita berhenti, saya ada menyatakan bahawa ada satu notis yang saya terima daripada Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Saya akan pergi kepada perkara ini. Yang Berhormat bersedia? Okey, dipersilakan.

2.33 ptg

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Ramakrishnan a/l Suppiah, memberi notis meminda fasal 29, 30, 31, 33, 34, 36, 37, 46, 52, 53, dan 54 Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 di bawah Peraturan Mesyuarat 56(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih. Saya mahu respons kepada Yang Berhormat punya notis itu bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat kalau boleh sama-sama kita menghayati kerana perkara ini pertama sekali kita menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat ini membuat usul-usul, pindaan dan sebagainya kerana kita ini adalah satu Dewan yang mulia. Kalau difikirkan mana-mana satu undang-undang itu perlu dipinda kalau betul-betul ada sebab-sebab dan yang betul-betul relevan, mustahak, maka memang wajar.

Oleh yang demikian, perkara-perkara ini saya berpendapat notis yang diberi oleh Senator Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah ini mencadangkan dalam sesi perbahasan kita ini saya bawa berkaitan dengan Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 berkaitan dengan beberapa fasal 29(1), 29(2), fasal 30, fasal 31, dan fasal 52(2), fasal 54(1), 54(2). Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah saya baca dan teliti rang undang-undang ini bahawa kita jangan lupa rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang telah didraf oleh pihak *Parliamentary Draughtsman,* dengan izin, Jabatan Peguam Negara.

Rang undang-undang ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat, dibahaskan dan diputuskan sampai ke peringkat kita di Dewan Negara. Dalam konteks ini apabila saya baca semua rang undang-undang ini Yang Berhormat semua mesti faham kita tidak boleh baca *out of context* dengan izin.

Kita mesti membaca seluruh rang undang-undang itu sebagai satu badan. Dalam konteks ini apabila saya lihat cadangan yang dibuat itu saya fikir tidak boleh saya terima disebabkan, saya mahu sebutkan apa-apa sebabnya. Maka dalam peruntukan yang saya ada, saya percaya Ahli Yang Berhormat mesti biasakan faham menghayati peraturan-peraturan mesyuarat ini. Sebelum itu saya mahu tanya kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah bacakah seluruhnya berkenaan kita punya peraturan ini. Sudah bacakah, menghayati dan faham?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat kepada peruntukan.

Yang Berhormat bangkitkan daripada Peraturan Mesyuarat 56(2), ya. Kalau kita pergi ke Peraturan Mesyuarat 56(2), kita perlu baca daripada 56(1) sampailah akhirnya itu. Yang Berhormat hanya menyatakan 56 (2). Ia satu, dua dan dalam 56(2) kata apa-apa pindaan yang hendak dicadangkan hendaklah dikeluarkan pemberitahu sekurang-kurangnya satu hari. Itu saya terima. Masanya dalam satu waktu yang ditetapkan. Pindaan demikian tidak dikeluarkan pemberitahu hendaklah diserahkan kepada Pengerusi dengan bertulis dan tiada boleh dicadangkan kecuali jika Pengerusi puas hati bahawa tiada dapat dikeluarkan pemberitahu.

So, dalam konteks itu cukup dia punya peraturan. Kalau lihat *Part* 3, ada perenggan 3 sub 3 dia. Pengerusi boleh menarik semula pindaan itu jika pada fikirannya pindaan itu telah menunjukkan iaitu pindaan itu melanggar syarat-syarat perenggan ini. Itu di perenggan 3 dan perenggan 4, saya menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat.

Perenggan 56(4), Pengerusi boleh enggan mengeluarkan sesuatu pindaan itu kepada Mesyuarat jika pada fikirannya pindaan itu:

(a) akan menjadikan fasal atau jadual yang hendak dipinda itu tidak terang maknanya atau salah jalan bahasanya*;* atau

(b) sia-sia sahaja; atau

(c) jika seakan-akan satu cadangan hendak meninggalkan semua sekali isi-isi serta fasal dengan tujuan hendak memasukkan syarat-syarat lain.

So, setelah saya baca peruntukan cadangan Yang Berhormat ini, saya dapati bahawa - minta maaflah, ia ada beberapa implikasi undang-undang, ya dalam perkara ini. Kalau kita mengkaji dari segi tentang suatu - kita ambil fasal 29(1) contohnya kuasa penyiasatan. Okey, kita baca apa di dalam undang-undang itu juga berkata. Rang Undang-undang 29(1): *"Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan pemeriksaan dan menyiasat perlakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini."*

Ini menunjukkan bahawa pegawai-pegawai berkenaan mengikut apa yang termaktub dalam akta ini. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat berbunyi sedemikian. Dia bercadang potong semua itu. Seseorang pegawai diberi kuasa perlu untuk menjalankan pemeriksaan dan untuk menyiasat perlakuan mana-mana kesalahan di bawah akta ini. Ia sudah lain dan sudah lari. Maknanya itu soal penggunaan bahasa lagi terang dan jelas pada yang permulaan sub 1 tadi.

Apabila kita pergi kepada, dia kata fasal 29(2) ini potong semuanya. Kalau 29(2) mahu dipotong Yang Berhormat, saya bacakan. Fasal 29(2): *"Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1) bagi maksud penyiasatan apa-apa kesalahan juga Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang boleh dijalankan oleh pihak diberi kuasa itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan Kanun Tatacara Jenayah."*

■1440

So, bermakna Yang Berhormat, "diberi kuasa", pegawai beri kuasa, lihat definisi apakah maknanya, tafsiran "diberi kuasa", "pegawai-pegawai diberi kuasa". "Pegawai-pegawai diberi kuasa" kalau dilihat dalam tafsiran ini, buka *page* ia ada berkaitan, muka surat 7, di bawah. Apakah maknanya 'pegawai diberi kuasa' termasuklah pegawai kastam, pegawai polis, Pegawai Maritim Malaysia, penguat kuasanya pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, mana-mana pegawai-pegawai lain yang dinyatakan oleh pengawal.

Bermaknanya apabila disebut ini dan kaitan dengan Kanun Tatacara Jenayah, Yang Berhormat, ambil polis lah contohnya. Seorang polis itu dia di bawah kuasa Kanun Tatacara Jenayah, mata-mata gelap pun. Tidak perlu pegawai pangkat Inspektor. Dia ada kuasa menangkap kalau sekiranya berlaku apa-apa jenayah di depan matanya. Maka kuasa itu, itulah kuasanya. Kalau hendak ditukar pula pada yang dipotong semua ini, maka 29 ini seolah-olah tergantung, tidak ada lagi. Ini bermakna satu tidak cukuplah seperti badanlah.

Kita ada kepala, tangan dan kaki, kalau dicabut tangan, tidak sempurnalah dia. Inilah maksudnya yang saya gambarkan. Ini perlukan penghayatan perundangan sedikit. Kalau tidak, susah dan juga saya hendak sebut contohnya juga hendak mencadangkan supaya fasal 30. Fasal 30 menyatakan, ini ia ada dalam rang undang-undang ini jelas menyatakannya tetapi cadangan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah fasal 30, "Menggeledah, menahan dan penangkapan tanpa waran". *So,* yang dia risaukan ialah 'tanpa waran' dengan... Saya dalam hal ini kalau sekiranya sesuatu perkara berlakulah, kalau kita sudah beri kuasa itu, berlaku kesalahan, *"Tunggu dahulu. Saya hendak pergi cari waran dahulu."* Mana boleh. Penguat kuasa itu maknanya tujuan kita memberikan kuasa itu hendak menangkap, hendak ambil tindakan itu, hendak tunggu, kalau seperti itu, penjenayah pun hilanglah, habislah segala-galanya.

So, bermakna cadangan Yang Berhormat itu sia-sia sahaja. *Not logic at all.* Dato' mengambil dua contoh ini, maka saya gunakan kuasa di bawah peruntukan 56(4) yang saya menolak pindaan Yang Berhormat itu kerana dianggap ia sebagai jadual yang boleh memberikan makna yang keluar daripada tujuan asal dan sia-sia sahaja dan juga disahkan jadi cadangan hendak meninggalkan semua sekali fasal dengan memberikan tujuan yang lain. Maka, itu saya fikir dengan kuasa itu saya terpaksa menolak cadangan pindaan Yang Berhormat itu.

Saya tidak pergi kalau pergi banyak-banyak nanti panjang, buang masa tetapi, satu perkara yang saya hendak berkongsi pendapat. Pertama Yang Berhormat, saya berasa amat gembira *at least you have the initiative*, dengan izin, untuk mencuba. Perkara ini sebelum agaknya dibawa ke Dewan ini, mana-mana Ahli Yang Berhormat buat rujukan dahulu. Bertanya dahulu, yakinkan diri kita bahawa ini adalah satu cadangan pindaan yang betul-betul. Saya hendakkan satu hari Dewan ini boleh membuat satu pindaan kepada sesuatu yang difikirkan tidak betul, yang tidak sesuai.

Kita amat mengalu-alukan tetapi jangan buat pindaan seperti ini, nampaknya kita tidak bijak. Saya terpaksa menolak. Dengan itu, dengan penuh izin, saya minta maaf kerana kuasa itu ada diberikan kepada saya. Saya gunakan kuasa itu untuk kebaikan. Diharapkan Yang Berhormat Menteri menerima dengan hati yang terbuka. Dengan itu, kita teruskan perbahasan kita. Silakan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim. Tidak pernah mendengar Tunku bercakap, Tunku bercakaplah. Kalau boleh dalam masa yang singkat jugalah.

2.44 ptg.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya membahaskan Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010.

Saya ingin menyentuh mengenai terma 'pegawai diberi kuasa' yang terbabit di dalam rang undang-undang ini. Mereka terdiri daripada pegawai kastam, pegawai polis, pegawai agensi, Penguat kuasa Maritim Malaysia, Pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, mana-mana pegawai lain yang dinyatakan oleh pengawal. Di dalam rang undang-undang ini, pegawai diberi kuasa mendapat kuasa mutlak. Izinkan saya baca secara ringkas fasal setiap satunya.

Fasal 29 pegawai yang diberi kuasa boleh menggeledah dan menyita tanpa waran.

Fasal 31 pegawai yang diberi kuasa boleh masuk ke mana sahaja tempat atau premis untuk menjalankan siasatan.

Fasal 32 membolehkan pegawai yang diberi kuasa untuk mengakses data dalam komputer.

Fasal 33 membolehkan pegawai yang diberi kuasa menggeledah pengangkutan.

Fasal 34 membolehkan pegawai yang diberi kuasa menggunakan kekerasan munasabah dalam melaksanakan urusannya.

Apakah bentuk kekerasan munasabah yang dimaksudkannya, bagaimanakah untuk mengukur kekerasan munasabah ini?

Fasal 36 pegawai yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran.

Fasal 37 mengadakan peruntukan mengenai pemintasan... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya tadi termasuk Yang Berhormat ada sebut Fasal 34, Fasal 37. Saya rasa sudah jawab tadi.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Ya. Sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang baru?

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Hampir hendak habis sudah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa... *[Ketawa].*

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Jelas melalui fasal-fasal yang saya nyatakan. Kuasa mutlak banyak diberikan kepada pegawai yang diberi kuasa. Saya khuatir sekiranya pegawai-pegawai ini menyalahgunakan kuasa mereka dan ini akan mengundang banyak masalah. Saya ingin memohon daripada Dewan yang mulia ini meneliti kembali rang undang-undang ini agar tidak ada pihak yang diberi kuasa sebegini, mengehadkan kuasa mereka di dalam lingkungan hak asasi manusia, rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tunku. Sebelum itu saya hendak berikan sedikit penjelasan bahawa Yang Berhormat Tunku, saya rasa ada sebut tadi 'menggunakan kuasa yang munasabah'? Saya mengambil contoh. Pegawai polis ada kuasa menangkap apabila berlaku sesuatu di hadapannya. Kuasa yang digunakan itulah *reasonable force* dia kata. Maknanya kuasa yang patut, kuasa yang munasabah tadilah.

So, kadang kala dia tidak semestinya menggari, dia tepuk tangannya pada orang itu, "Saya perlu menangkap tuan sekarang". Itu pun sudah efektif, maksud saya. Kalau sekiranya ada perilaku yang melanggar, melampaui batasan, mereka itu adalah tertakluk, didakwa, diambil tindakan. *So,* bermaknanya undang-undang itu begitu adil dan sekiranya ada berlaku di luar atau melebihi kuasa yang sepatutnya, pihak yang boleh membuat tuduhan yang sewajarnya. Itu penjelasan sahajalah. Dengan itu, saya silakan Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok. Kalau boleh masa kita ini singkat, saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat semua beri kerjasama kepada saya. Silakan Yang Berhormat.

2.49 ptg.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang. Saya tahu masa begitu singkat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih. Teruskan. Teruskan.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Saya pendek saya. Memandangkan rang undang-undang ini ada termasuk lapan akta seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat lain.

■1450

Jadi dalam akta ini terdapatnya beberapa kementerian. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri ada empat. Selepas itu Akta Konvensyen Senjata Kimia terdapat 15 jabatan kerajaan. Jadi perkara seksyen 2 di mana kuasa diberi kepada pegawai kastam, polis, agensi penguatkuasaan maritim, pegawai suruhanjaya komunikasi dan multimedia. Sedangkan perkara seksyen 2(e) disebut *"...pegawai perlu."*

Jadi saya mintakan supaya kementerian-kementerian atau jabatan bersabit dengan lapan akta ini dizahirkan terus di dalam akta ini. Itu sahaja. Saya dengan ini menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kerana masa tidak mengizinkan, cukuplah itu. Ada enam orang dan saya teruskan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

2.52 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada enam Yang Berhormat sekalian atas sokongan yang diberikan kepada rang undang-undang ini. Juga atas isu-isu yang telah dibangkitkan. Selanjutnya izinkan saya memberikan maklum balas dan penjelasan kepada isu-isu yang relevan sahaja mengenai rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin telah pun bertanya dan membangkitkan isu mengenai pemberian kuasa yang luas kepada Menteri di bawah fasal 7 untuk menetapkan apa-apa barang sebagai barang strategik untuk menakutkan dan akan menakutkan pelabur dan juga mengelirukan pengguna.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin, pada hakikatnya bukan sebarang barang teknologi akan ditetapkan sebagai barang strategik di bawah fasal 7.

Senarai barang teknologi termasuk yang akan tertakluk kepada kawalan rang undang-undang ini adalah barang yang boleh menyumbang atau digunakan bagi maksud percambahan senjata ataupun *proliferation of weapons,* dengan izin, sebagaimana yang diwajibkan oleh SCR 1540. Dalam hal ini teknologi dikelaskan kepada barang tentera (*military items*) dan juga barang dwiguna (*dual-use items*), dengan izin.

Dalam hal ini, Malaysia akan menggubal senarai kawalannya berdasarkan senarai Kesatuan Eropah kerana ia merupakan senarai yang paling komprehensif. Pada hakikatnya senarai barang terkawal Kesatuan Eropah itu diterima di merata dunia khususnya oleh negara pengeluar utama seperti Amerika Syarikat, Australia, Kanada, Jepun, Korea Selatan, China, dan juga Rusia. Di samping 27 negara Kesatuan Eropah sendiri seperti United Kingdom dan Perancis.

Senarai kawalan Malaysia yang mengikut piawaian antarabangsa tersebut akan meyakinkan semua negara dan pihak yang berurusan dengan negara kita ini. Selain daripada itu, selanjutnya kewujudan rangka kawal selia menyeluruh ini sebenarnya akan menarik pelabur di negara ini Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana pelabur dalam bidang teknologi yang tinggi hanya akan melabur di Malaysia bagi pengeluaran barang teknologi yang tinggi, lebih-lebih lagi barang yang terkawal seperti cip telefon bimbit dan juga kriptografi dan selainnya.

Hanya apabila mereka pasti barangan kawalan Malaysia ini tidak akan disalahgunakan ataupun diselewengkan oleh pengeksport transit dan juga *transshipment* di Malaysia. Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin juga membangkitkan barangan yang perlu dikawal sepatutnya hendaklah *direct use,* dengan izin, dengan senjata pemusnah besar-besaran sahaja dan bukan barangan teknologi diguna. Pada hakikatnya semua barang dan teknologi untuk maklumat Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini yang boleh menyebabkan pada percambahan *weapons of mass destruction* perlu dikawal demi ketenteraman dan juga keselamatan antarabangsa.

Selanjutnya apabila kawalan atas senjata dan barangan berkaitannya diberhentikan, penggunaannya dan percambahannya yang lain akan menjadi lebih aktif sekiranya barang ini tidak dikawal. Malah dengan itu barang dwiguna sedemikiannya juga amat penting untuk dikawal. Barang sedemikian mempunyai dwiguna (*dual-use*) iaitu ketenteraan dan juga bukan ketenteraan. Sebagai contoh, besi keluli bergred tinggi (*high-grade stainless steel*). Dalam hal hanya barang dwiguna yang berkemungkinan digunakan sebagai atau sebahagiannya senjata atau bagi aktiviti terhad dikelaskan sebagai barang dwiguna.

Selain daripada itu, Yang Berhormat juga membangkitkan kenapa Malaysia perlu melaksanakan senarai *Wassenaar* padahal Malaysia bukan negara anggota pada rejim kawalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia bukan melaksanakan senarai *Wassenaar* ataupun senarai kawalan mana-mana rejim kawalan lain seperti *Australia Group*, *Nuclear Suppliers Group* (NSG) ataupun *Missile Control Technology Regime*.

Pada hakikatnya setiap rejim itu sendiri diwujudkan untuk menyokong kawalan barang dan juga senjata tertentu. Contohnya *Australia Group* mengawal bahan kimia dan bahan biologi yang terkawal di bawah konvensyen senjata biologi dan konvensyen senjata kimia. Malaysia merupakan negara pihak kedua-dua konvensyen tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, *Wassenaar Arrangement* juga yang diwujudkan pada tahun 1995 dan bermula daripada tahun 1996. Dengan 40 negara ahli pada masa ini bertujuan mengawal semua barang senjata dan dwiguna demi menjaga ketenteraman dan juga kestabilan Kesatuan Eropah. Senarai *Wassenaar* telah pun merangkumi semua senarai barang yang dikawal oleh rejim *Australia Group,* NSG dan juga MCTR. Oleh itu adalah tidak perlu Malaysia menjadi negara anggota rejim-rejim tersebut untuk melaksanakan senarai kawalannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap telah pun bertanya, bagaimanakah akta ini dapat memastikan rangka kawal selia yang diwujudkan tidak akan menjejaskan perdagangan sah (*legitimate trade*) dan hak negara kita sebagai negara berdaulat untuk mendapatkan nuklear bagi tujuan awam. Menurut *Article IV Nuclear Non-Proliferation Treaty* (NPT) dengan izin, *"Nothing in this Treaty shall be interpreted as affecting the inalienable right of all the Parties to the Treaty to develop research, production and use of nuclear energy for peaceful purposes without discrimination and conformity with articles I and II of this Treaty."*

Menurut Artikel I NPT*, "Semua nuclear-weapon state berjanji tidak akan meminta senjata ataupun peralatan nuklear kepada sesiapapun atau dengan cara yang akan menggalakkan non-nuclear weapon State untuk mendapatkan ataupun menghasilkan senjata nuklear."*

■1500

Menurut artikel yang kedua ini semua *non-nuclear weapon state* telah pun mengaku janji untuk tidak menerima ataupun memindahkan atau menghasilkan atau selainnya mendapatkan senjata nuklear. Ini merupakan satu *clauses* yang *important* dalam *non-nuclear weapon state* seperti Malaysia untuk mendapatkan teknologi nuklear bagi tujuan aman.

Selain daripada itu obligasi ini adalah diberikan dan memastikan bahawa negara yang kita cintai ini dipatuhi dan dengan ini meyakinkan *Nuclear Weapon State* memindahkan teknologi nuklear kepada negara kita ini. Selanjutnya juga sekiranya eksport barangan strategik daripada Malaysia diiringi permit dan juga *End User Certificate* yang ditetapkan, yang sewajarnya di pindah oleh pengeksport sah. Sewajarnya tidak ditahan ataupun menghadapi masalah di negara import transit ataupun *transshipment* yang lain.

Yang Berhormat Senator Datuk Maijol bin Mahap juga bertanya adakah pegawai negara kita yang mempunyai kepakaran termasuk mengenal pasti barang-barang strategi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sememangnya sedar kepakaran khusus akan diperlukan untuk melaksanakan rang undang-undang ini. Khususnya untuk mengesan dan mengenal pasti barangan teknologi dan perisian yang boleh menyumbang kepada percambahan R&D ini.

Malaysia mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang berkaitan yang tertentu seperti nuklear, biologi dan nuklear di Agensi Nuklear Malaysia, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB), Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) dan pihak berkuasa kebangsaan senjata kimia.

Oleh yang demikian MITI sudah boleh menggunakan kepakaran tersebut daripada permulaan kuat kuasa akta ini. Dalam hal ini pegawai-pegawai pelbagai agensi telah pun mula dilatih dalam isu ini sejak tahun 2004 dan latihan khusus sedang dipertingkatkan. Sebagai contoh pada akhir bulan Mac tahun ini pegawai MITI, Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Peguam Negara telah menjalani latihan di Amerika Syarikat.

Sebagai tambahan dari 13 sehingga 16 April 2010, satu bengkel pelesenan telah dijalankan di Kuala Lumpur bagi lebih daripada 50 orang pegawai pelbagai agensi di bawah anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Selanjutnya suatu bengkel penggubalan Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik 2010 dijadualkan pada bulan Mei ini untuk menguji dan mengemaskinikan peraturan-peraturan perdagangan strategik 2010 dan perundangan subsidiari lain yang berkaitan yang diperlukan bagi pelaksanaan rang undang-undang ini. Pada hakikatnya Malaysia dalam proses membina kepakaran sendiri dan tidak akan bergantung pada mana-mana pihak lain bagi menyekat perdagangan barangan strategik yang dimaksudkan ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Maijol bin Mahap juga bertanya kenapakah MITI dipilih sebagai kementerian yang menerajui akta ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Maijol, penetapan MITI sebagai kementerian yang bertanggungjawab adalah berdasarkan hakikat bahawa isu kawalan ini lebih bersifat kawalan dagangan walaupun implikasinya seperti yang saya dikatakan tadi adalah berkaitan dengan keselamatan dalam negeri. Pengawalan barangan strategik melibatkan pelbagai aspek perdagangan antarabangsa seperti proses penghantaran barang strategik, urusan kewangan, pembiayaan, pengenalpastian penghantaran dan penerima *consignment*, mengenal pasti bekalan pendaratan barang ataupun penghantaran barang dengan izin, *points of landing* dan juga *disembarkation* dan sebagainya.

Pengawalan ini melibatkan prosedur kastam dan juga kementerian yang mempunyai hubungan dan urusan secara langsung dengan semua pengeksport yang didaftarkan dan Jabatan Kastam, ialah MITI. MITI juga mempunyai kedudukan bersesuaian untuk melaksanakan proses penyelidikan mengenai barang dan juga teknologi strategik kepada pengeksport dan juga boleh menasihatkan pengeksport tentang langkah-langkah pematuhan yang perlu diambil.

Rejim kawalan yang diperuntukkan oleh rang undang-undang ini adalah disasarkan kepada perdagangan haram dalam barangan strategik. Namun sekiranya barang itu masuk ke Malaysia ataupun transit melalui Malaysia dan juga terdapat implikasi atas keselamatan dalam negeri maka nasihat dan penglibatan agensi-agensi lain akan diminta sebelum sebarang tindakan diambil. MITI akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain untuk memastikan semua hal keselamatan di Malaysia ini terjamin.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok telah pun membangkitkan mengenai pegawai diberi kuasa, kenapa terhad kepada pegawai kastam, polis dan APMM dan juga telah pun bertanya semua pegawai berkenaan, dizahirkan dalam rang undang-undang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai yang disenaraikan dalam takrif ini adalah pegawai yang diberi kuasa merupakan pegawai utama yang menjalankan kuasa penguatkuasaan. Penglibatan agensi-agensi lain termasuk jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan pihak berkuasa senjata kimia khususnya sebagai agensi pengeluar permit. Selaku pihak berkuasa yang berkenaan di bawah rang undang-undang ini adalah dizahirkan dalam rang undang-undang dan akan diperuntukkan secara nyata dalam Perintah Perdagangan Strategik ataupun Barang Strategik 2010 kelak. Sumbangan semua agensi kepada penguatkuasaan berkenaan rang undang-undang ini adalah diiktiraf, diperlukan dan juga dihargai.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim telah pun bertanya juga tentang isu-isu mengenai pegawai yang memberi kuasa dan selainnya mengenai fasal-fasal 29 hingga 34. Untuk makluman Yang Mulia Tunku dan sedia maklum juga bahawa Tuan Yang di-Pertua pada awalnya telah juga menjelaskan fasal-fasal yang telah pun disentuh tadi. Jadi, saya tidak ingin lagi menyentuh perkara itu.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam pertanyaan ini dan saya ucapkan ribuan terima kasih. Di mana yang saya tidak sempat untuk jawab, saya akan beri jawapan secara bertulis kepada semua pihak yang berkenaan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 57 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1510

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.13 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta untuk melindungi orang yang membuat pendedahan itu daripada tindakan yang memudaratkan untuk mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan, disiasat dan diuruskan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif semenjak beberapa tahun yang lalu untuk menekankan kebertanggungjawaban dan pentadbiran yang cekap di negara ini. Sebagai memenuhi janji untuk membaiki sistem penyampaian kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan enam bidang kebersihan utama nasional ataupun dikenali sebagai NKRA (*National Key Results Area*) yang mewakili sebuah gabungan keutamaan jangka masa pendek untuk menangani tuntutan terdesak rakyat.

NKRA kedua, adalah disasarkan untuk memerangi rasuah. Antara pendekatan yang diambil oleh kerajaan dalam mencapai NKRA kedua ialah mengadakan suatu undang-undang yang melindungi pemberi maklumat atau dengan izin, *whistleblower.* Undang-undang ini bertujuan menggalakkan pemberi maklumat atau *whistleblower* membuat pendedahan kelakuan tidak wajar oleh mana-mana orang dan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang tindakan balas yang memudaratkan.

Hasil daripada kajian yang dijalankan, kerajaan mendapati bahawa pertama, pemberi maklumat atau dengan izin, *whistleblower* ditafsirkan sebagai seorang pekerja yang memberikan maklumat mengenai kelakuan tidak wajar yang berlaku di tempat kerjanya.

Kedua, perlindungan yang tidak mencukupi kepada *informer,* dengan izin, dalam undang-undang sedia ada sering menghalang seseorang yang mempunyai maklumat tentang sesuatu kelakuan tidak wajar daripada tampil ke hadapan untuk mendedahkan perbuatan, kelakuan tidak wajar tersebut kepada pihak berkuasa.

Ketiga, seseorang pemberi maklumat boleh juga merupakan seorang, dengan izin, *informer* sebagaimana yang diperuntukkan dalam beberapa undang-undang yang sedia ada dan mungkin juga seorang saksi tetapi seseorang *informer* atau saksi tidak semestinya menjadi seorang pemberi maklumat atau *whistleblower*.

Keempat, peruntukan undang-undang sedia ada yang melindungi *informer* dan saksi adalah tidak mencukupi untuk melindungi pemberi maklumat. Undang-undang sedia ada yang melindungi *informer* atau saksi hanya melindungi kerahsiaan maklumat tentang identiti *informer* atau saksi di samping beberapa perlindungan khusus yang diperuntukkan kepada saksi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009. Untuk mendapatkan perlindungan bawah Akta Perlindungan Saksi 2009, seseorang itu hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Perlindungan Saksi untuk menyertai dalam Program Perlindungan Saksi dan syarat-syarat yang diperuntukkan di dalam akta tersebut perlu dipenuhi.

Kelima, perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat atau *whistleblower* ialah kekebalan daripada tindakan sivil jenayah atau tatatertib. Perlindungan daripada tindakan balas yang menjejaskan dengan izin, *protection against detrimental action* serta remedi-remedi khusus yang tidak diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang sedia ada yang melindungi *informer* ataupun saksi.

Tuan Yang di-Pertua, asas-asas pertimbangan untuk mewujudkan perlindungan pemberi maklumat adalah seperti berikut:

(i) tiada sebarang peruntukan khusus dalam undang-undang yang sedia ada yang memberi perlindungan kepada *informer* selain daripada kerahsiaan maklumat, dengan izin, *informer*;

(ii) perlindungan dalam undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan *informer* dan saksi tidak mencukupi atau melindungi pemberi maklumat atau *whistleblower*;

(iii) undang-undang khusus berhubung perlindungan pemberi maklumat atau *whistleblower* akan menggalakkan penjawat awam dan orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kelakuan tidak wajar untuk tampil dan mendedahkan kepada pihak berkuasa. Bagi memastikan undang-undang ini lebih berkesan dan bersifat menyeluruh, undang-undang ini terpakai kepada semua *informer* yang memberikan maklumat mengenai kelakuan tidak wajar tanpa mengira sama ada kelakuan tidak wajar tersebut berlaku di tempat kerjanya atau sebaliknya. Oleh itu, dalam konteks undang-undang ini tidak ada perbezaan di antara pemberi maklumat atau *whistleblower* dengan *informer* kerana sesiapa sahaja yang memberikan maklumat di bawah undang-undang ini mengenai kelakuan tidak wajar dianggap sebagai pemberi maklumat atau *whistleblower*;

(iv) undang-undang berhubung perlindungan pemberi maklumat ini terpakai kepada kelakuan tidak wajar yang berlaku di sektor awam dan swasta; dan

(v) dengan adanya undang-undang yang melindungi pemberi maklumat, Malaysia memenuhi komitmen antarabangsa seperti mana yang diperuntukkan dalam artikel 33 dan artikel 37 UNCAC iaitu *United Nations Convention Against Corruption*.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah salah satu pihak kepada *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC) dan Malaysia telah menandatangani UNCAC pada 20 September 2008. Artikel yang relevan mengenai perlindungan kepada *informer* terdapat dalam artikel 33 dan artikel 37.

Peruntukan dalam kedua-dua artikel adalah seperti berikut dengan izin... *[Membaca petikan] "Article 33 - Protection of reporting persons Each State Party shall consider incorporating into its domestic legal system appropriate measures to provide protection against any unjustified treatment for any person who reports in good faith and on reasonable grounds to the competent authorities any facts concerning offences established in accordance with this Convention."*

■1520

"Article 37 - Cooperation with law enforcement authorities,

1. Each State Party shall take appropriate measures to encourage persons who participate or who have participated in the commission of an offence established in accordance with this Convention to supply information useful to competent authorities for investigative and evidentiary purposes and to provide factual, specific help to competent authorities that may contribute to depriving offenders of the proceeds of crime and to recovering such proceeds.

2. Each State Party shall consider providing for the possibility, in appropriate cases, of mitigating punishment of an accused person who provides substantial cooperation in the investigation or prosecution of an offence established in accordance with this Convention.

3. Each State Party shall consider providing for the possibility, in accordance with fundamental principles of its domestic law, of granting immunity from prosecution to a person who provides substantial cooperation in the investigation or prosecution of an offence established in accordance with this Convention.

4. Protection of such persons shall be, mutatis mutandis, as provided for in article 32 of this Convention.

5. Where a person referred to in paragraph 1 of this article located in one State Party can provide substantial cooperation to the competent authorities of another State Party, the States Parties concerned may consider entering into agreements or arrangements, in accordance with their domestic law, concerning the potential provision by the other State Party of the treatment set forth in paragraphs 2 and 3 of this article."

Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan untuk mengadakan undang-undang berhubung dengan perlindungan kepada pemberi maklumat atau *whistleblower* adalah selaras dengan artikel 33 dan artikel 37 yang saya nyatakan tadi. Bagi mencapai objektif untuk membanteras rasuah dan kelakuan tidak wajar yang lain dalam sektor awam dan swasta, perlu diwujudkan satu persekitaran untuk menggalakkan dan memudahkan orang awam membuat mendedahkan mengenai apa-apa perbuatan rasuah dan kelakuan tidak wajar yang lain.

Untuk tujuan ini, rang undang-undang ini akan memberi perlindungan kepada mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut. Perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat atau *whistleblower* di bawah rang undang-undang ini ialah:

(i) perlindungan kerahsiaan maklumat;

(ii) kekebalan daripada tindakan sivil, jenayah dan juga tatatertib; dan

(iii) perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan.

Selain daripada itu, rang undang-undang ini memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan yang sedia ada untuk menjalankan penyiasatan terhadap aduan yang dibuat oleh *whistleblower*, mengenai tindakan yang memudaratkan yang dibuat oleh mana-mana orang yang dibuat terhadap pemberi maklumat atau *whistleblower* atau mana-mana orang yang berhubungan dengan pemberi maklumat.

Rang undang-undang ini juga membolehkan agensi penguatkuasaan untuk mengambil tindakan undang-undang bagi pihak *whistleblower* atau mana-mana orang yang berhubungan dengan pemberi maklumat untuk memohon remedi-remedi khusus daripada mahkamah seperti ganti rugi atau perintah injunksi terhadap mana-mana orang yang mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap pemberi maklumat atau mana-mana orang yang berhubungan dengan pemberi maklumat tersebut. Dengan adanya rang undang-undang ini akan saling melengkapkan atau dengan izin, *complement* peruntukan undang-undang sedia ada berkenaan dengan rasuah dan salah laku yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi tujuh bahagian dan 27 fasal. Rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan untuk memerangi rasuah juga dan kelakuan tidak wajar lain dengan menggalakkan atau memudahkan pendedahan tentang kelakuan tidak wajar yang berlaku dalam sektor awam dan swasta, untuk mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan disiasat dan diuruskan untuk melindungi orang yang membuat pendedahan itu daripada tindakan yang memudaratkan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I rang undang-undang adalah berkenaan perkara permulaan.

Fasal 1 rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas dan penetapan tarikh kuat kuasa rang undang-undang.

Fasal 2 mengandungi tafsiran kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam rang undang-undang. Antara ungkapan tersebut ialah ungkapan pemberi maklumat - ditakrifkan sebagai mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan. Maklumat sulit ditakrifkan sebagai maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja seseorang pemberi maklumat atau orang terhadapnya pendedahan dibuat.

Maklumat yang telah didedahkan dan apa-apa maklumat yang juga didedahkan boleh mendatangkan mudarat kepada mana-mana orang. Kelakuan tidak wajar ditakrifkan sebagai apa-apa kelakuan yang jika terbukti menjadi suatu kesalahan tatatertib, atau kesalahan jenayah.

Kesalahan tatatertib pula ditakrifkan sebagai apa-apa tindakan atau peninggalan yang merupakan satu pelanggaran tatatertib dalam sesuatu badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak sahaja. Antara perlakuan yang ditakrifkan sebagai tindakan yang memudaratkan termasuklah tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan serta ugutan dan gangguan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II rang undang-undang memperuntukkan perkara yang berhubung dengan pentadbiran. Antara fasal-fasal penting dalam bahagian ini adalah seperti berikut.

Fasal 3 yang memperuntukkan bahawa agensi penguatkuasaan mempunyai arahan am, kawalan dan penyeliaan ke atas semua perkara berhubung dengan perlindungan pemberi maklumat. Ia selanjutnya menghuraikan kuasa am agensi penguatkuasaan.

Fasal 4 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengeluarkan arahan tentang perjalanan kuasa, budi bicara dan kewajipan agensi penguatkuasaan.

Fasal 5 bertujuan untuk membenarkan agensi penguatkuasaan bekerjasama dengan agensi penguat kuasa yang lain. Mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan atau negeri atau mana-mana orang lain berhubung dengan sesuatu penyiasatan yang dijalankan. Apabila permintaan dibuat oleh agensi penguatkuasaan, mana-mana orang hendaklah memberi kepada agensi penguatkuasaan berkenaan segala bantuan yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III rang undang-undang memperketat perlindungan pemberi maklumat.

Fasal 6 bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang untuk membuat pendedahan berdasarkan kepercayaannya yang munasabah tentang mana-mana orang yang telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam kelakuan tidak wajar. Pendedahan sedemikian boleh dibuat secara lisan atau bertulis kepada mana-mana agensi penguatkuasaan.

Fasal ini selanjutnya memperuntukkan bahawa pendedahan kelakuan tidak wajar boleh dibuat terhadap seseorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri.

Fasal ini juga memperuntukkan bahawa mana-mana peruntukan dalam apa-apa kontrak kerja yang menghalang pendedahan kelakuan tidak wajar adalah terbatal.

Fasal 7 adalah bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang pemberi maklumat akan dilindungi dari masa sesuatu pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat olehnya diterima oleh mana-mana agensi penguatkuasaan. Bentuk perlindungan yang diberikan adalah perlindungan maklumat sulit, kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah dan perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan.

Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan juga diperluas kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat. Matlamat utama perlindungan diberikan kepada pemberi maklumat adalah untuk menggalakkan pemberi maklumat tampil ke hadapan untuk membuat pendedahan kelakuan tidak wajar dengan melindunginya daripada tindakan balas yang menjejaskan dan yang boleh diambil terhadap orang yang diadukan.

Fasal 8 rang undang-undang ini bertujuan untuk mengenakan obligasi statutori ataupun *statutory obligation* untuk menyimpan maklumat sulit ke atas mana-mana orang yang membuat atau menerima pendedahan kelakuan tidak wajar ataupun memperolehi maklumat sulit semasa menjalankan penyiasatan. Ia selanjutnya mengadakan peruntukan bagi pelanggaran obligasi sedemikian sebagai suatu kesalahan. Fasal ini juga melarang pendedahan butiran yang membawa kepada pemberi maklumat diketahui semasa apa-apa prosiding.

Fasal 9 bertujuan untuk memberikan kepada pemberi maklumat kekebalan daripada liabiliti sivil dan jenayah atau apa-apa liabiliti yang berbangkit melalui proses pentadbiran termasuk tindakan tatatertib bagi menggalakkan seseorang pemberi maklumat untuk tampil ke hadapan, untuk mendedahkan kelakuan tidak wajar tanpa kebimbangan.

■1530

Fasal 10 bertujuan untuk melarang mana-mana orang daripada mengambil apa-apa bentuk tindakan yang memudaratkan terhadap seseorang pemberi maklumat, atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu sebagai tindakan balas terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar. Fasal ini menyatakan hal keadaan ini di mana sesuatu tindakan terjumlah kepada tindakan yang memudaratkan. Ia selanjutnya mengadakan peruntukan bagi pelanggaran larangan sedemikian sebagai suatu kesalahan.

Fasal 11 memperuntukkan hal keadaan yang membolehkan perlindungan pemberi maklumat dibatalkan. Di antara keadaan yang dimaksudkan termasuklah penglibatan pemberi maklumat itu sendiri dalam kelakuan tidak wajar tersebut. Pemberi maklumat dengan sengaja membuat penyataan yang ia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar dalam pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut. Pendedahan itu adalah remeh atau menyusahkan dan pendedahan itu dibuat untuk mengelak tindakan tatatertib.

Dalam keadaan perlindungan pemberi maklumat dibatalkan, pemberi maklumat hendaklah dimaklumkan dan jika ia tidak berpuas hati dengan pembatalan itu pemberi maklumat boleh merayu terhadap keputusan itu kepada mahkamah.

Bahagian IV rang undang-undang ini mengandungi peruntukan yang berhubung dengan pengurusan pendedahan kelakuan tidak wajar. Fasal 12 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar untuk menjalankan penyiasatan terhadap pendedahan sedemikian dan menyediakan laporan berhubung dengan siasatan yang dijalankan.

Fasal 13 pula menyatakan bahawa jika laporan yang disediakan oleh agensi penguatkuasaan mendapati bahawa tiada kes berasas, pemberi maklumat hendaklah diberitahu. Sebaliknya jika laporan itu mendapati bahawa terdapat kesalahan tatatertib, kes itu hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa badan awam atau badan swasta yang berkenaan. Pihak berkuasa badan awam atau badan swasta ini dikehendaki memaklumkan agensi penguatkuasaan langkah yang telah diambil atau akan diambil atau sekiranya tidak ada tindakan yang diambil, alasan kenapa tindakan tidak diambil. Agensi penguatkuasaan berkenaan boleh melaporkan kepada Menteri jika tiada tindakan yang diambil dalam waktu yang munasabah atau tindakan yang telah diambil tidak memadai.

Selain itu, jika laporan itu mendapati bahawa terdapat kesalahan jenayah dan pendakwaraya memutuskan untuk mendakwa, agensi penguatkuasaan perlu memperoleh laporan bukanlah daripada pendakwaraya atau jika pendakwaraya memutuskan untuk tidak mendakwa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Liew Vui Keong: Panjang lagi. Saya terpaksa habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh ringkaskan sedikitlah.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, terima kasih.

Bahagian V ini ialah rang undang-undang yang mengandungi peruntukan yang berhubung dengan aduan terhadap tindakan yang memudaratkan dan remedi. Fasal 14 bertujuan untuk memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan menjalankan penyiasatan terhadap aduan terhadap tindakan yang memudaratkan.

Fasal 15 memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan atas permintaan pemberi maklumat untuk memfailkan permohonan kepada mahkamah untuk menuntut remedi bagi pihak pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat.

Fasal 16 mengenakan liabiliti ke atas mana-mana orang yang membuat tindakan yang memudaratkan sebagai tindakan balas terhadap pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat. Liabiliti ini hendaklah ditanggung oleh orang itu dalam kapasiti perseorangannya atau dengan izin, *in his personal capacity*.

Fasal 17 bertujuan untuk memberi mahkamah kuasa untuk memberikan perintah *injunction* terhadap mana-mana orang yang mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap seseorang pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu.

Fasal 18 memberi mahkamah kuasa untuk membuat perintah terhadap orang yang mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap pemberi maklumat sebagai tindakan balas terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar.

Fasal 19 mengadakan peruntukan bagi penempatan semula tempat kerja kepada pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu melalui permintaan kepada agensi penguatkuasaan untuk membuat permohonan bagi pihaknya kepada badan awam atau badan swasta bagi penempatan semula tempat kerjanya untuk mencegah tindakan yang memudaratkan diambil terhadapnya.

Bahagian VI rang undang-undang ini mengandungi peruntukan mengenai penguatkuasaan, kesalahan dan penalti.

Fasal 20 bertujuan untuk memberikan pegawai diberi kuasa semua kuasa penyiasatan sebagaimana yang diperuntukkan bagi agensi penguatkuasaan di bawah undang-undang berkaitan.

Fasal 21 memperuntukkan bahawa membuat penyataan palsu dalam pendedahan kelakuan tidak wajar atau aduan tindakan yang memudaratkan ialah satu kesalahan.

Fasal 22 memperuntukkan bahawa menghalang pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan kewajipannya ialah satu kesalahan.

Fasal 23 memperuntukkan bahawa memusnahkan, memalsukan atau menyembunyikan apa-apa dokumen atau benda yang berkaitan dengan sesuatu penyiasatan adalah satu kesalahan.

Fasal 24 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi persubahatan dan percubaan dalam perlakuan sesuatu kesalahan di bawah rang undang-undang ini sebagai melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman dengan penalti yang sama sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan sedemikian.

Fasal 25 mengadakan peruntukan bagi penalti am.

Bahagian VII rang undang-undang ini memperkatakan peruntukan am. Fasal 26 bertujuan untuk memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk memberi ganjaran kepada pemberi maklumat yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar atau membuat aduan mengenai tindakan yang memudaratkan sehingga menyebabkan kes-kes kelakuan tidak wajar atau kes tindakan memudaratkan dikesan atau menyebabkan pendakwaan terhadap orang yang melakukan kelakuan tidak wajar atau orang yang melakukan tindakan yang memudaratkan itu.

Fasal 27 memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan kuasa yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini, Malaysia dapat menangani masalah rasuah dan salah laku yang lain. Pada masa yang sama, Malaysia dapat juga melaksanakan dan memenuhi kewajipan yang terkandung dalam artikel 33 dan artikel 37 UNCAC.

Adalah menjadi harapan kerajaan perbuatan rasuah dan salah laku yang lain akan dapat dibanteras dan dihapuskan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuklah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta, untuk melindungi orang yang membuat pendedahan itu daripada tindakan yang memudaratkan untuk mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan disiasat, dan diteruskan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahas.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor.

3.38 ptg.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, wakil Menteri. Saya ucapkan terima kasih di atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Saya pertamanya ingin mengatakan tahniah dan syabas kepada kerajaan di atas inisiatif dan komitmen untuk melakukan *reform* khususnya untuk memerangi rasuah dengan penggubalan rang undang-undang ini. Sebagai seorang yang pernah dipenjarakan kerana bertindak sebagai pemberi maklumat dalam kes yang membabitkan rasuah, saya mengucapkan syukur ke arah Allah SWT kerana ditakdirkan kerana berada di sini dan membahaskan penggubalan undang-undang ini yang saya rasakan cukup bermakna pada diri saya tetapi, yang lebih penting ialah makna penggubalan undang-undang ini kepada negara. Penggubalan ini mempamerkan, membuktikan komitmen kerajaan untuk melakukan *reform* terhadap rasuah.

■1540

Ia sekali gus menyanggah kenyataan-kenyataan yang banyak dibuat akhir-akhir ini terhadap kerajaan sebagai kerajaan yang anti-*reform,* kerajaan yang pro-rasuah, kerajaan yang korup. Ironinya, yang paling lantang menyatakan perkara itu ialah orang yang pernah berada dalam kerajaan sebelum ini. Ini yang semasa dalam kerajaan dan pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Penyelenggaraan kerajaan.

Kita tidak pernah lihat penggubalan undang-undang seumpama ini dilakukan pada masa itu. Justeru komitmen dan kenyataan di Dewan yang mulia ini terhadap komitmen kerajaan itu penting. Kerajaan yang pro-korup, pro-korupsi, pro-rasuah tentunya tidak akan memberi ruang terhadap penggubalan undang-undang yang sebegini hebat. Dari sudut untuk melakukan *reform* dalam memerangi rasuah.

Tuan Yang di-Pertua dan teman-teman yang dimuliakan. Kita harus faham bahawa tugas untuk memerangi rasuah ini bukan mudah. Saya masih ingat semasa saya di dalam penjara, saya telah membaca sebuah novel tentang rasuah yang dinukilkan oleh Profesor Hamka bertajuk, *Tuan Direktor*, yang menyebut tentang sebuah hadis riwayat Al-Tarmizi dengan izin, mafhumnya, *"Setiap umat itu ada dugaannya dan dugaan paling besar bagi umatku, kata Rasululah SAW adalah rasuah dan harta."* Maknanya, persoalan rasuah ini persoalan besar. Ia harus diperjuangkan secara jujur melewati persoalan kepentingan politik kita. Politik parti, politik peribadi. Perjuangan menentang rasuah ini harus dilakukan secara bersungguh-sungguh, harus jujur, lawan kepada jujur, bohong.

Jadi jangan bohong. Macam 16 September itu bohong. Jadi kita harus jujur dalam memerangi rasuah. Ini penting sebab persoalan rasuah ini bukan sekadar persoalan mana-mana parti politik. Ini hadis Rasulullah yang menyebut ini persoalan umatku. Siapa sahaja yang berkuasa ada masalah rasuah. Dahulu ada kawan saya, kita dalam parti yang tidak berkuasa, tidak ada masalah rasuah. Sekarang ada macam-macam masalah. Sehari dua ini kita dengar satu dua orang sudah pergi SPRM. Macam-macam kisah, ada RM4 juta, ada RM8 juta dan sebagainya. Kita bukan hendak terbabit dalam politik perdebatan antara parti. Sebab saya faham ini Dewan mulia, kita bersama-sama bersama.

Dalam tempoh saya dua hari di sini, saya dapat lihat komitmen untuk kita berlaku jujur dalam perjuangan ini daripada semua Ahli-ahli Dewan tetapi, dalam konteks melawan rasuah ini saya rasa ia perlukan komitmen yang lebih luar biasa. Biarlah orang lain di luar Dewan ini ataupun di Dewan yang lain bermain politik dalam persoalan rasuah tetapi, tidak kita kerana perjuangan melawan rasuah ini disebut secara jelas dalam hadis Rasulullah SAW. yang kebetulan saya belajar masa saya dalam penjara. Dipenjarakan kerana kes rasuah masa itu di bawah ISA lah, masa itu akta ini tidak ada. Kalau akta ini ada mungkin saya kena jugalah dalam akta ini tetapi, ini persoalannya dan...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan sedikit.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Ya sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Satu soalan Yang Berhormat. Kenapa Yang Berhormat dipenjarakan dan siapakah Yang Berhormat menyokong sehingga Yang Berhormat dipenjarakan? Terima kasih... *[Ketawa]*

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya dipenjarakan di bawah Akta Rahsia Rasmi kerana membongkar dokumen rasuah, bukan makan rasuah. Orang kena penjara makan rasuah ramai tetapi yang dipenjarakan kerana membuka dokumen rasuah setakat ini saya seoranglah. Ianya bukan kerana persoalan individu mana-mana. Ini kerana persoalan prinsip saya yang saya faham sebelum ke penjara lagi pun. Bahawa perjuangan melawan rasuah ini merupakan perjuangan utama. Musuh nombor satu kita, negara dan umat. Apabila saya di dalam penjara seperti yang saya sebutkan tadi, hadis Rasulullah riwayat Al-Tarmizi.

Hadis sahih yang menyebut tentang 'dugaan umatku', setiap umat itu ada dugaannya dan dugaan bagi umatku ialah harta dan rasuah.

Jadi saya mengajak teman-teman untuk berlaku jujur dalam hal ini. Ini persoalannya sebab itu dalam kes-kes yang - saya tidak kata sempurna Barisan Nasional atau kerajaan atau mana-mana pihak. Kita ada masalah tetapi kita jangan ambil kesempatan modal politik dengan izin, *political capital*. Untuk kita menyerang sistem dan merosakkan kerajaan demi hanya kerana kepentingan politik. Itu juga yang berlaku baru-baru ini di dalam kes Aminurasyid di Shah Alam. Kebetulan saya datang daripada Shah Alam. Persoalannya, kita faham tentang persoalan tersebut. Ini masalah kita...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah sedikit.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan.

Datuk Akbar bin Ali: Saya celah pendek sahaja. Ada satu ayat Yang Berhormat sebut, mengajak teman-teman berlaku jujur dalam hal ini. Saya bimbang - ini berkenaan saya sendirilah, tidak hendak cakap bagi pihak kawan-kawan. Boleh di *misconstrue,* dengan izin, bahawa seolah-olah saya ini tidak berlaku jujur sebelum ini. Adakah itu maksudnya? Terima kasih.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Persoalan jujur ini antara kita dan Allah SWT dan hanya diri kita. Kalau kita rasa kita jujur, *conscience* kita jelas dalam amalan rasuah atau dalam apa-apa juga perjuangan untuk menegakkan kebenaran, keadilan, saya rasa tidak timbul masalah itu. Apa yang saya hendak tekankan ialah tentang bagaimana ada pemimpin-pemimpin politik yang menggunakan kesempatan terhadap persoalan besar seperti rasuah. Seperti yang berlaku terhadap adik Amirurasyid dan banyak lagi persoalan-persoalan besar yang lain. Untuk bukan sekadar mencari ataupun menyelesaikan persoalan itu tetapi untuk mengambil kesempatan untuk merosakkan imej kerajaan, imej pegawai-pegawai kerajaan. Imej agensi-agensi, imej institusi-institusi negara yang penting untuk kita pertahankan.

Ini kita lihat berlaku khususnya dalam tempoh dua, tiga tahun dalam kancah politik dalam negara kita. Permainan politik yang dilakukan luar biasa. Komitmen SPRM. Saya bukan hendak mempertahankan SPRM kerana baru dilantik menjadi Senator dan pihak kerajaan.

Masa saya jadi Pengerusi Gerakan, saya terlibat secara aktif hingga menyebabkan seorang Ketua Pengarah BPR meletakkan jawatan sebelum waktunya. Itu diperjuangkan tetapi kita harus - kalau kita jujur dengan perjuangan, kalau ada perubahan, kita harus akui. BPR dan SPRM adalah dua perkara yang berbeza. Peruntukan-peruntukan Perlembagaan, penggubalan yang dilakukan itu luar biasa, yang tidak pernah kita lihat sebelum ini.

Kalau ya kita jujur terhadap perjuangan untuk melakukan *reform* dalam negara kita, itu harus kita akui tetapi, apa yang kita lihat, beberapa usaha dilakukan untuk merosakkan imej SPRM. Hanya kerana ada beberapa kes-kes yang membabitkan satu dua personaliti. Usaha-usaha sebeginilah yang saya minta untuk kita faham dan saya mohon supaya Dewan ini, Dewan yang mulia ini, Dewan Negara ini menjadi tempat.Supaya kita mulakan satu babak baru perjuangan kita sebagai Ahli-ahli Dewan. Ini untuk melakukan *reform* dan memberikan kekuatan dan dokongan kepada kerajaan dalam proses untuk melakukan *reform*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil masa yang panjang. Saya tahu saya baru sahaja jadi Senator ini. Cuma saya ingin sebut sedikit tentang proses penggubalan undang-undang ini. Tentunya ia tidak sempurna, masih ada yang harus kita lakukan. Kita harus faham bahawa kes *Freedom of Information Act,* dengan izin, di United Kingdom itu memakan masa hampir bertahun-tahun untuk digubal menjadi satu akta yang benar-benar sempurna. Dalam memastikan *the whistleblower* itu benar-benar dipertahankan. Cuma kita mahukan penjelasan daripada menteri tentang langkah-langkah yang akan diambil, langkah-langkah lanjutan, akta-akta lanjutan dan kaitannya dengan akta-akta lain.

Whistleblower Protection Bill ini tidak mampu berdiri dengan sendiri dan melakukan *reform* sepenuhnya tanpa dengan penggubalan akta-akta lain, khususnya OSA, Akta Percetakan dan sebagainya. Perkara-perkara itu saya rasa Dewan ini punya alasan untuk mendapatkan penjelasan daripada menteri tentang apa langkah-langkah selanjutnya yang akan dilakukan oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada siapa-siapa lagi?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya hendak beritahu berapa orang bangun ini kan supaya boleh kita bagikan bahawa... *[Mengira jumlah Ahli-ahli yang bangun]* Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh. Yang Berhormat Dato' Daljit Singh Dalliwal.

■1550

3.50 ptg.

Dato' Daljit Singh Dalliwal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Rang Undang-Undang Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini adalah bermatlamatkan untuk memerangi rasuah dan salah laku yang lain sejajar dengan visi dan misi kerajaan dalam membanteras gejala yang tidak sihat di kalangan orang-orang yang mempunyai kuasa ataupun orang-orang yang berkedudukan dalam membuat sesuatu keputusan. Dengan adanya akta sedemikian, ia secara tidak langsung menggalakkan pendedahan kelakuan salah laku dalam pentadbiran awam dan sektor-sektor swasta yang sejak kebelakangan ini dapat diutarakan oleh pihak-pihak yang tertentu. Kadang-kadang perkara ini dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu bagi meraih publisiti murahan. Walau bagaimanapun saya percaya dengan adanya akta sedemikian, kita akan dapat bersatu dalam mendirikan negara kita agar bebas daripada salah laku yang boleh menggugat kestabilan negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama diadakan perlindungan ini kepada pemberi maklumat adalah untuk membolehkan mereka tampil ke hadapan bagi membuat pendedahan kelakuan salah laku dengan melenyapkan sebarang perasaan takut atau menghadapi risiko yang boleh menyekat mereka daripada membuat pendedahan sedemikian tetapi, sejauh manakah identiti mereka ini dapat dikawal dan sejauh manakah pengawalan identiti ini dapat disekat daripada pengetahuan umum?

Kita sedar bahawa rang undang-undang ini memperuntukkan perlindungan berkanun mengikut undang-undang untuk mereka yang menceburkan diri dalam memberi maklumat. Bagi sesiapa yang memberi maklumat sulit, setakat manakah perlindungan ini dapat dijamin agar keselamatan serta kesahihan maklumat yang disampaikan ini di *classified* kan, dengan izin, selamat dan terjamin? Adakah ia memberi imuniti – terdapat tindakan-tindakan awam sivil atau jenayah serta perlindungan terhadap pemberi maklumat ini dalam tindakan sivil atau jenayah yang boleh memudaratkan pemberi maklumat sedemikian?

Dalam rang undang-undang ini yang jelas memberi kuasa kepada agensi penguat kuasa untuk menjalankan siasatan ke dalam salah laku dan aduan yang memudaratkan, kita mengalu-alukan keikhlasan kerajaan dalam menjaga dan memberi kuasa kepada pihak yang tertentu dalam menjalankan tugas mereka tetapi, adakah pemberian kuasa ini dipantau dalam memilih pemberian kuasa sedemikian dalam kes-kes yang tertentu sahaja atau diguna pakai dalam masa kepentingan politik negara? Saya juga mengalu-alukan pemberian kuasa ini diserahkan kepada mahkamah untuk membuat tuntunan remedi di mana secara tidak langsung dapat memberikan *confident,* dengan izin, kepada pemberi maklumat ini.

Rang undang-undang fasal 5 membenarkan agensi penguat kuasa untuk bekerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa yang lain, mana-mana jabatan persekutuan atau kerajaan negeri atau mana-mana individu sekiranya perlu.

Jika agensi penguat kuasa diminta melakukan sedemikian, apakah kerjasama yang dipanjangkan itu benar-benar dapat disampaikan tanpa mengira kedudukan warna kulit serta kefahaman politik kepada agensi yang seharusnya menyediakan dengan bantuan-bantuan yang perlu?

Kita lihat bahawa pendedahan boleh dibuat secara lisan atau secara bertulis kepada mana-mana agensi penguat kuasa berdasarkan kepercayaan yang munasabah. Pendedahan salah laku juga boleh dibuat terhadap mana-mana Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri sepertimana dalam fasal 6 dan perlindungan juga dilanjutkan untuk mana-mana orang yang berkaitan dengan atau dikaitkan dengan pemberi maklumat.

Di sini ingin saya mengutarakan apakah kriteria yang diguna pakai bagi memastikan kesahihan dalam memberi maklumat sedemikian agar ia tidak digunakan dengan niat ingin merosakkan nama seseorang yang diadili itu demi kepentingan jawatan atau politik? Tuan Yang di-Pertua, kita dapat menilai apakah kepentingan rang undang-undang ini kerana ia dapat menjamin di samping menghalang dan membendung rasuah serta membuatkan rakyat kita tampil ke hadapan tanpa apa-apa perasaan takut demi turut serta dalam usaha kerajaan dan membanteras gejala yang tidak sihat ini.

Akan tetapi pada masa yang sama juga kita dapat memperlihatkan beberapa kelemahan yang harus diteliti sebelum kita tersangkut dalam ruang yang tidak jelas dalam menterjemahkan akta ini dengan izin, *lacuna in law* Tuan Yang di-Pertua, kekurangan definisi kelakuan yang tidak wajar adalah didefinisikan sebagai kelakuan yang kalau terbukti menjadi satu kesalahan tatatertib ataupun satu kesalahan jenayah, definisi tersebut boleh dihuraikan seperti berikut: *"Sebarang perbuatan yang melanggar undang-undang dari segi ekonomi, merugikan atau melibatkan salah laku berat, ketidakbolehan atau ketidakcekapan."*

Rang undang-undang ini juga tidak memperuntukkan jenis perlindungan yang akan diberi kepada pemberi maklumat. Apakah yang akan berlaku kepada yang melaporkan itu setelah yang dilaporkan didapati tidak bersalah dan ditempatkan pada lokasi yang asal? Tindakan ini akan menjejaskan prestasi penyampaian oleh yang dilaporkan itu daripada menjalankan tugas dan bertanggungjawab daripada mencari sumber-sumber maklumat yang dilaporkan walaupun ia menyediakan tindak balas dan penempatan semula tempat kerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyampaikan beberapa perkara yang harus diambil berat mengenai satu aduan. Kita memerlukan satu pernyataan ringkas dan jelas tentang perkara-perkara yang didakwa sama ada ia adalah satu tindakan salah laku, mengapa ia dianggap sebagai perbuatan salah laku dan bukti–bukti untuk mengesahkan apa yang dinyatakan ini adalah benar. Sekiranya seseorang tidak memberikan nama atau maklumat lain yang jelas menyatakan bahawa yang didakwa telah membuat salah laku dan jabatan di mana seseorang itu bekerja, seseorang tidak mungkin dapat tahu asal usul yang disiasat. Jika seseorang tidak dapat mengenalpasti saksi atau dokumen yang boleh menyokong apa yang didakwa, kita mungkin tidak dapat untuk mengenal pasti apa yang dinyatakan itu sebagai benar. Sekiranya seseorang boleh mengemukakan satu aduan yang tidak diketahui itu, kita mungkin tidak dapat mengenal pasti sama ada sesuatu dakwaan itu mempunyai kepastian sekiranya kita tidak boleh membuat orang yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa contoh yang masih dipertikaikan dan beberapa masalah dapat diutarakan dalam penggunaan akta ini. Beberapa contoh Akta Perlindungan Pemberi Maklumat di Amerika Syarikat. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 1989 merupakan Undang-Undang Persekutuan Amerika Syarikat yang melindungi, memberi maklumat di bawah Persekutuan atau individu yang berkhidmat dalam kerajaan melaporkan salah laku dalam agensi.

Satu agensi Persekutuan yang melanggar akta ini sekiranya ia mengambil maklum atau gagal atau ugut untuk mengambil atau gagal untuk mengambil tindakan terhadap kakitangan dengan mengambil kira mana-mana kakitangan pemohon yang disebabkan oleh apa-apa penyediaan maklumat oleh kakitangan atau pemohon bahawa dia mempercayai terdapat bukti pencabulan undang-undang yang menyalahi undang-undang peraturan, salah urus pengurusan, salah urus kewangan, penyalahgunaan kuasa atau sebagainya dan bahawa yang tertentu kepada kesihatan dan keselamatan awam.

Undang-undang telah diwujudkan. *Office of Special Council* (OSC) ditugaskan untuk menjalankan siasatan dari ahli-ahli birokrat bahawa mereka telah dihukum setelah melaporkan kepada kongres mengenai ketirisan dan penipuan serta salah guna kuasa dalam agensi mereka.

■ 1600

OSC mempunyai bidang kuasa mengenai tuduhan-tuduhan oleh pemberi-pemberi maklumat yang telah dibuat oleh kakitangan *US Securities and Exchange Commission* (SEC) di Australia. Pemberi maklumat mungkin telah membuat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Daljit Sing Dalliwal: Boleh, boleh.

Okey, mereka juga dalam pemilihan mereka maklumat agar sukar mereka membeli untuk menghadapi dalam apa-apa cara yang boleh memenuhi kelulusan rakan-rakan serta korporat mereka. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya harap agar rang undang-undang ini dapat diteliti agar tiada sebarang keraguan dan pertengahan sambil mendapatkan institusi perundangan dan pengukuhan pentadbiran kerajaan dengan mewujudkan akta ini.

Saya juga harap satu badan yang dianggotai oleh golongan profesional digabungkan dalam mewujudkan jawatankuasa penyiasatan dan sebarang agensi kerajaan agar ianya dapat menjamin ketelusan dan niat kerajaan dalam membanteras rasuah dan salah laku.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' dari Sarawak, silakan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Idris, Idris Buang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Haji Idris Haji Buang.

4.01 ptg.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih. Hanya ringkas sahaja untuk saya berbahas menyokong rang undang-undang ini.

Pertama saya ingin mengatakan kerajaan sangat komited untuk menunjukkan kejujuran membentang rang undang-undang ini yang kita sangat alu-alukan. Ini sejajar dengan dasar kerajaan untuk mewujudkan pentadbiran yang tulus dan telus serta *transparent*, dengan izin. Ia juga akan meningkatkan kualiti tadbir urus yang baik ataupun *good governance*, dengan izin.

Saya menaruh harapan yang tinggi agar tahap keyakinan masyarakat dunia, khususnya pelabur-pelabur asing akan naik, akan bertambah terhadap negara kita ini apabila wujudnya Akta Perlindungan Pemberi Maklumat seperti ini di mana mungkin persepsi rasuah atau persepsi jenayah mungkin kita akan mendapat kedudukan yang lebih baik di mata dunia. Setakat ini mengikut kajian *Transparency International* tahun lepas, Malaysia di kedudukan yang ke-56, berbanding dengan Singapura, kedudukannya nombor tiga. Walaupun ada juga negara-negara besar seperti Itali, lebih teruk daripada kita, Saudi Arabia dan sebagainya.

Akan tetapi saya harap dengan adanya rang undang-undang seperti ini, masyarakat dunia akan menaruh keyakinan dan kepercayaan yang tinggi terhadap kita. Dengan adanya rang undang-undang seperti ini pelaburan akan bertambah, saya rasa. Saya juga ingin menyentuh iaitu dengan adanya rang undang-undang ini yang ada ciri-ciri mencegah, ada *preventive impact*, di sini, dengan izin, untuk jenayah seperti rasuah ini untuk ianya berkembang. Kita dengan rang undang-undang ini dapat menyekat pengembangan ataupun pertambahan kadar jenayah yang seumpamanya kerana ia akan menyuntik *the fear factor* jugalah kepada sesiapa sahaja yang hendak menuju ke arah itu

Hanya perkara khusus yang saya ingin sentuh tentang rang undang-undang ini. Saya ingin hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah rang undang-undang ini mempunyai unsur-unsur *retrospective,* dengan izin? Adakah ianya boleh melindungi pemberi maklumat tentang jenayah yang telah berlaku sebelum ini sebab pada hematnya di dalam Undang-undang Jenayah atau *Criminal Law*, tiada had untuk ataupun *statutory barred* untuk menyekat apa-apa jua tindakan terhadap jenayah. *There is no statutory limitation* atau *barred towards crime*, dengan izin. Itu satu.

Keduanya, adakah imuniti yang diberi ini benar-benar terjamin? Sebelum seseorang itu ingin hendak memberi maklumat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak menarik semua Ahli Yang Berhormat kerana kita hari ini kena habis pukul 5.30. Kita tidak dapat kita punya usul tambahan masa tadi atau sehingga selesai kerana saya memikirkan agaknya hari terakhir, kalau boleh Ahli Yang Berhormat semua beri kerjasama dengan saya, masa yang sesingkat boleh dan kita ada tiga lagi rang undang-undang.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: *Just the last one*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya ingat tadi ada usul dibawa oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Betul, betul. Maknanya kalau saya minta ini kalau semua Ahli Yang Berhormat sanggup kita sampai malam, saya sanggup tetapi soalnya sekarang hari ini hari terakhir, sama ada kalau hendak balik kah, jauh kah, apa kah, itu saya kena pertimbangkan juga. Jadi saya secara terbuka. Kalau sekiranya ia lebih penting untuk hendak apakan, saya bersedia, kita sehingga selesai. Kita punya usul tadi sehingga selesai pada hari ini.

Kalau sekiranya Yang Berhormat semua sanggup agaknya teruskan, saya bersedia. Saya memohon itu kalau sekiranya ada di kalangan Yang Berhormat fikir hendak balik jauh, sudah ada tempah tiket dan sebagainya, jadi saya fikirkan begitu tetapi, masa itu saya peruntukkan lebih kurang 10 minit seorang. Kalau ikut masa itu sekarang, ini agaknya mungkin kita tidak sempat hendak balik 5.30, tidak boleh. Mungkin kita akan terus lebih daripada itu. Maka itu saya rasakan, Yang Berhormat, kita bagi peruntukan dalam lebih kurang 10 minit dan kalau boleh dapat sama-sama kita pertanggungjawabkan. Bagi saya, tidak ada masalah kerana sampai malam pun tidak mengapa tetapi kita terpaksa selesaikan kita punya majlis ini pada hari ini. Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham tentang kesukaran kita untuk mengurus masa. Jaminan, apakah jaminan undang-undang ini terhadap seorang pemberi maklumat sebelum dia memberi maklumat kalau-kalau dia memberi maklumat kepada satu agensi dan agensi itu berkaitan dengan orang yang hendak didedah dengan jenayah itu. Saya ingin mengesyorkan supaya identiti pemberi maklumat itu diberi perlindungan dari awal lagi. Misalnya, nama dia Ahmad, tukarlah menjadi John kah, dari awal lagi supaya dia memakai nama *incognito* dari awal lagi. Begitu juga dengan ahli keluarganya. Kita perlu jaminan, apakah jaminan dari segi praktikal. Jangan nanti dia terdedah dari awal, mungkin nyawa dia terancam. Sekian, terima kasih. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Tunku.

4.08 ptg.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya membahaskan Usul, Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Sebagai seorang yang dilantik oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menubuhkan program-program anti rasuah berkembar yakni *Whistleblower Protection* dan satu lagi program yang dipanggil, *"Declaration of Interest"*, bagi pertubuhan antarabangsa ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan atas inisiatif yang diletakkan bagi mengiktiraf rasuah sebagai suatu perkara yang berisiko tinggi.

Daripada pengalaman yang saya perolehi dalam kerajaan mahupun di sektor swasta, pengaruh rasuah bercampur aduk, saya kira barangkali disebabkan oleh kurang keyakinan terhadap agensi-agensi yang terlibat.

■1610

Di dalam kes yang kita alami di negara kita, agensi-agensi penting yang terdedah kepada kegiatan rasuah ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sungguhpun demikian sama ada benar ataupun tidak terdapat pandangan daripada rakyat yang tidak meyakini kedua-dua agensi ini. Orang awam yang berpendapat sedemikian dengan kebarangkalian besar tidak mahu mengambil risiko untuk berhadapan dengan kedua-dua institusi ini, yang mana integriti badan-badan ini dipersoalkan. Seperti yang saya katakan tadi, ini betul atau tidak, kita pun tidak tahu. Jadi sekali lagi saya hendak mengatakan, saya ini bukan anti polis sebab saya sudah sepuluh tahun lebih bekerjasama dengan polis dan SPRM untuk satu objektif iaitu kalau boleh kita hendak hapuskan rasuah di negara kita ini.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Perkara penting yang perlu ditekankan ialah bahawa kedua-dua badan PDRM dan SPRM secara khasnya mestilah *clean up their act,* dengan izin, sebelum kita mengandaikan sebarang pulangan positif. Kita mengharapkan agar semua lapisan rakyat untuk bekerjasama dengan kita sungguhpun ia adalah sebuah misi yang bahaya untuk mereka. Dengan melihat bahawa Akta Perlindungan Pemberi Maklumat satu langkah ke hadapan, adalah menjadi harapan agar pegawai-pegawai kerajaan kita mengetahui batasan-batasan keperluan dalam menguatkuasakan akta ini nanti. Bahkan di negara-negara di mana terdapat kadar rasuah mereka yang rendah, rakyat secara amnya yang digalakkan melaporkan kegiatan rasuah kepada pihak polis tidak ramai dari kalangan orang awam berbuat demikian. Dengan reputasi SPRM yang tahap ini saya mempunyai anggapan bahawa prospek insiden rasuah yang rendah tidak akan diharapkan.

Di sini saya ingin mengesyorkan supaya satu jawatankuasa bebas yang kecil, bukan yang besar ditubuhkan dengan menerima dan menilai dengan segera sebarang pendedahan yang tidak mengikut tatacara yang betul. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk terus memberi arahan kepada pihak polis dan SPRM untuk sebarang tindakan. Pendekatan *arm's length,* dengan izin, ini akan menjadikan pemberi-pemberi maklumat di kalangan masyarakat umum satu lapisan perlindungan.

Saya mengerti bahawa kaedah ini mengeluarkan sedikit penambahan kos namun kita mesti sedar bahawa melawan rasuah bukanlah suatu yang murah. Wang ringgit tidak boleh membeli kepercayaan dan keyakinan. Hanya integriti pegawai-pegawai pelaksana yang diberi kepercayaan boleh menjadikan penguatkuasaan akta ini berjaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Azian.

4.15 ptg.

Dato' Azian bin Osman: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk berucap sedikit dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita menjayakan satu hasrat yang murni melalui rang undang-undang ini untuk mencapai matlamat membasmi rasuah seperti mana termasuklah NKRA kita. Tiga perkara yang saya rasa cukup mustahak untuk kita beri perhatian berat di dalam aturan undang-undang ini. Pertamanya, *efficient reporting infrastructure* yang diperuntukkan dalam akta ini ataupun prasarana untuk memberi maklumat yang berkesan dan tidak menyusahkan.

Keduanya, sejauh manakah perlindungan pemberi maklumat itu diambil kira? Ketiganya, penguatkuasaan.

Jadi saya minta perkara pertama iaitu *efficient reporting infrastructure* yang mana saya melihat kepada rang undang-undang ini di bawah perkara 6(3) muka surat 8, yang berbunyi *"Pendedahan kelakuan tidak wajar di bawah subseksyen (1) boleh dibuat secara lisan atau secara bertulis dengan syarat pegawai diberi kuasa apabila diterimanya apa-apa pendedahan yang dibuat secara lisan, hendaklah dengan seberapa segera yang dapat laksanakan, mengubahnya ke dalam bentuk bertulis."*

Di sini saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh atau tidak dipermudahkan aduan ini yang bakal dibuat oleh pemberi maklumat melalui telefon contohnya *email, internet*, pos atau faksimile. Jika saluran untuk pemberi maklumat memberikan maklumat ini masih lagi ditakuk lama sebagaimana kita memberi aduan di balai polis, yang kadangkala kita sebagai pengadu terpaksa menunggu berjam-jam untuk membuat aduan dan sebagainya. Saya rasa ini akan menyebabkan pemberi maklumat tidak begitu tertarik untuk memberi maklumat kerana menyusahkan mereka.

Saya ringkaskan, yang keduanya sejauh manakah pemberi maklumat ini dilindungi. Dalam Akta ini saya lihat secara keseluruhannya tentang tatatertib, perlindungan maklumat sulit, kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah serta perlindungan terhadap tindakan memudaratkan.

Kita lihat fasal 10 tindakan memudaratkan dan definisi tindakan memudaratkan, termasuk kecederaan, ugutan dan juga gangguan. Di sini saya tidak lihat atau jika saya terlepas pandang minta diperbetulkan, saya tidak lihat adakah perlindungan ini termasuk perlindungan keselamatan terhadap pemberi maklumat kerana jika maklumat diberikan itu boleh mengheret yang diadu kepada kes-kes jenayah yang berat, penjara dan sebagainya, saya rasa keselamatan diri kepada pemberi maklumat itu perlu diambil perhatian. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri.

Seterusnya pendedahan maklumat sulit. Jika maklumat sulit melibatkan identiti, tempat tinggal dan sebagainya dipelihara dengan baik, saya rasa pemberi maklumat akan dijamin keselamatannya tetapi, di bawah perkara 8(1) kita lihat pihak penerima maklumat atau pegawai diberi kuasa juga boleh diambil tindakan jika membocorkan maklumat. Ada di sana dan ada penaltinya di bawah 8(4) tetapi penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang saya mohon. Bagaimana aduan ini hendak di buat pula terhadap pegawai atau yang menerima maklumat?

Pegawai diberi kuasa. Kepada siapa untuk dibuat aduan dan siapa akan menyiasat kelakuan tidak wajar yang dibuat oleh pegawai-pegawai agensi penguatkuasaan sendiri?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali berkenaan dengan penguatkuasaan. Di sinilah selalu masalah yang timbul kepada kita, yang kadangkala kita dapati pegawai-pegawai tidak cekap, SOP yang tidak jelas kepada pegawai-pegawai, kakitangan agensi penguatkuasaan dan modul latihan perlu diperkemas dan diambil perhatian berat. Di sini saya menyentuh sedikit tentang integriti PDRM, SPRM yang disebut.

■ 1620

Bukan sahaja PDRM, SPRM masalah dalam negara kita ini Tuan Yang di-Pertua ulama-ulama juga dipertikaikan. Mahkamah juga dipertikaikan kecuali jika ulama-ulama, mahkamah, SPRM atau PDRM ini membuat satu keputusan atau tindakan yang menyebelahi mana-mana pihak. Jadi, apabila mengenai pihak tersebut dikatakan negara kita cukup cantik, cukup baik, demokrasi, demokratik dan sebagainya tetapi, keputusan dibuat tidak menyebelahi pihak tersebut. Maka, dikatakan lah rakyat kurang puas hati, integriti tidak dipercayai oleh rakyat dan macam-macam lagi. Jadi, ini satu perkara yang cukup berat sebelah dan ia mementingkan kepentingan puak-puak politik yang tertentu sahaja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua bercakap dengan penguasaan, ada disebut di bawah perkara 13(3) dapatan isu jika tidak diambil tindakan oleh badan awam atau badan swasta, maka boleh dilaporkan oleh Menteri.

Tidak silap saya, ia tergantung di situ sahaja. Saya cuba baca, saya cuba cari. Selepas lapor Menteri, apa Menteri hendak buat? Penjelasan daripada pihak kerajaan. Selepas lapor kepada Menteri di bawah fasal 13, fasal kecil 3, subseksyen 3 boleh dilaporkan kepada Menteri. Selepas itu Menteri hendak buat apa dengan laporan ini? Tidak ada saya tengok dalam akta ini. Apa kuasa Menteri pula atau ia boleh dibaca bersama dengan fasal 27, subseksyen 2(a) atau (b) di mana menteri boleh mengeluarkan perintah. Adakah di situ kuasa Menteri?

Ini kerana penguatkuasaan adalah penting. Jika selepas dapatan didapati, syor didapati oleh agensi penguatkuasaan diserah kepada Menteri, tidak ada kuasa Menteri untuk ambil tindakan. Diserah kepada badan swasta, badan swasta tidak mengambil tindakan kerana yang dilaporkan itu rakan baik. Apakah *revenue* lain di dalam akta ini? Jadi, setakat itu. Saya pohon penjelasan. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

4.22 ptg

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak membincangkan empat perkara.

Pertama ialah memang tepat pada masanya undang-undang ini diadakan. Ini kerana, sekarang ini masalah rasuah memang merupakan masalah yang besar tetapi, kita harus menyedari juga bahawa undang-undang sahaja belum memadai walaupun kita alu-alukan undang-undang ini.

Ini kerana ialah kita mempunyai Undang-undang Antidadah tetapi salah guna dadah semakin meluas di dalam negara. Kita memerlukan selain daripada undang-undang komitmen ataupun keazaman politik untuk menghadapi najis dadah ini dan untuk komitmen ini berkesan. Maka, syarat pentingnya ialah pemimpin-pemimpin dan pegawai yang terlibat dalam soal penghapusan rasuah atau korupsi hendaklah bersih sama sekali daripada perkara ini. Itu pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa dalam negara ini rasuah nampaknya sudah menular dari atas ke bawah dan seperti diakui tadi memang serius masalahnya. Kita dapati bahawa semakin tinggi kedudukan seseorang, semakin besar rasuahnya, maka semakin berbahaya bagi seseorang untuk memberikan maklumat tentang rasuah tersebut. Maka, oleh kerana itu saya bersetuju bahawa memang perlulah bukan sahaja identiti dijaga bagi pemberi rasuah itu tetapi lebih penting lagi jikalau perlu untuk keselamatan seseorang yang memberi maklumat itu, hendaklah diberi kemudahan dan pertolongan...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Adakah identiti pemberi rasuah itu dijaga, saya salah dengar kah apa?

Dr. Syed Husin Ali: Identiti orang yang memberi maklumat tentang rasuah itu. Saya setuju dengan Yang Berhormat tentang hal ini tadi tetapi, selain daripada itu, kita perlu juga memberikan perlindungan dengan erti kata kita memindahkan seseorang itu kepada kawasan yang lain. Hal seperti ini memang berlaku di beberapa buah negara yang lain yang saya telah lihat.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua. Maafkan saya, saya selalu tersilap tentang saudara, ialah tentang fasal 4. Fasal 4 menyatakan bahawa Menteri boleh memberi agensi penguatkuasaan arahan tentang perjalanan kuasa dan sebagainya. Ini ertinya kita seolah-olah meletakkan Menteri itu dalam keadaan yang atas daripada kemungkinan tindakan apa-apa.

Ini kerana ada kemungkinannya seseorang Menteri itu dituduh melakukan sesuatu dan ada maklumat yang boleh diberi oleh seseorang tentang hal yang demikian. Akan tetapi, kalau Menteri yang dituduh juga mempunyai kuasa memberi arahan, tugas dan sebagainya, ini boleh menyelamatkan dirinya daripada sebarang tuduhan.

Jadi, ada seolah-olah macam *conflict of interest* bagi Menteri itu. Jadi, saya harap perkara ini akan dikaji dan difikirkan secara mendalam walaupun rang undang-undang ini sudah diluluskan oleh ...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Bagi *one of clarification*, dengan izin. Menteri mana itu, Menteri mana-mana lah?

Dr. Syed Husin Ali: Mana-mana!

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mana-mana ya. Negeri pembangkangkah, apakah termasuk ya?

Dr. Syed Husin Ali: Mana-mana. Saya tidak pilih dari segi itu tetapi, dalam undang-undang ini disebutkan bahawa Menteri yang berkuasa itu adalah Menteri Kerajaan Pusat. Itu undang-undangnya.

Perkara yang keempat, yang terakhir ialah berkaitan dengan fasal 11. Fasal 11 antara lain mengatakan bahawa agensi penguatkuasaan hendaklah membatalkan perlindungan sekiranya pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar. Jadi, saya rasa barangkali seseorang itu memberi maklumat selepas dia menyedari apa yang disertainya itu adalah salah.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan sekejap Tuan Yang di-Pertua. Boleh Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik kepada hujah atau pun fakta yang pertama tadi. Di dalam komitmen, kesungguhan seseorang itu atau pun kerajaan untuk membasmi rasuah ini.

Sebagaimana Yang Berhormat mengatakan bahawa ada akta ini pun tidak ada gunanya kalau tidak ada kesungguhan dan komitmen daripada kerajaan. Kalau kita lihat dari segi aspek undang-undang atau pun kita ambil lebih sedikit dari segi sudut agama. Al-Quran ini telah diturunkan oleh Allah SWT begitu lama, semenjak zaman Nabi Muhammad SAW lagi.

Undang-undang telah pun ada di dalam al-Quran itu mengatakan ini haram, ini wajib, ini harus dan sebagainya. Orang-orang Islam pun begitu ramai. Apakah perbezaan di antara undang-undang yang telah tidak boleh ditukar dalam agama Islam tadi yang mana penganutnya masih lagi melanggar undang-undang itu. Berbeza di antara Yang Berhormat katakan ada undang-undang ini, tidak ada gunanya kalau ianya tidak dibuat satu komitmen yang begitu baik.

Komitmen yang paling mustahak ialah dari segi sebagai orang Islam, mentaati Al-Quran itu dalam erti kata, enakmen atau pun undang-undang ini pun yang kita buat hari ini pun telah pun termasuk di dalam itu. Bermaknanya, dalam segi ini apakah persoalannya, apakah perbezaan? Yang Berhormat katakan kesungguhan sebagai kerajaan dan kesungguhan daripada seorang Muslim atau Islam. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Saya tidak mempersoalkan sama sekali tentang hukum-hukum Allah, hukum-hukum yang diturunkan melalui Al-Quran. Sebenarnya, menghapuskan atau pun memerangi rasuah ini adalah suatu perkara yang boleh dikatakan wajib dan tindakan harus dilakukan bukan sahaja kepada yang menerima tetapi juga yang memberi rasuah itu tetapi, itu soal lain.

Saya hendak tegaskan tadi ialah bahawa saya tidak pernah mengatakan tidak guna undang-undang ini. Saya mengatakan saya mengalu-alukan undang-undang ini tetapi, saya mengatakan tidak mencukupi hanya undang-undang sekiranya dia tidak diperkukuhkan oleh kekuatan *determination* atau keazaman dan juga kebersihan pemimpin.

■1630

Di sini saya hendak tegaskan jangan terlalu cepat membuat kesimpulan, saya tidak mengatakan kerajaan, saya telah mengatakan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai harus komited kepada hal ini. Jadi tidak kira dia pemimpin dari mana, pegawai dari mana, itu yang penting. Jangan cepat sangat membuat kesimpulan sebegitu. Benarkan saya pergi kepada perkara 11. Saya mengatakan tadi bahawa mengikut perkara ini, seseorang yang terlibat dengan kelakuan yang tidak wajar itu akan gugur kedudukannya sebagai pemberi maklumat.

Dalam hal ini, saya ingin membuat satu perbandingan. Perbandingannya ialah, kalau saya salah saya minta diperbetulkan kalau ada peguam-peguam di sini, dalam perbicaraan soal jenayah misalnya, seseorang yang turut dituduh dalam soal jenayah itu, sekiranya dia menunjukkan keinginannya ataupun dia merasa salah, barangkali sudah bertaubat dan merasa bersalah ke atas apa yang dilakukannya, dan sekarang sanggup untuk memberikan keterangan-keterangannya berhubung dengan apa yang dilakukannya, dia boleh dijadikan sebagai seorang saksi dalam perbicaraan itu. Jadi dia bukan lagi seorang yang dituduh tetapi menjadi seorang saksi untuk memperkuatkan tuduhan terhadap penjenayah itu. Dalam hal ini juga, saya rasa kalau misalnya ada seseorang yang terlibat dengan sesuatu salah laku dan dia sekarang merasakan perbuatannya itu salah dan barangkali telah bertaubat kita harus terima dia sebagai saksi. Mengapakah kita tidak memberi peluang kepada dia untuk menjadi seorang saksi dan kita lindungi dia kerana berbuat demikian.

Oleh itu, dari segi ini saya rasa penting sekali kita menimbangkan semula *clause* ini ataupun fasal ini, kerana kita bimbang nanti bahawa seorang yang sudah misalnya, merasakan dirinya salah dan bertaubat tetapi oleh sebab dia sudah ditolak, dia akan menjadi mangsa kepada kezaliman yang akan dilakukan oleh orang-orang yang tidak suka dia memberikan penjelasan itu, Dengan cara begitu, kita tidak melindunginya. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: *[Bangun]*

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang memberikan kesempatan kepada saya untuk berbahas secara ringkas mengenai rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam saya membahaskan rang undang-undang ini, saya tidak akan pergi kepada status *corruption* di negara kita kerana rakan-rakan sudah menyentuh tentang itu dan berapa pentingnya kita memerangi rasuah. Saya tidak akan ke sana dan saya terus sahaja kepada apa yang saya nampak ataupun keraguan-keraguan yang saya ada apabila saya membaca rang undang-undang ini. Saya telah membaca rang undang-undang ini dan saya telah menggariskan beberapa keraguan atau perkara yang saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama ialah adakah negara-negara lain yang sudah pun mengamalkan atau menerima pakai rang undang-undang seperti ini, *Whistleblower Act* ini, mempunyai indeks persepsi rasuah yang rendah. Adakah undang-undang tersebut dibuktikan di negara mereka sebagai cukup berkesan untuk memberikan keyakinan kepada pemberi maklumat untuk tampil ke hadapan untuk mendedahkan kelakuan yang tidak wajar.

Kedua ialah saya nampak bahawa rang undang-undang ini tidak menetapkan secara spesifik apakah agensi khusus yang ditubuhkan untuk menguatkuasakan undang-undang ini. Saya merasakan bahawa kerajaan akan menggunakan agensi-agensi penguatkuasaan yang sedia ada seperti polis, SPRM, kastam dan sebagainya untuk menguatkuasakan dan melaksanakan undang-undang ini. Namun demikian, tidakkah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu badan iaitu satu *ombudsman* untuk menguatkuasakan atau melaksanakan undang-undang ini. *Ombudsman* yang dimaksudkan ini hendaklah pula betul-betul bebas dan boleh dipercayai. Apa yang saya tahu sistem *ombudsman* ini sudah lama dipakai di negara-negara lain seperti di Amerika Syarikat, Kanada dan Australia.

Dalam sistem *ombudsman* ini, apabila seseorang membuat pendedahan salah laku, pendedahan tersebut hendaklah diselidiki oleh agensi berkenaan. Ia akan menentukan sama ada pendedahan tersebut melibatkan kepentingan awam atau tidak. Kalau ia melibatkan kepentingan awam maka ia akan merujuk pendedahan tersebut kepada *ombudsman* tersebut. Jika *ombudsman* ini juga mendapati ia melibatkan kepentingan awam, maka ia akan membuat siasatan.

Kalau kerajaan tidak akan melakukan *ombudsman* ini dan akan menggunakan agensi penguatkuasaan yang ada sekarang seperti polis, SPRM, Jabatan Kastam dan sebagainya, saya ingin mengesyorkan kepada kementerian supaya agensi-agensi ini dapat melatih pegawai-pegawai untuk menangani dan melaksanakan tugas-tugas yang baru ini supaya undang-undang ini dapat dikuatkuasakan dengan baik dan berkesan.

Manakala yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana pula dengan keadaan di mana pemberi maklumat, *whistleblower* ini, memberi maklumat atas arahan orang lain. Ada orang yang mengarahkan dia untuk *whistleblower* atau dia membuat *whistleblowing* itu atas paksaan ataupun dengan izin*, under duress.* Bagaimana dengan keadaan itu, adakah diterima oleh pihak berkuasa?.

Yang keempat ialah bagaimana pula kalau kelakuan tidak wajar itu dibuat secara surat layang. Dilaporkan atau didedahkan melalui surat layang iaitu di mana identiti pemberi maklumat itu tidak diketahui, tidak ditandatangani. Saya ingin mengesyorkan supaya maklumat salah laku yang diberikan secara surat layang ini tidak ditolak, jangan kita tolak bulat-bulat. Setahu saya, SPRM misalnya, tidak menolak laporan dibuat secara surat layang. Mereka akan menyiasatnya walaupun tiada identiti yang membuat aduan. Cuma masalahnya ialah kerajaan mungkin tidak dapat memberikan perlindungan seperti yang disediakan dalam rang undang-undang ini kerana identiti pemberi maklumat itu tidak diketahui.

Kelima Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai seksyen 19. Seksyen 19 dalam rang undang-undang ini mengatakan bahawa seseorang yang memberikan maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu, yang bimbang akan mengalami tindakan yang boleh memudaratkan, boleh dengan syarat bertulis meminta penempatan semula tempat kerjanya dalam seksyen 19. Keraguan saya di sini ialah bagaimanakah seksyen 19 ini boleh terpakai kepada kakitangan di dalam - kalau mereka bekerja di *closed service* dan bukan *pool service. Closed service* yang tidak boleh ditempatkan di mana-mana tempat lain, hanya di situ sahaja boleh bekerja dan tidak boleh ditukar ke jabatan ataupun tempat-tempat lain, jadi bagaimanakah itu?

Keenam ialah kalau seorang yang memberikan maklumat itu membuat *press release* dengan izin, atau maklumkan media sebelum atau selepas dia memaklumkan agensi penguatkuasaan. Adakah dia ini masih dilindungi dengan keistimewaan di bawah rang undang-undang ini. Yang ketujuh ialah adakah rang undang-undang ini mempunyai *retro effect* dengan izin, iaitu adakah ia mempunyai *jurisdiction,* dengan izin, terhadap kes-kes salah laku yang berlaku sebelum rang undang-undang ini dikuatkuasakan. Yang kelapan ialah bagaimana keadaan di mana seorang pemberi maklumat itu adalah saksi pendakwaan oleh pendakwa raya yang juga berdaftar di bawah program perlindungan saksi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009 yang kita luluskan tahun lalu. Adakah pemberi maklumat ini juga mendapat keistimewaan di bawah rang undang-undang ini

■1640

Kesembilan ialah, mengikut rang undang-undang ini, seseorang pemberi maklumat akan diberi perlindungan sebaik sahaja dia membuat pendedahan kelakuan tidak wajar. Kenapa tidak tunggu penyiasatan selesai dan kalau pendedahan salah laku itu berasas dan betul, barulah ia diberi perlindungan. Kenapa tidak tunggu sampai penyiasatan tersebut selesai dibuat?

Kesepuluh ialah, kenapa rang undang-undang ini hanya memperuntukkan penempatan semula kerja kepada pemberi maklumat dan bukan penukaran identiti seperti yang diamalkan oleh negara-negara lain seperti Amerika Syarikat dan sebagainya? Saya rasa ini perlu untuk mengelakkan diri mereka daripada diancam oleh mereka yang menjadi subjek iaitu mereka yang telah mendedahkan.

Kesebelas ialah, bolehkah kerajaan memberi jaminan bahawa tiada bahaya terhadap keselamatan pemberi maklumat atau mana-mana orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat? Kalau tidak ada jaminan yang dimaksudkan....

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Minta laluan.

Datuk Maijol Mahap: Ya, ya.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Di dalam akta ini, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai akta ini, setakat manakah perlindungan diberikan kepada pemberi maklumat, bagaimana?

Kalaulah pegawai itu sendiri yang membocorkan nama pemberi maklumat, bagaimana hukuman kepada pegawai penguatkuasaan yang tidak amanah? Penguatkuasaan di dalam Akta Rasuah memberi maklumat mestilah dilindungi dengan selamat apabila ia memberi maklumat kepada pihak kerajaan termasuklah keluarganya sendiri. Rang undang-undang ini perlu dikuatkuasakan dan diubah dari semasa ke semasa atau dipinda dari masa ke masa, ditambah baik apa yang terkurang supaya ianya menjadi salah satu rang undang-undang yang terbaik di rantau Asia dan Amerika dan Australia. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Maijol Mahap: Saya rasa rang undang-undang ini adalah menyeluruh. Saya faham bahawa rang undang-undang memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu imuniti, kekebalan yang diberi terhadap tindakan sivil dan juga tindakan tatatertib yang dibuat oleh pihak mereka yang dilaporkan itu. Itu di antara perlindungan yang diberi, yang lain itu mungkin Yang Berhormat Menteri akan menjawab, sama-sama kita menunggu jawapan. Saya pun banyak soalan, bukan sedikit... *[Ketawa]*

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang jaminan tadi yang diberikan oleh kerajaan. Kalau tidak ada jaminan yang mencukupi, maka *it will be defeat the purpose* dengan izin, kerana mereka tidak terdorong untuk memberikan pendedahan atau laporan tersebut.

Ke-12 ialah, adakah satu lembaga atau badan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Maijol, nombor 12 Yang Berhormat itu sampai nombor berapa ya?

Datuk Maijol Mahap: Nombor 13 sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ada satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, terima kasih.

Datuk Maijol Mahap: *[Ketawa]* Adakah satu lembaga atau badan yang mendengar aduan? Ini penting. Adakah lembaga atau badan yang mendengar aduan daripada pemberi maklumat yang telah dipecat kerana membuat aduan? Kalau ada, adakah pemberi maklumat ini terpaksa menunggu lama sebelum aduan mereka di dengar oleh lembaga atau badan tersebut? Bolehkah pemberi maklumat mengadu atau membawa kesnya ke mahkamah kalau lembaga atau badan tersebut tidak mengambil tindakan terhadap rayuan atau aduannya?

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, keraguan saya dan pertanyaan saya ialah, dengan wujudnya undang-undang ini nanti, adakah kerajaan akan mewajibkan badan-badan kerajaan untuk melaksanakan polisi pendedahan salah laku, *internal policy in the ministry and department*? Polisi pendedahan salah laku seperti yang telah dibuat oleh beberapa badan kerajaan, contohnya Johor Port Authority, Malaysia Airport Holding Berhad dan Kementerian Pengangkutan.

Mereka ada dasar sendiri tentang *whistleblower* ini supaya ia dapat dilaksanakan di jabatan lain seperti yang beberapa jabatan sudah laksanakan. Adakah kerajaan ingin mewajibkan atau memperluaskan dasar ini ke semua kementerian dan juga jabatan-jabatan? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

4.46 ptg.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang dan ruang yang diberikan kepada saya untuk turut membahaskan rang undang-undang ini. Saya ingat sudah lima enam kali saya bangun hari ini. Walau bagaimanapun saya tahu saya bukanlah *lawyer*, mungkin loyar buruklah.

Ini pada pandangan saya, apa yang saya faham yang hendak saya bahaskan pada hari ini. Saya hanya ingin sedikit penjelasan daripada Menteri mengenai beberapa perkara yang hendak saya utarakan.

Pertamanya Bahagian II – Kuasa am agensi penguatkuasaan. Saya ingin mencadangkan mana-mana agensi yang diberi kuasa untuk menguatkuasa juga diberi peranan untuk mendakwa, terlibat secara langsung dan tidak langsung jika terdapat bukti yang kukuh.

Kuasa-kuasa am yang diberi perlu diberi penjelasan komprehensif bidang bentuk dan sebagainya. Juga agensi-agensi mana yang terlibat sama ada agensi persekutuan dan agensi negeri, kerjasama hendaklah wujud di antara kedua-dua agensi ini walaupun sesetengah negeri di bawah pemerintahan kerajaan Pakatan. Suatu *benchmark* sama ada *balance scorecard* (BSC) ataupun KPI perlu dilaksanakan dengan mencapai tahap terbaik. Adakah cadangan Menteri KPI akan terlibat dalam membuat *benchmark* ini?

Kuasa yang jelas dengan modul dan metode haruslah dibukukan dan dijilid supaya sebarang isu dapat dirujuk. Kuasa Menteri perlu diperjelaskan dengan lebih lanjut, setakat manakah kuasa Menteri untuk melantik dan mempengaruhi keputusan agensi terlibat. Kerjasama dengan agensi lain - isu ini merupakan isu besar dan agak kompleks. Maka kerjasama daripada agensi lain sama ada dalam dan luar negara perlu dimeterai. NGO, Interpol, kerajaan-kerajaan yang *friendly* dan mempunyai hubungan diplomatik yang erat perlu diperkemaskan.

Maklumat adalah penting dan *info sharing* sangat mustahak. Bagaimanapun, tahap *confidential* dan *privacy* perlu difikirkan. Setakat mana *confidential* dan maklumat sulit boleh dikongsi?

Bahagian III pula pemberi maklumat, contoh negara maju. Malaysia perlu mencontohi negara maju dengan mencontohi *method* dan prosedur guna pakai. Lihat sahaja negara USA, UK dan Australia. USA begitu maju sehingga mampu menukar keseluruhan rekod peribadi dan anggota keluarga si pemberi maklumat. Setakat manakah kekebalan dari segi undang-undang akan dinikmati oleh pemberi maklumat? Masyarakat takut jika mereka *in a good faith* ataupun *good Samaritan* ingin memberi maklumat, terheret sama ke kancah proses mahkamah yang sudah tentu akan memakan masa yang panjang atau lebih teruk lagi turut didakwa atas kesalahan yang tidak dibuat oleh mereka.

Adakah terdapat bank pusat khas untuk menyimpan segala maklumat sulit? Sistem *cyber security* penting demi menjamin maklumat disimpan tidak dicerobohi oleh penggodam komputer. Cuba lihat keberkesanan sistem *cyber security* USA, Pentagon yang begitu elit dan *advance*. Bolehkah kita belajar daripada USA dalam hal ini?

Bahagian III – Pembatalan perlindungan pemberi maklumat. Agensi manakah yang akan monitor akan faktor-faktor yang dibolehkan membatalkan perlindungan ini? Setiap maklumat perlu diselidiki segera bagi menentukan kebenarannya. Adakah isu campur tangan politik, kuasa luar dan mempersoalkan dasar dan polisi kerajaan boleh diambil tindakan?

Bagi Bahagian IV, isu ganjaran. Adakah ganjaran sesuai diberi? Tidakkah ianya semacam rasuah yang harus dibayar demi mendapat maklumat-maklumat? Masyarakat bakal disogok dengan wang ganjaran demi maklumat dan saya khuatir ianya akan menjadi satu trend di masa hadapan kerana ianya berkait rapat Bahagian III, pembatalan perlindungan pemberi maklumat.

■ 1650

Bagi fasal 12 pula berkaitan isu menyediakan laporan berkaitan pendedahan tidak wajar. Agak musykil dan nampak seakan kekurangan di dalam isu ini. Apakah bentuk laporan, siapakah yang akan bertanggungjawab dan tindakan susulan yang bakal diambil. Bagi fasal 19 menyentuh berkaitan penempatan semula tempat kerja si pemberi maklumat. Tidakkah ianya memberi risiko dan menggugat keselamatan pemberi maklumat? Saya kurang pasti berkaitan fasal ini dan saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan penjelasan yang lebih jelas lagi.

Bagi rang undang-undang ini bakal menyaksikan kerajaan membelanjakan sejumlah wang yang belum lagi kita pastikan. Ianya satu isu yang besar dengan penubuhan agensi penguatkuasaan dan kerjasama dengan agensi berkaitan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan sedikit gambaran berkaitan sejumlah wang yang bakal dibelanjakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kewujudan akta ini maka mana-mana pihak tidak boleh mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap seorang pemberi maklumat atau sesiapa yang mempunyai hubungan dengannya sebagai membalas pendedahan yang dibuat itu. Adalah diharapkan juga agar dengan adanya peruntukan undang-undang ini di mana apabila sesuatu pendedahan dibuat oleh pemberi maklumat maka agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab yang menerima pendedahan itu perlu menjalankan siasatan dan menyediakan laporan serta mengemukakan cadangan bagi tindakan selanjutnya diambil bagi memastikan kesalahan tersebut tidak berulang dan merugikan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mencukupi dan masa juga mencemburui saya maka dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah.

4.51 ptg.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang telah pun memberi banyak fakta yang saya terpaksa potong setengah daripada apa yang ada pada saya. Namun demikian, saya rasa terpanggil untuk turut serta memandangkan pentingnya memberi perlindungan kepada pemberi maklumat dalam usaha tegas SPRM dan kerajaan untuk membanteras gejala rasuah yang makin berleluasa akhir-akhir ini.

Dalam usaha kita mencapai Wawasan 2020 menjadi negara maju, memerangi gejala rasuah menjadi agensi penting dalam usaha kerajaan memartabatkan NKRA dan Pelan Transformasi Kerajaan. Saya difahamkan makmal perangi gejala rasuah *laboratory,* dengan izin mendapat sambutan baik semasa diadakan *road show* di tempat-tempat tumpuan awam baru-baru ini. Juga di bawah kepimpinan baru Ketua Pengarah SPRM yang dilihat begitu tegas dan serius untuk memerangi gejala rasuah. Syabas saya ucapkan dan hendaknya iltizam serta semangat SPRM akan terus membara dalam usaha memerangi rasuah hingga ke akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II, Kuasa Am Penguatkuasaan hendaklah dipertingkatkan dan diberi perhatian serius serta mempunyai SOP, *Standard Operation Procedure,* dengan izin, supaya sebarang tindakan hendaklah mengikut prosedur dan tidak disalah pakai oleh mana-mana pihak. Sebarang arahan penyeliaan dan kawalan perlu dilakukan secara telus dan *transparent*. Saya juga berharap pegawai terlibat dapat menyimpan rahsia dengan baik dan identiti pemberi maklumat perlu diberi perlindungan sewajarnya. Ini kerana pemberi maklumat tidak akan tampil jika meragui akan tahap perlindungan yang bakal diberikan. Tiada manusia yang waras yang mahu mendedahkan dirinya dalam keadaan bahaya hanya kerana ingin memberi maklumat dan menegakkan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin timbulkan perkara dari bahagian dua pentadbiran iaitu kerjasama dengan agensi-agensi lain. Gejala rasuah ini tidak akan selesai tanpa bantuan orang ramai dan kerjasama dari badan-badan berkanun, NGO, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri serta badan-badan lain. Apa yang saya risaukan di sini ialah setakat manakah tahap privasi serta sulit dapat dikekalkan jika banyak agensi yang terlibat dan mempunyai akses maklumat. Juga kerjasama perlu lebih di*elaborate*kan setakat manakah bentuk kerjasama yang diwujudkan. Adakah kerjasama sepenuhnya mempunyai akses dalam bahan bukti orang yang memberi maklumat serta risikan dan mempunyai bidang kuasa yang sama untuk mendakwa. Saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan. Yang paling penting ialah perlindungan itu sendiri.

Bahagian III - Perlindungan Pemberi Maklumat. Selain dari sikap ingin memperbetulkan apa yang salah saya kira pemberi maklumat juga patut berpeluang mendapat ganjaran daripada pendedahan dan maklumat yang diberikan kepada pihak yang berkuasa.

Saya petik bahagian tujuh rang undang-undang itu yang menyatakan agensi penguat kuasa boleh memerintahkan apa-apa ganjaran yang difikirkan patut diberi kepada pemberi maklumat bagi apa-apa pendedahan yang dilaporkan hingga mampu memudaratkan dirinya sendiri. Di sini Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah mekanisme yang memberi ganjaran? Kita tidak mahu ianya bertukar menjadi rasuah dalam rasuah pula. Maknanya untuk mendapat maklumat yang lebih *detail* lebih ganjaran perlu diberikan kepada pemberi maklumat. Lama-kelamaan seakan menjadi satu trend tarikan pula kepada masyarakat untuk tampil sehingga boleh menjejaskan institusi SPRM itu sendiri. Juga setiap maklumat yang diberikan haruslah disiasat dan dihalusi kebenaran dan kesahihannya sebelum pembayaran ganjaran dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang *whistleblower* ini di beberapa negara asing terutamanya negara maju misalnya memberikan perlindungan dan kekebalan eksklusif kepada individu yang menyalurkan maklumat mengenai rasuah, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain sebagai contoh dalam sektor awam, syarikat swasta, organisasi politik dan pertubuhan sukarela. Tindakan ini bertujuan memberikan kuasa kepada individu dan masyarakat membanteras gejala penyelewengan dan jenayah salah guna kuasa yang masih bermaharajalela di semua peringkat.

Saya ingin membawa kita di United State (USA) sebagai contoh saya tertarik dengan sebuah filem yang bertajuk *Eraser* yang dibintangi oleh Arnold Schwarzenegger yang menunjukkan akan kecanggihan negara USA memberi perlindungan kepada pemberi maklumat satu kes yang melibatkan keselamatan negara. Bukan USA yang saya membanggakan tetapi cara kerajaannya menukar identiti pemberi imej yang baru dan kerja baru, sosio-sekuriti baru, kediaman serta gaya hidup baru sehingga ke tahap rekod gigi dan juga jenis darah yang baru yang ditukar identitinya bagi mengelakkan pemberi maklumat dikesan oleh musuh-musuh yang masih bebas di luar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga menyentuh hal berkaitan fasal 7 rang undang-undang ini memberi perlindungan maklumat sulit kekebalan daripada tindakan sivil, jenayah dan perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan. Menurut fasal ini perlindungan ini turut diperluaskan kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat. Matlamat utama perlindungan diberi kepada pemberi maklumat ialah untuk menggalakkan pemberi maklumat tampil membuat pendedahan, kelakuan tidak wajar dengan menyingkirkan apa-apa jenis kebimbangan atau risiko yang boleh menghalangkannya daripada membuat pendedahan sedemikian.

Apa yang ingin saya bahaskan di sini ialah setakat manakah kekebalan pemberi maklumat ini, adakah identitinya akan dirahsiakan sehingga ke kamar mahkamah, tidak perlu hadir ke mahkamah, dan adakah cara lain untuknya memberi testimoni di mahkamah kerana khuatir identitinya dikenali oleh musuh yang masih bebas di luar dan adakah definisi berkaitan yang memudaratkan yang dimaksudkan dalam fasal ini?

Saya tertarik langkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengutarakan beberapa langkah penting untuk membanteras gejala rasuah yang antaranya ialah penubuhan 14 buah lagi Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, dan empat Mahkamah Tinggi Khas Rayuan Rasuah. Pada masa ini hanya terdapat dua buah mahkamah khas tersebut di Kuala Lumpur dan dua lagi di Shah Alam dan jumlahnya bakal dipertingkatkan.

Langkah seterusnya yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah meningkatkan usaha memperbaiki imej Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Ini termasuk mengadakan persidangan memerangi rasuah di peringkat antarabangsa, kempen kesedaran melalui media massa dan menjalin hubungan baik dengan masyarakat umum. Saya menyokong penuh akan niat murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang benar-benar serius memerangi gejala rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan isu tahap ranking Malaysia di kedudukan dunia dari segi Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa (IPRA).

■1700

Saya amati tahap kita tidak jauh berubah sama ada naik dua ke tiga angka atau pun turun ke tangga kedua anak tangga setiap tahun. Negara-negara seiring dengan Malaysia juga begitu. Saya musykil kerana di sebalik kita membuat dan mengadaptasikan pelbagai langkah jangka pendek dan jangka panjang dalam usaha memerangi gejala rasuah, kedudukan kita masih tidak jauh berubah.

Di sini saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, bagaimanakah mekanisme ini diguna pakai, adakah KPI digunakan oleh agensi antarabangsa IPRA ini yang bertanggungjawab membuat rating, dan adakah pihak kerajaan mengambil berat dan mengamati secara serius akan rating kita atau hanya menganggapnya sebagai satu rating yang tidak sah atau tidak dijalankan secara adil dan *transparent?*

Izinkan saya juga Tuan Yang di-Pertua untuk merenungkan ke atas orang yang kurang bijak dalam beberapa pihak. Izinkan saya menyentuh isu penyiasat persendirian PI Bala Sundramaniam dan blogger *MalaysiaToday* iaitu saudara Raja Petra Kamarudin yang dikatakan memohon perlindungan memberi maklumat. Permohonannya ini turut disokong oleh Ahli Parlimen Ipoh Timur dan beberapa Ahli Parlimen dari pihak pembangkang, yang turut mengakui akan kelayakan mereka dilindungi di bawah akta ini atas usaha mendedahkan salah laku.

Pada pandangan saya, dua individu ini bukan dianggap pemberi maklumat kerana identiti mereka sudah diketahui umum. Mereka sendiri yang mencari publisiti murahan dan memanggil media untuk melaporkan apa yang sepatutnya menjadi rahsia dan *confidential*. Malah, mereka sendiri lari menyorok dan bersembunyi di luar negara sambil memburuk-burukkan imej negara pada media asing. Ini kerana jika ditafsirkan secara terperinci mengikut rang undang-undang ini, pemberi maklumat adalah mereka yang dirahsiakan identiti dan perlu dilindungi. Sebaliknya, identiti kedua-dua mereka ini sudah diketahui umum.

Maka saya sarankan, jika kedua-duanya ikhlas dan berhasrat memberi maklumat kepada pihak berkuasa, kedua-duanya hendaklah tampil segera dengan tidak mengenakan syarat apa-apa dan kemungkinan mereka ini akan dilindungi mengikut Akta Perlindungan Saksi. Dengan kata-kata itu, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

5.03 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Terdapat beberapa isu yang saya ingin kemukakan kepada pihak kerajaan berhubung dengan rang undang-undang ini.

Pertama, apabila kita membicarakan soal perlindungan kepada pemberi maklumat dengan kata lain ini adalah perlindungan kepada saksi, yang memberi sebarang maklumat kepada pihak kerajaan. Bilamana kita melihat secara keseluruhan rang undang-undang yang dibentangkan kepada kita, saya lihat seolah-olah pada peringkat permulaan sahaja kita seolah-olah akan memberi perlindungan kepada orang yang memberi maklumat tetapi, di peringkat-peringkat seterusnya di kebanyakan seksyen seolah-olah kita telah pun menjangka bahawa maklumat ini akan pecah tidak berapa lama selepas pemberi maklumat itu memberi maklumat. Ini kerana kita melihat terlalu banyak seksyen-seksyen yang telah pun dibuat secara *detail*. Sebagai contohnya, di bawah seksyen 18(1) Kuasa mahkamah. *"Mahkamah boleh memberikan perintah membayar ganti rugi, pampasan, kos, bunga atau apa-apa bentuk relief kewangan yang lain kepada pemberi maklumat."* Perintah injunksi di bawah seksyen 18(2) ada (a) sampai (h) berkenaan dengan memberikan dia kembali bertugas, membayar pampasan, pampasan suatu amaun, memberikan pampasan, memberikan *relief*.

Jadi dalam konteks ini, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sekiranya kita mempunyai akta yang begini lengkap saya rasa bagus.

Akan tetapi, dari sudut bila kita sudah memberikan jaminan bahawa orang yang memberi maklumat akan dilindungi, kenapa pula kita begitu bersedia sekali untuk mengatakan bahawa sekiranya maklumat ini pecah, pemberi maklumat ini apabila dia mohon kepada mahkamah. Mahkamah berpuas hati, seseorang ini boleh mengambil tindakan sebagai tindak balas kepada maklumat yang telah pun diberikan, dia boleh mendapatkan pampasan-pampasan seperti ini.

Jadi kalau boleh saya mintalah *extend* jaminan yang diberikan kepada orang yang memberikan maklumat itu. Kita bukan sahaja memberi kepada mereka bahawa bila mereka ini telah diberikan, perlakuan tidak wajar, mereka sudah terdedah kepada bahaya, kita akan memberi mereka pampasan. Akan tetapi, bagaimana jaminan itu? Itu yang pertama.

Kedua, soal mekanisme penerimaan maklumat. Apabila maklumat itu diterima, kita melihat dari sudut akta ini menunjukkan bahawa sekiranya mereka menerima maklumat, agensi penguat kuasa itu hendaklah memulakan penyiasatan terhadap aduan tindakan yang memudaratkan.

Akta ini adalah akta yang baru. Saya rasa kalau kita tidak *detail* kan dari sudut SOP atau pun dari sudut terma-terma atau pun subseksyen dalam rang undang-undang ini, kadang-kadang ia akan mengelirukan. Saya ingin tahu dari pihak kerajaan, bagi pihak agensi penguatkuasaan, di tahap manakah orang ini layak untuk menerima maklumat orang yang akan memberi maklumat? Itu yang pertama.

Kedua, berapa lama tempoh masa yang akan diambil untuk semua agensi penguatkuasaan untuk bertindak atas maklumat yang diterima? Ini kerana kalau kita lihat dalam semua seksyen khususnya di bawah seksyen 14(6), *"Agensi penguatkuasaan hendaklah memaklumkan pemberi maklumat mengenai hasil penyiasatan..."* Ini perkara yang bagus, apabila kita adu, agensi dengar dan agensi akan berikan kita laporan. Soalnya berapa lama tempoh barulah agensi akan berikan maklumat kepada kita atau pun laporan dan bagaimana bentuk laporan itu diberikan?

Ini kerana apabila kita mengadu, maklumat yang diadu itu secara lisan. Ia hendaklah dengan seberapa segera dilaksanakan ,diubah ke dalam bentuk bertulis. Jadi, orang yang mengadu, memberi maklumat perlu bertulis, dari segi pelaporan balik, adakah juga akan diberikan dalam bentuk yang bertulis?

Berkenaan dengan maklumat. Apabila disebut maklumat, kita secara *direct* mungkin memahami bahawa maklumat yang disebut adalah maklumat berkaitan dengan rasuah. Akan tetapi, apabila kita melihat kepada negara-negara lain yang telah pun mengamalkan akta ini, kita melihat maklumat ini terbahagi kepada beberapa jenis. Ada maklumat biasa dan ada maklumat yang jenis *high profile*.

Adakah negara kita akan mengklasifikasikan bila maklumat yang diterima, untuk orang yang memberikan maklumat biasa, maklumat begini, macam mana perlindungan yang diberikan kepadanya, dan untuk kes-kes *high profile*, berapa lama tindakan akan dibuat? Bilamana seseorang ini diberikan perlindungan, saya ingin tahu, siapakah pihak yang akan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat di bawah akta ini, sama ada pemberi perlindungan itu polis kah, dan agensi macam mana yang akan melindungi mereka?

Dalam tafsiran tentang tindakan yang memudaratkan, disebut tentang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan. Saya kalau boleh, mungkin pada tahap lainlah. Kita mungkin ingin meminta pihak kerajaan untuk lebih spesifik sebab bila orang ganggu kita, orang ancam kita, orang akan ancam nyawa kita, diri kita, keluarga kita dan harta kita. Dalam akta-akta lain *detail*, dalam akta ini disebut kecederaan, kehilangan, kerosakan. Kerosakan apa?

Kalau boleh disebut kerosakan harta, kerosakan aset, penderaan kepada kita, penderaan emosi dan penderaan psikologi sebab perkara-perkara ini akan menjadi perkara yang berlaku.

Bagaimana pula tentang mekanisme yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk laporan atau pun maklumat yang diberikan kepada agensi-agensi penguatkuasaan untuk *inter* agensi.

Kalau berlaku di agensi, kita beri maklumat, agensi akan membuat siasatan dalaman. Akan tetapi, kalau agensi sendiri yang ada masalah, kepada siapa pemberi maklumat mesti memberikan maklumat ini?

Dalam kes untuk kita... Lihat kepada seksyen 18(1) ini saya rasa kita sudah boleh faham bila kerajaan menggubal akta ini, yang dimaksudkan kita hendak *protect* atau pun hendak mencari maklumat-maklumat kemungkinan salah laku berlaku di dalam badan awam. Apabila sebut badan awam, Kerajaan Malaysia, kerajaan negeri, PBT, mana-mana jabatan atau pun mana-mana syarikat tetapi, apabila disebut soal seksyen 18(1) tadi, ini seolah-olah yang kita bicarakan ialah berkaitan dengan syarikat-syarikat kaya yang telah buat kes-kes salah laku. Apabila mereka ini dapat tahu pemberi maklumat ini buat begitu, mereka dipecat. Apabila orang ini dipecat, baru mereka boleh menerima atau mendapat pampasan.

Jadi saya hendak tanya, sekiranya ini berlaku dalam kes melibatkan jabatan kerajaan. Dalam jabatan kerajaan, mereka dipecat dengan alasan orang yang memberi maklumat ini telah membuat satu kesalahan tatatertib. Adakah orang ini boleh mendapatkan juga pampasan sebagaimana yang telah pun disebut tadi? Untuk seksyen 15(1) di bawah remedi... *"Apabila permintaan dibuat oleh pemberi maklumat –*

(a) dalam tempoh tiga bulan selepas dimaklumkan oleh agensi penguat kuasa..."

Saya hendak tahu di sini, kenapa sebut tempoh tiga bulan? Atas rasional apakah kita memerlukan masa tiga bulan untuk agensi ini boleh membuat sesuatu? Dan di bawah "(b)" disebut, *"...agensi penguatkuasaan boleh menuntut remedi yang berikut daripada mahkamah:*

(A) ganti rugi atau rampasan;

(B) injunksi; atau

(C) apa-apa relief..."

■1710

Saya hendak tanya di sini, agensi penguatkuasaan ini tuntut remedi daripada siapa? Tuntut remedi daripada pemberi maklumat atau pihak yang mana? Apabila disebut tentang perlindungan yang diberikan kepada mana-mana pemberi maklumat, saya ingin tahu adakah terdapat tempoh masa dan sekiranya didapati pemberi maklumat ini bocor, apakah tindakan yang akan boleh diambil kepada orang yang membocorkan maklumat tersebut? Contohnya:

(d) memberi maklumat; dan

(e) yang memberi maklumat membocorkan.

Di sini kita hendak tahu secara spesifik. Apakah tindakan dan berapa cepat tindakan yang akan dibuat bagi memastikan pemberi ini tidak membocorkan maklumat? Ini kerana kita lihat dari segi - saya tidak berapa nampak dari segi kekuatan ayat dan secara spesifik disebut bahawa dia akan diberi tindakan yang lebih tegas. Ini kerana di sini disebut soal *whistleblower* ini, ini memang betul-betul soal kita hendak lihat jaminan amanahnya orang yang menerima maklumat daripada maklumat yang kita terima. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat ini mendapat hebahan khususnya kepada kakitangan awam, *public* dan juga kepada orang-orang yang memberi maklumat supaya kita boleh melihat kesan atau pun *effect* daripada akta yang diluluskan dengan kadar yang segera. Saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya amat gembira kerana dapat lihat perbahasan yang begitu hemah dan juga menunjukkan Yang Berhormat telah pun membuat *research* yang dalam di dalam perkara ini. Akan tetapi walau bagaimana pun saya akan hanya menjawab soalan yang relevan yang mengenai dengan rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Mohamad Ezam bin Mohd. Nor telah pun bertanya mengenai langkah-langkah yang berkaitan dengan akta-akta yang lain seperti *Freedom of Information Act* dan *Sedition Act.* Apakah langkah yang akan dibuat oleh kerajaan mengenai perkara ini? Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sentiasa memberi kajian yang berkesan kepada semua undang-undang yang telah digubal tentang kesesuaian pemakaiannya dari semasa ke semasa. Terutamanya melibatkan undang-undang yang kita anggapkan *archaic* ataupun *outdated.* Untuk makluman Yang Berhormat Senator bahawa kerajaan telah pun menubuhkan sesuatu jawatankuasa yang dikenali sebagai *Malaysian Law Reform Committee* yang di pengerusikan oleh saya sendiri dimana antara tugas yang lain-lain ialah untuk mengkaji undang-undang di negara ini yang boleh dianggapkan *archaic* atau pun *outdated* dan yang tidak sesuai dengan keadaan di negara kita ini.

Selain daripada itu, seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa setakat ini *freedom of information* memang tidak terdapat dalam Perlembagaan kita ini. Akan tetapi terdapat pula *freedom of speech and expression* dan juga *freedom of association* dan lain-lain. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa kesemua *freedom* yang telah pun saya nyatakan tadi itu tertakluk kepada undang-undang iaitu *the freedom is subjected to law.* Ini bermakna bahawa walau pun kita ada kebebasan untuk mengadakan *freedom of speech* atau pun *expression.* Ini tidak bermakna *we are free to said anything we want or free to express anything we want against anyone.*

Ini kerana ada undang-undang yang mengatakan *you can be subject to defamation* atau pun *if you insight racial discord among the people, then the person can be subject to* akta seperti *Sedition Act* dan selainnya. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa *information* atau pun maklumat yang telah pun di *classified* kan sebagai rahsia di bawah OSA untuk kemudahan pentadbiran kerajaan. Ini terdapat di mana banyak negara juga dan sekiranya seseorang ingin memohon bahawa *information* itu di *declassified* kan jadi pihak berkenaan bolehlah membuat permohonan kepada pihak yang berkenaan untuk men *declassified* kan maklumat atau pun *information* itu di bawah Akta OSA.

Yang Berhormat Senator Dato' Daljit Singh Dalliwal telah pun bertanya mengenai sejauh manakah identiti yang memberi maklumat itu boleh dikawalkan dan sejauh manakah pengawalan identiti ini dapat disekat daripada pengetahuan umum? Tuan yang di-Pertua, soalan seperti ini telah pun dibangkitkan oleh ramai Yang Berhormat Senator yang bijaksana pada hari ini. Saya ingin memaklumkan bahawa mana-mana orang yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar atau pun maklumat sulit dalam perjalanan penyiasatan pendedahan tersebut tidak boleh sama sekali mendedahkan maklumat sulit itu atau mana-mana bahagiannya kepada sesiapa pun. Ini kerana maklumat sulit tersebut tidak boleh didedahkan atau diperintahkan didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil atau pun jenayah atau prosiding lain di dalam mahkamah, tribunal atau pun pihak berkuasa lain. Mana-mana buku, dokumen atau kertas yang hendak dikemukakan di dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau pun prosiding pihak berkuasa lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pun pihak berkuasa lain hendaklah memastikan apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau dipeliharakan atau yang mungkin membawa kepada mana-mana pemberi maklumat diketahui hendaklah disembunyikan daripada pandangan atau pun dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui oleh yang lain.

Yang Berhormat Senator Dato' Daljit Singh Dalliwal juga bertanya setakat manakah perlindungan ini dapat dijamin agar keselamatan serta kesahihan maklumat yang disampaikan ini diklasifikasikan selamat dan terjamin. Adakah ianya memberi imuniti? Terdapat tindakan-tindakan awam sivil atau pun jenayah yang boleh memudaratkan pemberi maklumat sedemikian? Untuk maklumat Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat kepada pihak berkuasa berkenaan selaras dengan peruntukan rang undang-undang ini akan diberikan imuniti daripada tindakan sivil, jenayah atau pun tatatertib.

Yang Berhormat Senator Dato' Daljit Singh Dalliwal juga membangkitkan isu mengenai agensi penguat kuasa yang melakukan penguatkuasaan. Apakah kerjasama yang dipanjangkan itu benar-benar dapat disampaikan tanpa mengira kedudukan, warna kulit serta kefahaman politik kepada agensi yang seharusnya menyediakan dengan bantuan-bantuan yang perlu.

Untuk makluman Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, seksyen 5 rang undang-undang ini memerlukan setiap agensi Kerajaan Persekutuan atau pun kerajaan negeri atau pun orang lain difikirkan sesuai memberi kerjasama kepada agensi penguatkuasaan tanpa mengira kedudukan warna kulit serta kefahaman politik kepada agensi yang seharusnya menyediakan dengan bantuan-bantuan yang perlu dalam membantu siasatan yang dibuat tanpa mengira kedudukan warna kulit serta kefahaman politik. Ini...

■1720

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon mencelah.

Datuk Liew Vui Keong: Sebentar. Ini adalah bagi memastikan bahawa setiap siasatan dapat dilaksanakan dengan lengkap dan sewajarnya. *Basically,* apa yang dikatakan di sini, segala siasatan dalam perkara ini adalah *colour blind.* Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya masih lagi keliru. Tadi diberitahu bahawa maklumat ini akan dilindungi. Kalau barang kes, senanglah kita boleh bawa masuk dalam peti besi, kalau barang itu diterima. Sekiranya maklumat ini diterima oleh mana-mana agensi, maklumat tentang pemberi maklumat ini bagaimana disimpan oleh penerima maklumat, oleh pemberi maklumat tentang maklumat peribadi yang diterima? Katakanlah, satu agensi menerima panggilan telefon berkenaan begini-begini, ceritanya begini. Daripada segi rekodnya, daripada segi rekod penerimaan itu, rekod itu akan dibukukan. Buku itu akan disimpan kah atau apakah maksud, yang diberitahu akan dilindungi itu? Saya hendak tahu. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Penerima maklumat ini apabila menerima maklumat mesti hendak mencatatkan maklumat itu pada buku. Apa yang dimaksudkan di sini ialah bahawa buku yang dicatatkan, yang direkodkan maklumat itu tidak boleh dikemukakan di mana-mana prosiding jenayah ataupun sivil. Sekiranya terdapat sesuatu prosiding yang diambil oleh pihak yang berkenaan, yang telah pun didedahkan dalam perkara ini, mereka ingin meminta pihak penerima maklumat untuk mengemukakan nama pemberi maklumat.

Dalam perkara ini penerima maklumat itu tidak boleh mengemukakan buku ataupun apa-apa catatan yang telah pun dicatatkan mengenai pemberi maklumat itu. Sekiranya berlaku sesuatu dimana pemberi maklumat membongkar nama pemberi maklumat itu, dalam akta ini pemberi maklumat itu boleh dihukum dengan hukuman penjara dan boleh didenda. Itulah satu jaminan yang diberikan kepada pemberi maklumat bahawa penerima maklumat ini tidak boleh membongkar identiti pemberi maklumat dalam perkara ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Daljit Singh Dalliwal juga bertanya mengenai apakah kriteria yang diguna pakai bagi memastikan kesahihan dalam memberi maklumat sedemikian agar ia tidak digunakan dengan niat ingin merosakkan nama baik seseorang yang diadu itu demi kepentingan jawatan ataupun politik.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap agensi penguatkuasaan hendaklah sebagaimana lazim memastikan kesahihan setiap maklumat berkaitan dengan pendedahan kelakuan tidak wajar bagi memastikan setiap pendedahan tersebut adalah bebas daripada elemen-elemen negatif seperti niat ingin merosakkan nama seseorang yang diadu itu demi kepentingan jawatan ataupun politik.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai perkara-perkara yang harus dititik beratkan semasa memfailkan aduan. Adakah prosedur membuat aduan sama ada jelas, telus ataupun mengandungi bukti-bukti yang boleh disahkan?

Adakah tidak patut menggalakkan *unanimous disclosure,* Tuan Yang di-Pertua? Untuk makluman Yang Berhormat, amalan sedia ada oleh agensi penguat kuasa di dalam menerima sesuatu aduan dan menyiasat kesahihan aduan tersebut adalah tindakan lanjut diambil, akan diteruskan di dalam menangani setiap pendedahan kelakuan tidak wajar.

Rang undang-undang ini digubal sebegitu rupa untuk tidak memberikan perlindungan di bawah rang undang-undang ini kepada pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat secara surat layang atau tidak menyatakan identiti pemberi maklumat ini. Ini kerana ia amat penting bahawa identiti pemberi maklumat itu mesti mahu dikenal pasti. Sekiranya tidak, kita tidak akan dapat memberi perlindungan kepada orang itu sekiranya tidak wujud identiti pemberi maklumat.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang juga bertanya mengenai rang undang-undang ini. Adakah rang undang-undang ini boleh terpakai pada perbuatan-perbuatan jenayah sebelumnya sama ada perlindungan identiti pemberi maklumat akan terjamin? Soalan ini telah saya jawab tadi. Selain daripada itu, yang pertama mengenai rang undang-undang ini terpakai kepada perbuatan kesalahan tidak wajar yang dilakukan sebelum rang undang-undang ini berkuat kuasa. Tiada sekatan masa untuk kes-kes kesalahan jenayah.

Identiti pemberi maklumat akan tetap dilindungi oleh rang undang-undang ini, seperti Yang Berhormat amat sedia maklum bahawa *there is no limitation period* bagi kes-kes jenayah. Untuk menjawab beberapa Yang Berhormat yang telah pun menyentuh mengenai *limitation period* dalam akta ini. Akta ini akan berkuat kuasa *retrospectively,* akan merangkumi kelakuan sebelum permulaan undang-undang ini.

Yang Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim juga menyoal mengenai ketiadaan keyakinan orang ramai terhadap agensi penguat kuasa seperti SPRM dan juga pihak polis. Untuk maklumat Yang Berhormat Yang Mulia, kerajaan akan sentiasa membuat usaha berterusan untuk mendapatkan hubungan orang ramai supaya sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan.

Usaha memaklumkan kepada rakyat dan semua pihak berhubung dengan pemakaian dan juga kesan rang undang-undang ini akan dibuat secara berterusan bagi mengekalkan hak dan juga perlindungan yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini. Dengan ini, kerjasama rakyat akan dapat dipertingkatkan.

Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman juga bertanya mengenai apakah kesan pelaporan kepada Yang Berhormat Menteri di bawah seksyen 13(3), tiada tindakan lanjut ataupun tindakan yang tidak memuaskan. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri boleh mengkaji semula sama ada perlu dibuat peraturan ataupun membawa isu itu pada pihak yang berkenaan supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil terhadap agensi penguat kuasa sejajar dengan fakta-fakta sesuatu kes.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga bertanya mengenai seksyen 4 iaitu kuasa menteri untuk mengeluarkan arahan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, arahan yang dibuat di bawah seksyen 4 berbentuk perkara-perkara yang bukan khusus dalam sesuatu siasatan. Siasatan akan dibuat oleh agensi penguat kuasa di bawah kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan dalam undang-undang yang terpakai kepada sesebuah agensi-agensi penguatkuasaan itu.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga bertanya menimbulkan soalan mengenai seseorang tertuduh di mahkamah seperti tertuduh dalam kes-kes jenayah ataupun dadah dimana Yang Berhormat telah pun mengatakan apakah yang akan berlaku kepada tertuduh itu sekiranya tertuduh itu dalam prosiding memaklumkan kepada mahkamah yang mulia mengenai sesuatu perkara dan tertuduh dijadikan saksi dalam perkara itu dan bertanya sama ada perlindungan akan diberikan di bawah akta ini.

■1730

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sekiranya wujud perkara tersebut, kita ada satu akta yang dikenali sebagai *the Witness Protection Act. The Witness Protection Act will come into play to protect* situasi yang seperti ini. Ini kerana *Witness Protection Act* ini berbeza daripada *Whistleblower Protection Act*. *Witness Protection Act* ini biasanya boleh diguna pakai apabila sesuatu prosiding telah pun bermula.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Dr. Syed Husin Ali: Boleh saya minta...

Datuk Liew Vui Keong: Ada minta mencelah?

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya telah merujuk kepada fasal 11 dan tentang tertuduh dalam mahkamah tadi itu sebagai bandingan.

Saya baca fasal 11. Fasal 11(1) menyatakan, *"Agensi penguatkuasaan hendaklah membatalkan perlindungan pemberi maklumat yang diberikan di bawah seksyen 7 jika ia berpendapat, berdasarkan penyiasatannya atau dalam perjalanan penyiasatannya bahawa pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar yang didedahkan itu".*

Jadi ertinya, ini melibatkan seorang yang terlibat dalam sesuatu tetapi oleh kerana dia insaf kesalahannya, mungkin dia mahu jadi seorang pemberi maklumat. Oleh kerana itu, seharusnya perlindungan diberi kepada dia. Bukan misalnya dibatalkan perlindungan kepada dia.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sekiranya Yang Berhormat Senator membaca dengan teliti seksyen 11(1)(a) ini, ini telah pun telah menyatakan sekiranya pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai ataupun *participated in the improper conduct,* kalau dari segi undang-undang beliau juga menjadi *adder and a better* dalam perkara ini. Jadi dia tidaklah akan diberi perlindungan lagi dalam perkara sedemikian.

Jadi pendedahan itu akan diterima dan perlindungan itu akan juga diberikan. Namun begitu, jika agensi penguatkuasaan berdasarkan penyiasatannya mendapati bahawa pemberi maklumat itu telah pun terlibat dalam kelakuan tidak wajar, jadi perlindungan yang diberikan akan dibatalkan di bawah perenggan 11C(a) itu.

Ada juga yang membangkitkan mengenai isu-isu di mana pemberi maklumat telah pun mendedahkan dan juga menggunakan media untuk membekalkan *information* ataupun maklumat tersebut. Sekiranya terdapat pemberi maklumat yang membuat demikian – selepas memberi maklumat, memberitahu pula kepada dunia mengenai maklumat yang mereka telah pun memberi itu. Jadi dalam keadaan situasi begitu mereka tidak akan dapat perlindungan daripada *Whistleblower Protection Act* ini.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati Tan Sri Dato' Onn telah pun bertanya mengenai pemakaian KPI untuk memantau *benchmark* rang undang-undang ini dan juga penjelasan kuasa menteri di bawah rang undang-undang ini. Penjelasan kuasa menteri saya telah pun jawab tadi. Mengenai KPI, ia ini memang sentiasa dijalankan dan selaras dengan dasar dan juga arahan kerajaan untuk menentukan bahawa prestasi penyampaian ini sentiasa dipantau untuk kebaikan semua.

Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati juga bertanya mengenai agensi manakah yang membatalkan perlindungan dan juga berhubung dengan penempatan semula. Untuk makluman Yang Berhormat Senator bahawa agensi yang menerima pendedahan yang tidak wajar itu yang akan membatalkan perlindungan itu. Juga ia bergantung kepada jenis perkhidmatan dan juga kesesuaian penempatan demi kebaikan orang yang memberi maklumat itu dan juga kepada kesesuaian penjawatan yang ada sekiranya penempatan semula itu perlu dijalankan.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah juga bertanya mengenai pertukaran identiti seseorang pemberi maklumat dan membandingkan dengan prosedur yang berada di Amerika Syarikat. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah bahawa untuk melindungi identiti seperti yang nyata telah pun dijalankan di Amerika Syarikat ini, ia adalah bersamaan dengan Akta Perlindungan Saksi yang kita ada ini yang telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat sebelum ini iaitu pada tahun 2009 dan telah pun mula berkuat kuasa pada bulan April tahun ini. Skim perlindungan ini tidak diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang Pemberi Maklumat ini kerana kedua undang-undang ini adalah berbeza dari segi melindungi saksi-saksi berkenaan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah juga bertanya apakah definisi tindakan yang memudaratkan yang dimaksudkan dalam fasal 7. Tafsiran itu adalah terdapat di bawah fasal 2, untuk makluman Yang Berhormat.

Untuk soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz mengenai kenapakah undang-undang ini memperuntukkan remedi-remedi seolah-olah ia akan dibocorkan? Rang Undang-undang ini di bubar bagi memastikan pemberi maklumat ini dilindungi dalam setiap keadaan dan setiap peringkat. Terpulang juga kepada struktur sesebuah agensi penguat kuasa untuk layak menerima pendedahan salah laku.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga bertanya mengenai agensi mana yang memberi perlindungan, dan ini telah pun dijawab iaitu agensi yang menerima sesuatu pendedahan salah laku.

Yang Berhormat juga bertanya mekanisme siasatan yang melibatkan kakitangan agensi penguat kuasa. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya ada terlibat dengan agensi yang berkenaan di mana aduan itu ditujukan kepada agensi yang berkenaan ataupun pegawai yang berkenaan, jadi pasukan khas ataupun pasukan lain akan menyiasat kes ini dan bukannya agensi yang sama.

Selain daripada itu...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Boleh..?

Datuk Liew Vui Keong: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dia akan dilindungi oleh agensi penguatkuasaan yang sama, saya rasa dalam – sebagai contohlah kalau kita sebut katalah agensi tersebut satu kementerian, kementerian itu Kementerian Kesihatan contohnya. Jadi kalau ia dilindungi daripada tindakan-tindakan yang memudaratkan, yang menunjukkan kecederaan dan kehilangan, siapakah orang dalam Kementerian Kesihatan yang boleh bertugas menjaga pemberi maklumat yang juga merupakan pegawai.

Contohnya Kementerian Kesihatan tadi yang boleh menjaga pemberi maklumat daripada diambil tindakan oleh orang yang dia ada sebut daripada kecederaan, ugutan, gangguan? Kalau dalam Kementerian Dalam Negeri, saya rasa mungkinlah. Akan tetapi kalau dalam Kementerian Kesihatan dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, contohnya, saya ingin tahu siapa orang yang akan dijadikan pegawai yang akan melindungi orang yang memberi maklumat secara spesifik?

■ 1740

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, dalam perkara ini satu pasukan khas akan menyiasat siasatan dalam agensi tersebut. Satu pasukan khas akan di tubuh untuk menyiasat perkara tersebut ataupun ia akan disiasat oleh agensi penguat kuasa yang lain.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya sempat menjawab dalam isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang terpelajar dalam perkara ini.

Sekiranya saya tidak sempat menjawab semua soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya akan memberi jawapan secara bertulis. Sekian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.45 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang".

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga ke hari ini peningkatan kes jenayah di mahkamah di negara ini adalah begitu mendadak. Berikutan itu terdapat banyak kes yang tertunggak di Mahkamah Jenayah dan ini boleh menjejaskan pentadbiran keadilan di Malaysia. Di bawah *Common Law* adalah menjadi prinsip asas bahawa keadilan yang dilengah-lengahkan adalah keadilan yang dinafikan iaitu *justice delayed is justice denied,* dengan izin. Perbicaraan yang terlalu lama bagi sesuatu kes jenayah akan menjejaskan hak individu yang dituduh dan seterusnya menjejaskan keterangan yang menjadi dasar bagi membuktikan sesuatu penghakiman. Kerajaan memandang serius perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengkaji sebab-sebab yang boleh melambatkan perbicaraan kes jenayah dan mencari jalan supaya proses pendakwaan dan perbicaraan kes-kes tersebut boleh disegerakan. Sehubungan dengan itu kerajaan telah mencadangkan supaya sistem *speedy trial* dilaksanakan di Malaysia. Sistem *speedy trial* ini bertujuan untuk memastikan kes-kes jenayah di mahkamah dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Ia untuk memastikan kes-kes jenayah tidak tertunggak untuk tempoh yang terlalu lama sehingga menyebabkan pihak-pihak yang terlibat dalam proses pentadbiran keadilan jenayah dicabar sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengkaji sama ada suatu perundangan yang khusus boleh digubal ataupun memadai untuk meminda perundangan yang sedia ada untuk memperuntukkan mengenai konsep *speedy trial* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Setelah mengambil kira pelbagai aspek dan hasil kajian yang dijalankan, kerajaan telah memutuskan untuk meminda perundangan yang sedia ada iaitu meminda Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] untuk memperuntukkan mengenai *speedy trial* yang akan memendekkan tempoh perbicaraan dan mempercepatkan proses pelupusan perbicaraan jenayah. Cadangan pindaan terhadap Akta 593 ini juga dilihat tepat pada masanya sejajar dengan hasrat kerajaan dalam melaksanakan enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional ataupun dikenali sebagai *National Key Result Area* (NKRA) yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

NKRA yang berkait rapat dengan penyelesaian kes-kes tertunggak di mahkamah adalah NKRA yang pertama iaitu pengurangan jenayah. NKRA pengurangan jenayah ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu jenayah jalanan, keselamatan awam dan peningkatan prestasi agensi penguatkuasaan. Bagi maksud ini tumpuan hendaklah diberikan kepada Bahagian III bagi NKRA pengurangan jenayah ini, iaitu peningkatan prestasi agensi penguatkuasaan. Cara-cara untuk mempercepatkan proses perundangan terhadap kes-kes tertangguh adalah salah satu sasaran bagi maksud meningkatkan prestasi agensi penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 mengandungi 14 fasal seperti yang berikut.

Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan bab baru XVIIIA (18A) ke dalam Bahagian VI Akta 593 iaitu berhubung dengan proses sebelum perbicaraan yang bertujuan untuk memendekkan tempoh perbicaraan dan untuk mempercepatkan pelupusan perbicaraan jenayah. Bab baru ini mengandungi enam seksyen baru iaitu seksyen 172A, 172B, 172C, 172D, 172E dan 172F. Semuanya dalam huruf besar seperti yang berikut:

Pertama, seksyen 172A adalah mengenai rundingan prabicara yang membolehkan tertuduh, yang diwakili peguam belanya dan pendakwa raya untuk menyelesaikan isu sebelum proses pengurusan kes bermula. Di bawah sistem ini pihak pendakwaan dan pembelaan dapat membincangkan merit kes masing-masing dan mengehadkan isu yang dipertikaikan atau mencapai persetujuan mengenai rundingan akuan sebelum proses pengurusan kes diadakan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, seksyen 172B adalah mengenai proses pengurusan kes yang mestilah diadakan dalam masa 60 hari dari tarikh tertuduh dipertuduh di mahkamah. Suatu proses pengurusan kes yang berikutnya, jika perlu boleh diadakan tidak kurang daripada dua minggu sebelum permulaan perbicaraan. Dalam proses pengurusan kes pihak pendakwaan dan pembelaan dikehendaki antara lain untuk mengemukakan kepada mahkamah apa-apa perkara yang telah dipertimbangkan dan dipersetujui semasa rundingan prabicara. Mahkamah kemudiannya akan menetapkan tarikh perbicaraan dan hendaklah memulakan perbicaraan tidak lewat daripada 90 hari dari tarikh tertuduh dipertuduh di mahkamah.

Ketiga, seksyen 172C bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai rundingan akuan. Mahkamah mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa tertuduh telah membuat permohonan untuk rundingan akuan secara sukarela dan juga untuk memastikan bahawa proses itu dibuat secara sukarela antara pendakwa raya dan tertuduh. Selanjutnya tertuduh dan pendakwa raya kemudiannya hendaklah mencapai persetujuan secara bersama mengenai pelupusan kes yang memuaskan. Jika tertuduh dan pendakwa raya tidak dapat bersetuju mengenai pelupusan kes yang memuaskan, kes itu hendaklah dibicarakan di hadapan mahkamah lain supaya tidak memudaratkan tertuduh.

Keempat, seksyen 172D adalah mengenai pelupusan kes oleh mahkamah. Mahkamah hendaklah melupuskan kes dengan membuat perintah di bawah seksyen 426 Akta 593 atau jika rundingan peguam itu berhubung dengan hukuman, mendapati tertuduh bersalah atas pertuduhan yang dipersetujui dalam pelupusan yang memuaskan itu dan menghukum tertuduh dengan sewajarnya atau jika rundingan akuan itu berhubung dengan hukuman mendapati tertuduh bersalah atas pertuduhan dan menghukum tertuduh di bawah seksyen 293 atau 294 Akta 593 atau menghukum tertuduh dengan tidak lebih daripada setengah daripada hukuman maksimum yang dikenakan di bawah undang-undang bagi kesalahan itu.

■1750

Jadi, apabila terdapat tempoh minimum pemenjaraan diperuntukkan, hukuman itu tidak boleh kurang daripada tempoh minimum itu. Dengan itu terdapat satu mekanisme untuk mendorong tertuduh untuk mengaku salah dan pada masa yang sama dapat membuat jangkaan yang lebih baik tentang julat hukuman yang boleh dikenakan.

Kelima, seksyen 172E memperuntukkan bahawa penghakiman mahkamah di bawah seksyen 172D tidak boleh dirayu kecuali mengenai takat dan kesahan hukuman itu.

Keenam, seksyen 172F bertujuan untuk melindungi tertuduh dengan melarang penggunaan apa-apa pernyataan yang dibuat antara fakta yang disebut oleh tertuduh semasa rundingan akuan bagi apa-apa maksud lain.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 3, 4 dan 5 rang undang-undang adalah berhubung dengan pernyataan impak mangsa jenayah. Fasal-fasal ini masing-masing mengenakan kewajipan ke atas mahkamah untuk mendengar pernyataan oleh mangsa jenayah atau seorang anggota keluarganya mengenai impak kesalahan yang telah dilakukan terhadap mangsa oleh tertuduh. Pindaan ini adalah bertujuan untuk mengiktiraf hak mangsa jenayah dan mewujudkan keseimbangan antara pesalah dan mangsa dalam sistem keadilan jenayah yang selalunya berorientasikan pesalah.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan suatu seksyen baru iaitu seksyen 254A, ke dalam Akta 593. Seksyen baru ini memperkatakan perbicaraan tertuduh yang telah diberikan suatu pelepasan dan kemudiannya dipertuduh semula atas kesalahan yang sama. Jika saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan dalam perbicaraan sebelum pelepasan itu diberikan, perbicaraan itu hendaklah dikembalikan ke kedudukan asal dan hendaklah diteruskan seolah-olah tiada perlepasan telah diberikan kepada tertuduh. Memandangkan bahawa perbicaraan baru tidak perlu dimulakan, tempoh perbicaraan dapat dipendekkan dan pelupusan kes itu boleh dipercepatkan.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 402A, Akta 593. Dengan pindaan ini jika tertuduh mengemukakan pembelaan alibi, dia tidak lagi perlu untuk memberikan notis bertulis kepada pendakwa raya sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum permulaan perbicaraan. Pindaan ini membolehkan tertuduh mengemukakan alibinya semasa pengurusan kes. Sekiranya tertuduh tidak mengemukakan pembelaan alibinya semasa proses pengurusan kes. Dia masih boleh mengemukakan pembelaan alibinya pada mana-mana peringkat perbicaraan tertakluk kepada pendakwa raya diberikan notis mengenai alibi itu dan diberikan masa yang munasabah untuk menyiasat pembelaan sedemikian.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan dua seksyen baru iaitu seksyen 402B dan 402C ke dalam Akta 593. Seksyen baru 402B bertujuan untuk memudahkan penggantian keterangan berbentuk lisan dengan keterangan berbentuk pernyataan bertulis. Proses ini membolehkan pendawa raya dan pihak pembelaan mengemukakan pernyataan dalam bentuk keterangan semasa pemeriksaan utama.

Kemudahan ini akan menjimatkan masa mahkamah dalam perekodan keterangan kerana pernyataan itu akan mempunyai kesan seolah-olah keterangan itu salah. Maaf, keterangan itu adalah keterangan lisan yang diberikan semasa mahkamah terbuka dan apa-apa ekshibit yang dikemukakan menurut kuasa seksyen ini dikemukakan seolah-olah dikemukakan dalam perjalanan biasa perbicaraan.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan suatu seksyen baru iaitu seksyen 407A ke dalam Akta 593. Seksyen baru ini membuat peruntukan mengenai pelupusan awal barang sitaan yang tertentu yang dengan mengambil kira sifat barang itu merupakan barang yang berbahaya, sukar, mahal dan amat menyusahkan untuk disimpan dalam jagaan pihak polis. Jika hal keadaan mengehendaki supaya barang sitaan itu dilupuskan, pendakwa raya boleh memohon kepada mahkamah untuk suatu perintah pelupusan.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 413 Akta 593. Pindaan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa harta yang disita hendaklah ditahan jika harta itu masih lagi dikehendaki bagi maksud penyiasatan dan harta itu hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sepatutnya oleh pegawai yang menjaga daerah polis di mana kesalahan itu berlaku.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 426 Akta 593. Pindaan ini bertujuan untuk menjadikan mandatori bagi mahkamah atas permohonan pendakwa raya untuk memerintahkan tertuduh yang telah disabitkan untuk membayar pampasan kepada mangsa atas kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh tersebut. Mahkamah hendaklah mengambil kira faktor yang relevan semasa membuat perintah untuk pembayaran pampasan itu. Pindaan itu juga memberi mahkamah kuasa untuk mengadakan siasatan jika difikirkannya patut berbuat sedemikian. Dengan pindaan ini ketidakadilan yang dilakukan kepada seseorang mangsa sesuatu kesalahan boleh dibaiki oleh orang yang sebenarnya telah memudaratkan mangsa itu melalui tindakan yang menyalahi undang-undang.

■1800

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 428 Akta 593 untuk menjelaskan bahawa pampasan hendaklah menjadi suatu perkara yang ditetapkan oleh mahkamah dan bukannya melalui kaedah-kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 432 Akta 593 untuk memperuntukkan suatu kadar amaun yang lebih munasabah dan realistik yang berdasarkannya suatu tempoh pemenjaraan kerana ingkar membuat pembayaran yang boleh dikenakan. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam kes yang amaunnya melebihi RM1,000, tempoh pemenjaraan yang boleh dikenakan kerana ingkar membuat pembayaran telah dinaikkan daripada empat bulan kepada enam bulan.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda Jadual Kedua kepada Akta 593 untuk memasukkan suatu borang baru 28A yang merupakan borang permohonan bagi rundingan akuan. Borang ini diperlukan berbangkit daripada kemasukan seksyen 172C ke dalam Akta 593.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 ini adalah tepat pada masanya kerana kes-kes tertunggak di mahkamah merupakan masalah yang serius kerana ia boleh menjejaskan sistem keadilan jenayah di Malaysia.

Melalui rang undang-undang ini, sistem penyampaian terutama di peringkat mahkamah dapat dipertingkatkan dan ini adalah selaras dengan Program Transformasi Kerajaan ataupun *Government Transformation Programme* (GTP) yang memberi penekanan kepada aspek sistem penyampaian. Seterusnya, rang undang-undang ini juga mendukung hasrat kerajaan dalam memperkasakan NKRA terutamanya NKRA pengurangan jenayah.

Selain itu, rang undang-undang ini juga menitikberatkan hak mangsa jenayah dengan memberi peluang kepada mangsa untuk membuat pernyataan mengenai impak jenayah yang dilakukan terhadapnya oleh pesalah dan memberi keadilan dari segi pampasan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali kedua dan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma hendak mendapatkan panduan, berapa orang hendak bercakap. Enam orang. Okey terima kasih. Silakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

6.03 ptg.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk berbahas mengenai dengan rang undang-undang meminda Kanun Tatacara Jenayah. Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini kita mempunyai dua buku utama undang-undang iaitu satu Kanun Keseksaan dan satu lagi yang ini, yang dipinda ini Kanun Tatacara Jenayah yang lebih merumuskan kepada prosedur dan tatacara bagaimana kita membicarakan orang yang tertuduh.

Saya menyokong rang undang-undang kerana ia memang baik dan dialu-alukan. Pindaan-pindaan yang dibuat di sini adalah meliputi *pre-trial conference*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *case management, plea bargaining* atau rundingan akuan, *victims impact statement* dan juga *compensation*. Saya yakin dan percaya bahawa pindaan ini dibuat dengan tujuan untuk memudahkan atau mempercepatkan perbicaraan kes-kes jenayah di negara ini.

Dalam masa yang sama boleh mengurangkan kes-kes yang tertunggak atau dengan izin, *backlog cases* di mahkamah seluruh negara kita. Sebagai rekod mengikut apa yang saya tahu bahawa di Malaysia kita mempunyai banyak kes yang tertunggak.

Dua tahun lalu saya ada terbaca bahawa jumlah kes-kes yang belum diselesaikan di mahkamah rendah sahaja adalah berjumlah 900,000 kes-kes yang belum selesaikan di mahkamah rendah. Di peringkat mahkamah tinggi sebanyak 91,000 kes-kes yang belum diselesaikan.

Saya ingin menyentuh di sini tentang beberapa perkara yang saya rasa memerlukan penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama ialah mengenai dengan *pre-trial conference* dan *plea bargaining.* Bagi saya ini adalah baik tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, seakannya ia boleh memberi galakan atau peluang kepada orang tertuduh untuk cuba menyogok pendakwa raya supaya tidak bertindak terlalu keras terhadapnya ketika dalam *court*. Undang-undang ini menyatakan bahawa *pre-trial conference* ini dibuat tanpa kehadiran pegawai-pegawai mahkamah dan boleh diadakan di mana-mana sahaja atau dengan apa cara pun mereka boleh jumpa di mana-mana sahaja untuk berbincang kes mereka. Saya bimbang dan khuatir Tuan Yang di-Pertua, *pre-trial conference* dan *plea bargaining* diambil oleh orang yang tertuduh untuk cuba menyogok pendakwa raya.

Keduanya mengenai dengan seksyen 172B bagaimana kalau *case management* tidak boleh diadakan pada masa yang ditetapkan iaitu 60 hari dan bagaimana pula kalau mahkamah gagal untuk memulakan perbicaraan dalam masa yang ditetapkan iaitu 90 hari. Apa tindakan dibuat kalau mereka gagal memenuhi *dateline* ini, dengan izin. Saya bercakap begini sebab kalau mengikut pengalaman saya memang banyak sebab mengapa sesuatu kes itu tidak boleh dibicarakan pada hari yang ditetapkan. Ada sahaja masalah-masalah yang timbul yang menyebabkan kes itu tidak boleh didengar. Contohnya kadang-kadang peguam bela dan peguam cara mempunyai kes-kes yang lain di mahkamah yang lain.

Jadi tidak boleh meneruskan kes di mahkamah yang satu dan juga laporan-laporan kimia contohnya mengambil masa yang begitu lama untuk mendapatkannya. Pernah juga terjadi begitu. Mungkin juga saksi-saksi tidak boleh dicari dan pegawai-pegawai mahkamah menghadiri kursus, seminar dan sebagai maka dia tidak boleh dibuat dalam masa yang ditentukan. Jadi kalau kes itu tidak boleh dengar dalam masa 90 hari seperti mana yang dikatakan dalam rang undang-undang ini, apa pula yang berlaku.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua menyentuh seksyen 172C. Seksyen baru ini diperkenalkan dengan tujuan mengadakan peruntukan mengenai rundingan akuan atau *plea bargaining*. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa mahkamah mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa tertuduh telah membuat permohonan untuk rundingan akuan secara sukarela dan juga untuk memastikan bahawa proses itu dibuat secara sukarela antara pendakwa raya dan yang tertuduh. Selalunya tertuduh dan pendakwa raya kemudiannya hendaklah mencapai persetujuan secara bersama mengenai pelupusan kes yang diuruskan. Jika tertuduh dan pendakwa raya tidak dapat bersetuju mengenai pelupusan kes yang diuruskan, kes itu - Ini yang *crucial* Tuan Yang di-Pertua.

Kes itu hendaklah dibicarakan di hadapan mahkamah lain supaya tidak memudaratkan yang tertuduh. Ertinya kita kena mencari mahkamah lain untuk membicarakan kes di mana *plea bargaining* itu tidak berjaya. Keraguan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana kalau mahkamah tidak mencukupi atau majistret atau hakim mungkin tidak mencukupi, kita pergi ke mahkamah lain tetapi mahkamah tidak boleh mendengar sebab kekurangan majistret, kekurangan hakim. Ini memang berlaku contohnya di negeri Sabah. Kita tidak mempunyai majistret yang cukup atau hakim-hakim yang cukup.

■ 1810

Malahan majistret-majistret yang mendengar kes di daerah-daerah itu datang dari ibu kota. *District magistrate* ini pergi ke daerah-daerah untuk mendengar kes-kes dan kalaulah dengan tambahan begini lagi, maka lebih masalah untuk mencari majistret untuk mendengar kes tersebut. Jadi, *you compounding the problem,* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang *justice delayed is justice denied* setuju, 100 peratus setuju seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Namun jika *justice speedily* yang terlalu pun boleh *justice denied* juga. Maksud saya di sini ialah kalau dia kata terburu-buru *you pressure,* bagi tekanan supaya kes itu dikendalikan, dibicarakan terlalu cepat itu juga boleh *denied justice* kerana tekanan kepada orang yang tertuduh. Sudah pun ditahan oleh polis, maksimum sehari. Disiasat, disoal dan sebagainya, keluar dari tahanan, jumpa pendakwa raya runding lagi, mengaku salah misalnya, tekanan tentu ada. Jadi tekanan amat sangat saya khuatir nanti *justice* itu pula tidak dipenuhi seperti mana yang kita harapkan dalam rang undang-undang ini.

Yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai keberkesanan kita untuk menyelesaikan kes-kes yang tertunggak, *backlog cases* yang begitu sekali. Saya percaya bahawa ini satu daripada rangkaian usaha kita untuk menyelesaikan kes-kes yang tertunggak ini dan satu caranya dengan memperkenalkan rang undang-undang yang baru ini, *housekeeping* sebenarnya untuk memastikan bawah *spirit file* itu dapat dicapai, tetapi bagi fikiran saya Tuan Yang di-Pertua, bahawa selain daripada ini kita juga harus berfikir tentang faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan kelewatan kes-kes yang dibicarakan. Kita juga harus berfikir bahawa satu caranya ialah kita menambah majistret-majistret dan juga hakim supaya lebih ramai majistret maka lebih bagus supaya banyak kes dapat dibicarakan dalam masa yang cepat.

Yang kedua ialah, kita harus meningkatkan infrastruktur mahkamah termasuk mengambil lebih ramai kakitangan sokongan di mahkamah termasuklah penterjemah-penterjemah di dalam mahkamah harus ditambah supaya lebih banyak kes dapat didengar dalam masa yang singkat.

Ketiga, saya ingin mengesyorkan supaya untuk kes-kes yang boleh *dispose*, kes-kes yang boleh didengar melalui *mediation*, Tuan Yang di-Pertua kita boleh mendapat khidmat dari peguam-peguam yang berpengalaman yang sudah senior untuk membantu mahkamah mendengar kes-kes melalui proses *mediation.*

Ini terbukti berkesan kes-kes yang tidak begitu kompleks harus didengar melalui *mediation* untuk membantu *judiciary department* atau pihak mahkamah untuk menyelesaikan kes-kes yang banyak tertunggak ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat 'Datuk' Hajah Zainun binti A. Bakar.

6.14 ptg.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: Saya bukan 'Datuk' lagi Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Yang sebelah saya Dato'.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan teruskan.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang untuk saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah 2010 yang penting ini.

Izinkan saya pertamanya saya ingin menyentuh tentang antipati pindaan Akta Kanun Tatacara Jenayah ini adalah untuk mengatasi masalah kes-kes tertunggak yang belum selesai di Mahkamah Jenayah dan juga menggalakkan pelupusan kes jenayah dengan cepat.

Sebelum ini mahkamah telah menubuhkan panel pelupusan pada Ogos 2009, saya juga difahamkan banyak kes dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat, sebagai contoh mengikut statistik bagi mahkamah majistret kes-kes jenayah tertunggak pra 2007 setakat 30 Jun 2007 terdapat 399,661 kes. Sebanyak 220,368 kes atau 55 peratus kita telah dilupuskan melibatkan 135 majistret. Seterunya bagi Mahkamah Sesyen 7,053 kes jenayah tertunggak. Dari jumlah itu hanya 2,139 atau 30 peratus kes dilupuskan melibatkan 88 orang hakim. Berhubung dengan Mahkamah Tinggi terdapat 3,782 kes jenayah tertunggak dan 1,222 kes atau 32 peratus telah dilupuskan melibatkan 38 orang hakim.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan-penjelasan berikut:

(i) bilangan kes-kes jenayah tertunggak bagi mahkamah majistret, seksyen dan Mahkamah Tinggi termasuk mahkamah rayuan mengikut negeri sehingga akhir 2009 atau terkini;

(ii) sejauh manakah kajian dijalankan oleh pihak Mahkamah Semenanjung iaitu 80 peratus penangguhan kes sering dilakukan oleh pihak lain. Selain mahkamah termasuklah tertuduh, peguam atau pendakwa raya, malah kebanyakan penangguhan perbicaraan kes jenayah juga sering disebabkan oleh permintaan tertuduh itu sendiri;

(iii) setakat manakah sasaran untuk menyelesaikan kes jenayah dalam masa antara tiga hingga enam bulan dari tempoh dituduh dapat dicapai; dan

(iv) badan kehakiman juga menyasarkan menyelesaikan kes dalam tempoh masa ditetapkan bermula dari tarikh ia mula didaftarkan iaitu enam bulan bagi kes mahkamah majistret, mahkamah seksyen sembilan bulan hingga setahun dan Mahkamah Tinggi setahun hingga 18 bulan. Setakat manakah KPI telah dapat dicapai.

Selain daripada itu, faktor-faktor lain yang dinyatakan di atas tadi, faktor hakim yang lemah juga menjadi punca kepada kes jenayah tertunggak atau tertangguh. Ini adalah kenyataan yang kita boleh lihat di akhbar *Berita Harian* yang bertarikh 17 April 2010. Oleh yang demikian, apakah tindakan yang patut diambil kepada hakim yang tidak menunjukkan prestasi memuaskan termasuk menyebabkan kes tertanggu. Saya ingin cadangkan agar hakim yang menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan diberi kaunseling dan mendapat bimbingan dari rakan sekerja yang lebih cekap. Seterusnya saya ingin mencadangkan agar langkah-langkah juga mesti diambil bagi menarik minat lebih ramai peguam mengendalikan kes jenayah terutamanya kes jenayah berat bagi mengurangkan jumlah kes tertunggak di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin menyentuh tentang seksyen 172A serta seksyen 172B, berhubung tentang pindaan akta ini iaitu berhubung dengan proses sebelum perbicaraan yang bertujuan untuk memendekkan tempoh perbicaraan dan untuk mempercepatkan pelupusan perbicaraan jenayah. Seksyen 172A yang memberikan ruang bagi membolehkan tertuduh yang diwakili peguam belanya dan peguam raya berunding menyelesaikan ini sebelum kes bermula.

■1820

Rundingan awal ini adalah digalakkan dalam Islam sebagai jalan penyelesaian melalui proses suluh. Suluh bermaksud putus pertengkaran atau kompromi. Melalui proses suluh, kes-kes dapat diselesaikan lebih cepat tanpa perlu melalui proses perbicaraan. Peruntukan akta ini adalah langkah yang wajar kerana menyediakan ruang runding pra bicara. Kelebihan suluh antaranya:

(i) mudah diadakan;

(ii) dibuat atas kehendak bersama dan sukarela;

(iii) sukarela;

(iv) rahsia; dan

(v) memudahkan kepada yang tertuduh.

Seksyen 172B pula menyediakan proses pengurusan kes supaya sesuatu kes jenayah itu dapat dibicara dalam masa yang lebih cepat. Pihak pendakwa dan pembelaan dikehendaki mengemukakan kepada mahkamah apa-apa perkara yang telah dipertimbangkan dan dipersetujui semasa runding pra bicara. Pihak Kanun Tatacara Jenayah ini jelas memantapkan lagi institusi kehakiman khususnya dalam menangani kes tertunggak yang menyebabkan persepsi yang kurang memuaskan badan kehakiman negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin membangkit isu berhubung liputan media yang meluas pada masa kini mengenai sesuatu kes khususnya melibatkan orang kenamaan atau selebriti. Sedangkan suspek belum pun dituduh dan hanya dibawa ke mahkamah untuk kebenaran ditahan reman bagi membolehkan kes disiasat sepenuhnya tetapi apabila berita ini menjadi sensasi, sedikit sebanyak telah menimbulkan persepsi negatif masyarakat kepada suspek yang berkenaan. Malah sering kali telah menyebabkan tekanan kepada pendakwa untuk mendakwa suspek di mahkamah walaupun siasatan belum sempurna. Ini telah melanggar prinsip hak asasi manusia. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan sama ada pindaan akta ini mengambil kira perkara berkenaan.

Selain itu, tekanan daripada masyarakat atau pihak tertentu dan media masa menyebabkan seseorang suspek itu dibawa ke mahkamah dan dituduh meskipun bukti belum cukup. Keadaan ini tidak sepatutnya berlaku kerana mungkin menyebabkan penganiayaan kepada pihak tertentu. Contohnya yang melibatkan kes buli di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Kementerian terlibat perlu melihat semua mekanisme tertentu agar prosedur yang sepatutnya diwujudkan berkaitan penangkapan tertuduh dan isu-isu berkaitan jenayah yang tidak berat di kalangan murid sekolah dan golongan remaja.

Jenayah yang berlaku di kalangan remaja hari ini banyak berlaku atas faktor-faktor seperti pengaruh kawan, tekanan keluarga dan sebagainya. Bagi pesalah jenayah seperti ini, mekanismenya wajar diwujudkan supaya penjenayah ini boleh diselamat dan dibawa kembali ke pangkal jalan. Sejauh manakah akta ini menyediakan mekanismenya yang diharap bagi menegak keadilan dan kesaksamaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin pindaan Kanun Tatacara Jenayah ini mampu memberikan ruang yang mencukupi untuk melindungi rakyat secara adil dan saksama. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah tadi ada bagi nama?

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya silakan Yang Berhormat Hajah Noriah binti Mahat.

6.24 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tarian zapin tarian tersohor,
Tempat asal dari negeri Johor,
Dari selatan ke Kuala Lumpur,
Menggalas tanggungjawab sebagai Senator.

Ucapan pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Syabas orang baru... *[Tepuk]*

Puan Hajah Noriah binti Mahat:...

Seri Mersing lagu Melayu,
Indah sungguh lagunya merdu,
Datangnya saya dengan niat yang satu,
Menyumbang bakti untuk masa depan anak cucu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ucapan saya ini adalah ucapan yang ulung, sebelum saya bercakap lebih jauh lagi, terlebih dahulu ingin saya merakamkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih khasnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang juga Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dan Kerajaan Barisan Nasional dan juga pihak-pihak yang terlibat di atas pelantikan saya sebagai Senator di Dewan yang mulia ini. Seterusnya terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang untuk saya berbahas berkenaan Rang Undang-undang Pindaan Kanun Tatacara Jenayah pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan mengatasi masalah kes-kes yang tertunggak, yang belum selesai di Mahkamah Jenayah dan untuk menggalakkan pelupusan kes jenayah dengan cepat. Kes tertunggak ini adalah isu masalah umum dan merupakan salah satu masalah yang membelenggu badan kehakiman sejak sekian lama sejajar dengan hasrat kerajaan.

Selaras dengan Gagasan 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan' dalam melaksanakan enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional ataupun NKRA *(National Key Result Area)* dengan izin, yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, maka pindaan ini adalah amat relevan sekali. NKRA yang berkait rapat dengan penyelesaian kes-kes tertunggak di mahkamah adalah satu matlamat dalam peningkatan prestasi agensi penguatkuasaan.

Kita lihat dari laporan akbar, sejak Yang Arif Tun Azmi memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Negara, banyak tindakan telah dilakukan bagi mengatasi isu kes tertunggak ini. Antaranya, Yang Arif telah mengarahkan agar kes-kes diselesaikan dengan segera dan ianya menjadi KPI bagi menilai para hakim. Berikutan daripada arahan dan gesaan Yang Arif Ketua Hakim tersebut, dilaporkan bahawa kes-kes tertunggak diselesaikan meningkat 100 peratus di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Kuasa-kuasa Khas. Namun pindaan yang dicadangkan ini adalah sangat relevan sekali kerana proses pelupusan kes yang tertunggak ini secara cepat dilakukan menerusi perbincangan pra bicara.

Berbalik kepada pindaan rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin membahaskan satu dua isu sahaja. Pertama, saya ingin mohon penjelasan berkaitan penggunaan bahasa di dalam rang undang-undang ini. Kita lihat bahasa yang digunakan adalah bahasa Inggeris.

Kenapakah bahasa Inggeris? Sedangkan bahasa rasmi mahkamah adalah bahasa Malaysia. Malah Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan menyebut dengan jelas bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan undang-undang oleh Parlimen. Oleh itu, bahasa Melayu mestilah digunakan sebagai bahasa untuk urusan-urusan rasmi kerajaan. Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya saya ingin menyentuh hak merayu oleh pesalah selepas keputusan dicapai. Seksyen 172E peruntukan tentang *finality of the judgment,* dengan izin, di mana setelah pesalah mengaku bersalah dan hukuman dijatuhkan seperti yang disebut di bawah seksyen 172D, tiada peluang lagi untuk pesalah tersebut membuat rayuan kecuali *to the extend and the legality of the sentence,* dengan izin. Keadaan ini seolah-olah menafikan hak individu dalam mendapatkan keadilan yang maksimum. Sedangkan kita semua tahu bahawa dalam sistem keadilan yang wujud di negara kita, seseorang itu boleh membuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi dari mahkamah yang memutuskan kesnya seperti Mahkamah Rayuan dan sebagainya sehinggalah ke Mahkamah Persekutuan, sebagai mahkamah akhir untuk seseorang berjuang untuk mendapat keadilan.

■1830

Jadi di sini nampak tidak konsisten atau tidak selaras. Persoalan di sini ialah apakah rasionalnya rayuan dalam penyelesaian kes mengikut peruntukan ini tidak dibenarkan membuat rayuan seterusnya?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan fasal 5 yang memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 183A. Peruntukan ini menunjukkan betapa prihatin terhadap pesalah dan juga keluarga mereka. Hakim-hakim yang mendengar kes-kes di bawah akta ini maklum tentang keadaan kes secara keseluruhan termasuk rakan-rakan keluarga. Kita pernah melihat laporan tentang sesetengah kes dibicarakan yang kemudiannya didapati tidak cukup bukti dan orang kena tuduh dilepaskan.

Tekanan masyarakat atau pihak tertentu dan media massa mungkin juga menyumbang kepada seseorang pesalah dibawa ke mahkamah dan dituduh meskipun belum cukup bukti. Keadaan ini tidak sepatutnya berlaku kerana mungkin menyebabkan penganiayaan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan yang tidak berdosa. Contohnya yang melibatkan jenayah juvana seperti kes buli budak-budak sekolah, kemungkinan diutarakan oleh rakan saya tadi tetapi saya ulang oleh kerana saya baru Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian perlu melihat semula mekanisme tertentu agar prosedur yang sepatutnya diwujudkan berkaitan penangkapan, pertuduhan dan isu-isu berkaitan jenayah yang tidak berat di kalangan murid-murid sekolah dan golongan remaja serta jenayah yang berlaku di kalangan remaja seperti *street crime* dengan izin, rogol, cabul, curi, ragut, dadah dan sebagainya banyak berlaku atas faktor-faktor seperti pengaruh rakan, tekanan keluarga dan sebagainya.

Jadi langkah untuk mendapatkan maklumat latar belakang kes dari keluarga ini memanglah amat baik kerana hakim semasa menjatuhkan hukum kepada penjenayah dapat memberi keputusan dengan mengambil kira pelbagai aspek kehidupan pesalah.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Saya juga ingin mengambil peluang untuk mencadangkan agar pesalah jenayah remaja ini mekanisme tertentu seperti hukuman yang berbentuk *restorative* wajar diwujudkan supaya penjenayah juvana ini boleh diselamatkan dan dibawa kembali ke pangkal jalan tanpa melupakan tanggungjawab mereka untuk menjalani hukuman ke atas kesalahan yang dilakukan serta dalam masa yang sama menjalani kehidupan seperti biasa, tanpa stigma dari masyarakat keadilan bukan sahaja untuk dilihat sebagai dilaksanakan tetapi ia hendaklah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya ini orang baru di dalam Dewan ini, saya rasa cukuplah setakat ini sahaja ingin saya nyatakan di sini. Semoga rang undang-undang ini dapat memperkukuhkan sistem keadilan negara kita dan seterusnya mewujudkan keamanan dan kemakmuran kepada negara tercinta. Dengan ini saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih. *Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff.

6.33 ptg.

Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk ikut serta dalam perbahasan Akta Kanun Tatacara Jenayah yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin menyentuh perihal di bawah pindaan seksyen 172A yang berkaitan dengan seksyen 51A. Di bawah akta yang sama. Saya melihat terdapat huraian yang kalau dilihat di bawah seksyen 51A masih lagi bersifat kabur kerana perkataan yang digunakan, *certain document,* dengan izin agak terlalu umum atas dasar *public interest* atau kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon soalan ini dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang memerlukan penjelasan seperti yang saya sebutkan di atas.

Di bawah seksyen yang sama, di bawah tajuk *pre-trial conference* dengan izin, tujuan pindaan ini adalah untuk memendekkan masa bagi memberi keadilan agak berbeza sedikit daripada sebelum pindaan yang dicadangkan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan dengan terperinci bagaimana perkara-perkara yang di bawah pindaan ini dapat menguntungkan pihak pembelaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh seksyen 254 di bawah tajuk *Reinstatement of Trial After Discharge,* dengan izin. Izinkan juga saya untuk membaca seksyen 254A dengan izin... *[Membaca petikan]*

> *"(1) Subject to subsection (2), where and accused has been given a discharge by the Court and he is recharged for the same offence, his trial shall be reinstated and be continued as if there had been no such order given."*

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merujuk kepada satu kes baru-baru ini yang melibatkan Khaeryll Benjamin Ibrahim atau Benjy yang ditangkap pada 11 Mac 2010 kerana dipercayai terlibat dengan kes dadah. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pada 20 Mac 2010, pihak polis telah membawa Benjy ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur untuk mendapatkan satu perintah reman ke atasnya yang berdasarkan alasan bahawa mereka perlu menyiapkan siasatan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Satu perintah reman selama tujuh hari telah diberikan oleh mahkamah majistret. Sepanjang tempoh reman selama tujuh hari tersebut, Benjy tidak berpeluang untuk mendapatkan bantuan mahupun nasihat guaman kerana pihak keluarga telah dimaklumkan bahawa beliau tidak boleh diwakili oleh peguam dan tidak ada perlunya untuk beliau melantik peguam kerana tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan oleh peguam.

Pada 18 Mac 2010, tahanan reman telah dilanjutkan selama tujuh hari lagi. Pada 19 Mac 2010, peguam Benjy yang telah dilantik telah pergi ke Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur dengan tujuan untuk berjumpa dan memberikan nasihat guaman kepada beliau selaras dengan Artikel 53 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 28A Kanun Acara jenayah.

Namun demikian, peguam berkenaan tidak berjaya untuk bertemu dengan beliau. Pada 24 Mac 2010, barulah peguam dibenarkan untuk berjumpa dengan pemohon bagi tempoh masa yang singkat iaitu lebih kurang 30 minit sahaja. Pada 25 Mac 2010, Benjy telah didakwa di Mahkamah Majistret Jenayah Kuala Lumpur dengan satu tuduhan memiliki dadah di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya yang boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta Dadah Berbahaya. Mahkamah Majistret telah membenarkan beliau dijamin dengan jaminan sebanyak RM2,000 dengan seorang penjamin.

Pada masa yang sama sejurus selepas urusan ikat jamin selesai, sekumpulan orang berpakaian biasa telah menghampiri Benjy dan menangkap beliau tanpa memperkenalkan diri mereka sebagai anggota polis. Hanya selepas didesak berkali-kali, barulah seorang daripada kumpulan tersebut memperkenalkan diri mereka sebagai pegawai polis dan menyatakan bahawa Benjy telah ditahan di bawah seksyen 3 LLPK iaitu Langkah-langkah Pencegahan Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mengecewakan ialah semasa penangkapan, peguamnya telah dihalang oleh pihak polis dan sekali gus tidak membenarkan sebarang peluang kepada peguamnya untuk memberi khidmat guaman secara efektif kepada anak guamnya semasa insiden penangkapan berlaku. Ini merupakan satu pencabulan hak asasi yang tidak boleh kita terima sama sekali.

Kini penafian kepada khidmat guaman khasnya dalam kes-kes penahanan tanpa bicara menjadi satu amalan di mana para peguam tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan anak guam mereka.

Ini dengan jelas dapat dilihat dalam Deklarasi Hak Asasi Antarabangsa – "*A Universal Declaration Human of Rights*" dengan izin dan Konvensyen Antarabangsa Hak Asasi dan Politik, dengan izin, *International Covenant of Civil and Political Rights*.

Dalam konvensyen tersebut secara terang dinyatakan bahawa dengan izin, "*The ICCPR guaranteed and excuse the rights to defend himself in person or through legal assistance of his own choosing*".

Manakala dengan izin, *United Nations Bodies of Principles for the Protection of All Person Under Any Form* of *Detention or Imprisonment approved by United Nations Assembly in 1998,* menyatakan bahawa dengan izin, *"Guaranteed the rights to meet we counsel why intention and the right to be visited and communicate with number of one family".*

■1840

Sama juga dengan izin, *"United Nations basic principal on the rules of lawyers guaranteed the right council and specific that detainee should be accessed to any attorney as soon practicable after arrest and in any case not later than 48 hours from the time of arrest of detention."*

Tuan Yang di-Pertua, proses penangkapan semula yang dilakukan selepas mahkamah membebaskan tahanan-tahanan, khususnya ditahan di bawah Akta Penahanan Tanpa Bicara atau *Preventive Law*, dengan izin, telah menjadi satu lagi amalan yang semakin membimbangkan kita. Kerap kali apabila mahkamah membebaskan tahanan-tahanan yang ditahan di bawah ISA, EO atau DDA atau LLPK, namun sejurus selepas mahkamah membebaskan tahanan ini, polis akan menangkap semula tahanan-tahanan ini atas alasan yang sama yang digunakan sebelum ini...

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Ya, sila.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang telah Yang Berhormat nyatakan tadi berhubung dengan kes Benjy dan semalam telah pun diputuskan, dia telah ditahan dua tahun. Jadi, adakah keputusan yang dibuat itu oleh mahkamah ataupun keputusan yang dibuat melalui hukuman yang sebenarnya? Saya tidak begitu jelas. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kita minta pihak Menteri memberi jawapan yang lebih tepat kepada soalan Yang Berhormat. Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Ini dengan jelas menunjukkan betapa mahkamah tidak dihormati, malah menghina proses mahkamah dengan melakukan penangkapan semula yang tidak memberi hak perbicaraan kepada tahanan.

Ini adalah salah laku kuasa dan campur tangan yang jelas dalam badan kehakiman. Mahkamah tidak boleh melindungi tahanan, khususnya tahanan-tahanan yang ditahan di bawah akta sedemikian. Malah Konvensyen Hak Sivil dan Politik Antarabangsa juga telah menyatakan dengan jelas dalam artikel mereka bahawa, dengan izin, *"No one shall be liable to be tried or punished again for an offence for which he has already been finally convicted or acquitted in accordance with the law and penal procedure of each country."*

Saya ingin memohon penjelasan melalui pindaan 25A ini, berhubung dengan penangkapan semula dan bagaimanakah perkara ini dapat melindungi hak asasi yang dituduh? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fatimah binti Hamat.

6.43 ptg.

Puan Hajah Fatimah binti Hamat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Tatacara Jenayah 2010 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengalu-alukan inisiatif bagi penambahbaikan dalam sistem pentadbiran keadilan negara seperti mana yang dicadangkan dalam pindaan rang undang-undang ini. Kita faham, *justice delayed justice denied*, dengan izin. Penangguhan kes bukan sahaja boleh menyebabkan kos semakin tinggi tetapi juga merupakan penganiayaan kepada mangsa atau Orang Kena Tuduh (OKT), malah menjadi bebanan kepada peguam yang mengendalikan kes serta imej kepada institusi kehakiman itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mewujudkan mahkamah malam bagi menangani kes tertunggak ini. Antaranya Mahkamah Trafik diadakan pada waktu malam tetapi kemudiannya telah dihentikan. Sementara itu Mahkamah Sivil juga telah melaksanakan prosiding di waktu malam dan dikatakan telah berjaya menyumbang kepada penurunan kes tertunggak. Contohnya, kes tertunggak di Mahkamah Tinggi Dagang di Kuala Lumpur telah berjaya dikurangkan antara 50 peratus hingga 60 peratus. Mengikut Laporan Badan Kehakiman Negara sebanyak 5,691 kes telah berjaya diselesaikan dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini. Sebab itulah kini semakin ramai hakim yang sanggup meluangkan masa hingga malam untuk mendengar sesuatu kes.

Tuan Yang di-Pertua, mahkamah malam ini dilaksanakan di Mahkamah Jenayah. Bagaimanapun, banyak rungutan daripada pelbagai pihak mengenai pelaksanaan mahkamah malam ini kerana melibatkan banyak pihak dari hakim, majistret, jurubahasa, polis, pihak penjara dan sebagainya. Ada ketikanya polis terpaksa berbelanja kepada OKT kerana kes habis lewat malam. Di samping itu kebanyakan mereka yang terlibat adalah wanita yang menghadapi kesukaran membahagikan masa terutamanya selepas waktu kerja sebenar.

Selain daripada itu, yang merisaukan adakah keadilan dapat dilaksanakan dengan sewajarnya, memandangkan masa bekerja yang panjang mungkin mempengaruhi *mood*, dengan izin, atau keadaan perasaan dan fikiran hakim seterusnya keputusan kes.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan setakat ini, sejauh manakah pelaksanaan sistem mahkamah malam mencapai objektifnya. Apakah yang dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan kakitangan terlibat dengan mahkamah malam ini dijaga kepentingannya? Sejauh manakah kerajaan menyediakan *support system*, dengan izin, atau sistem sokongan ke atas mahkamah malam ini dalam membantu mempercepatkan kes jenayah ini dilupuskan serta adakah kajian mendalam dilakukan ke atas kesesuaiannya sistem ini selepas dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan inisiatif mempercepatkan pelupusan kes melalui rundingan prabicara. Saya berpendapat langkah yang diambil ini adalah tepat pada masanya. Kalau dilihat dari segi statistik jenayah yang berlaku pada masa kini, ianya semakin bertambah dari semasa ke semasa, khususnya jenayah buli, ragut, keganasan rumah tangga, rogol, penyeludupan dadah dan sebagainya. Jenayah ini dilakukan atas pelbagai faktor, antaranya, atas pengaruh kawan, keadaan keluarga, kemiskinan dan sebagainya. Jadi penyelesaian kes sebegini perlulah lebih efisien.

Sistem perbincangan prabicara ini difahamkan telah wujud tetapi hanya kini baru diperkenalkan. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pindaan ini saya memohon penjelasan berikut.

(i) apakah jenis kes jenayah yang boleh dirundingkan di bawah pindaan ini? Adakah ia merujuk kepada kes jenayah termasuk kes yang melibatkan hukuman mandatori seperti jenayah bunuh dan penyeludupan dadah?

(ii) apakah *ratio* kes jenayah yang didaftarkan setiap bulan dan kes jenayah diselesaikan setiap bulan? Daripada statistik itu, adakah penyelidikan yang serius dijalankan untuk mengetahui sebab dan alternatif-alternatif untuk mengatasi masalah itu?

■1850

(iii) apakah status orang kena tuduh yang tidak diwakili oleh peguam kerana peruntukan ini merujuk kepada peguam kepada OKT yang akan berunding bersama OKT dan pendakwa; dan

(iv) apakah kerajaan mempunyai prasarana dan kemudahan yang cukup untuk menyokong mekanisme runding cara ini yang memerlukan pegawai yang mencukupi, kemahiran dan sebagainya. Ini kerana bagi membolehkan sistem ini dapat dilaksanakan dengan sewajarnya dengan matlamat untuk mempercepatkan pelupusan kes tetapi matlamat utama memastikan keadilan dilaksanakan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap semoga pelbagai cadangan di dalam rang undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan sewajarnya kerana ianya melibatkan hak asasi manusia dan mungkin juga melibatkan nyawa seseorang.

Kata Hakim Lord Hewart dalam kes R vs. Sussex beliau mengatakan, adalah menjadi keperluan asas bahawa keadilan bukan sahaja dilaksanakan tetapi juga dipastikan yang ia dilaksanakan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumaru.

6.52 ptg.

Dr. Malasingam a/l Muthukumaru: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010. Pindaan terhadap Kanun Tatacara Jenayah akan memberi peluang kepada mangsa jenayah meluahkan perasaannya mengenai kesan yang terpaksa ditanggung sebelum keputusan dibuat. Pindaan yang bertujuan mengiktiraf hak mangsa jenayah itu terkandung dalam Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 yang dipercayai mampu memantapkan dan mempercepatkan proses perbicaraan di mahkamah.

Selain seksyen itu terdapat juga seksyen baru lain iaitu seksyen 172A yang membolehkan tertuduh diwakili oleh peguamnya bersama dengan timbalan pendakwa raya berbincang bagi menyelesaikan beberapa isu berbangkit sebelum proses pengurusan kes bermula. Pada akhir rundingan itu semua perkara yang dipersetujui akan dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak-pihak yang terlibat sebelum dikemukakan kepada mahkamah pada peringkat pengurusan kes.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap agar ruang yang secukupnya diberikan kepada dituduh agar sebarang kenyataan yang dibuat itu boleh dipinda haknya di hadapan hakim dengan alasan yang munasabah. Ini boleh mengelakkan alasan tekanan mental serta tekanan dari penyiasatan semasa dalam tahanan. Saya juga ingin menyentuh agar kementerian yang bertanggungjawab ini dapat memastikan agar pengurusan sesuatu kes ini dapat dijalankan dengan mantap dan teliti. Untuk memastikan matlamat ini dicapai kita harus melihat dari segi kekuatan tenaga kerja yang mengendalikan urusan ini.

Ingin saya bertanya apakah kita mempunyai tenaga kerja pendakwa raya yang cukup, kakitangan mahkamah serta peguam yang menjalankan kerja-kerja defendan itu dapat dijalankan dengan licin. Kegagalan bagi memantapkan tenaga kerja sedemikian boleh membantutkan prosiding mahkamah sambil melewatkan sesuatu kes tersebut sehingga menyebabkan *backlog*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar pengurusan sesuatu kes itu harus dilihat dengan adil dan saksama dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak mahupun yang mempunyai kepentingan ataupun yang tidak. Dengan ini saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

6.55 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan pindaan kepada Kanun Acara Jenayah atau *Criminal Procedure Code (Amendment) Act 2010*, dengan izin.

Saya menyentuh tiga perkara Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya adalah mengenai *pre-trial conference* di bawah bab 18A. Walaupun *pre-trial conference* ini adalah satu prosedur yang bagus dan menepati hasrat kerajaan untuk mempercepatkan proses perbicaraan kes-kes jenayah tetapi saya berpendapat bahawa prosedur ini adalah lebih bersesuaian untuk perbicaraan kes-kes sivil yang mana sistem *case management* telah pun dilaksanakan di mahkamah-mahkamah sivil. Ini adalah kerana dalam satu kes jenayah terutamanya yang melibatkan kes-kes di mana hukumannya adalah hukuman gantung, pihak pendakwaan perlu membuktikan semua inti pati kesalahan tersebut pada tahap melampaui keraguan yang munasabah ataupun *beyond reasonable doubt*, dengan izin.

Jadi di sini pihak pendakwaan dan pihak pembelaan akan mengalami kesulitan untuk bersetuju kepada faktor-faktor kes dan isu-isu yang melibatkan undang-undang kerana secara lazimnya semua isu-isu ini akan ditentang atau dicabar dengan hebat oleh kedua-dua pihak semasa perbicaraan kes tersebut dijalankan. Hakikatnya beban pembuktian kes yang ditanggung oleh pihak pendakwaan di bawah undang-undang akan diringankan dan ini boleh memprejudiskan pembelaan tertuduh.

Di perenggan, (a) seksyen 172A(4) menyatakan, *"identifying the factual and legal issues*..." dengan izin, dan di perenggan (b) pula, *"narrowing the issues of contention..."*, dengan izin. Saya menyatakan bahawa untuk memenuhi kehendak-kehendak seksyen tersebut adakah pihak pendakwaan dalam sesuatu kes jenayah bersedia untuk mengemukakan atau memberikan penyataan saksi-saksi yang diambil oleh pihak polis semasa penyiasatan dijalankan di bawah seksyen 112 Kanun Acara Jenayah kepada pihak pembelaan bagi menentukan atau mengenal pasti semua isu-isu fakta dan keadaan kes tersebut. Sudah tentu tidak. Contohnya dalam kes Yang Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim, pihak polis tidak mahu mengongsi buktinya.

Seksyen 51A Kanun Acara Jenayah juga tidak menyatakan bahawa penyataan saksi seksyen 112 boleh diberikan kepada pihak pembelaan. Namun terdapat sebuah kes yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Johor Bahru menyatakan pemberian dokumen ataupun keterangan di bawah seksyen 51A boleh juga diberikan semasa perbicaraan dijalankan ataupun *during the course of the proceeding*, dengan izin. Secara lazimnya pihak pendakwaan akan memberikan semua keterangan, dokumentari atau sebaliknya kepada pihak pembelaan di bawah seksyen 51A dan ini akan menyebabkan kerumitan untuk pihak-pihak bagi mengenal pasti isu-isu, fakta dan undang-undang untuk diringkaskan, *narrowing the issues of contention*, dengan izin bagi tujuan persetujuan.

Secara ringkas, kes-kes jenayah melibatkan isu-isu, fakta dan undang-undang yang lebih teknikal dan adalah lebih serius jika dibandingkan dengan kes-kes sivil. Secara realiti hakikatnya adalah *pre-trial conference* dan *case management* di bawah bil pindaan tidak boleh dilaksanakan untuk kes-kes jenayah terutamanya kepada kes-kes jenayah serius.

■1900

Jadi, hakikatnya sistem *pre-trial conference* ini akan melengahkan perbicaraan lagi. Perbicaraan kes-kes jenayah di mahkamah kerana *tendency,* dengan izin, untuk mendapatkan penangguhan kes untuk membolehkan persetujuan dicapai dan ia akan mengakibatkan pembuangan masa mahkamah.

Saya mencadangkan, mengekalkan sistem yang sedia ada dan meneruskan dengan pindaan mengenai *plea bargaining.* Saya menyokong pindaan kanun ini setakat ianya melibatkan *plea bargaining* dan pindaan-pindaan lain kecuali pindaan *pre-trial* dan *case management.*

Perkara yang kedua, mengenai *plea bargaining* terutama seksyen 172D(c), saya mencadangkan supaya *bargaining,* dengan izin, mengenai hukuman atau pun *sentence* dengan izin, perlu dibuka untuk dibicarakan di antara pihak pendakwaan dan pihak pembelaan dan diberi kuasa untuk mencadangkan jumlah hukuman iaitu setelah mengambil kira hukuman maksimum dan minimum yang diperuntukkan dalam *Penal Code* kepada mahkamah setelah tawar menawar dibuat dan selesai antara kedua-dua pihak.

Mahkamah sepatutnya tidak boleh dibenarkan untuk menghukum tertuduh, *not more than half of the maximum sentence,* dengan izin, sahaja. Fasal (c) tidak mempunyai apa-apa elemen penawaran jika ini dibenarkan. Sepatutnya mahkamah diberikan kuasa untuk menghukum menggunakan budi bicaranya untuk menjatuhkan hukuman tidak kurang daripada hukuman minimum dan tidak melebihi hukuman maksimum. Mahkamah juga perlu diberi kuasa untuk memberitahu pihak-pihak atau pun tertuduh jika beliau tidak diwakili oleh peguam, hukuman yang akan dijatuhkan jika tertuduh sedia untuk mengaku salah selepas tuduhan dan *factor case* dibacakan kepada tertuduh terutamanya dalam kes-kes yang bukan serius.

Ini akan mempercepatkan lagi proses penghukuman tanpa keperluan *pre-trial conference* atau pun *case management*. Perkara yang ketiga mengenai seksyen 426 pula, terutamanya subseksyen (1). Saya rasa tertuduh tidak perlu dibebankan dengan kos pendakwaan terutamanya bila beliau telah mengaku salah melalui proses *plea bargaining* dan sedia menjalankan hukumannya di penjara. Saya cadangkan supaya pindaan ini sepatutnya dikeluarkan sama sekali. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. Boleh lima minitkah Yang Berhormat?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya akan menyentuh isu-isu yang tidak disentuh lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih.

7.03 mlm

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan rang undang-undang meminda Kanun Tatacara Jenayah. Yang pertama, saya ingin tanya pada pihak kerajaan adakah sekiranya mana-mana peguam tidak mengikut *pre-trial conference* ianya tidak akan dibenarkan untuk meneruskan perbicaraan. Itu yang pertama.

Kedua, adakah kes-kes yang akan dibicarakan di bawah *pre-trial conference* ini, ia akan terpakai sehingga kepada kes-kes yang melibatkan PATI. Pendatang asing tanpa izin di mahkamah-mahkamah PATI. Sekiranya tidak melibatkan PATI, apakah pengecualian kepada PATI. Untuk semua dokumen-dokumen yang telah pun dipersetujui di bawah 172A(1). - (4), (a) sampai (d) yang mana telah pun di *reduced into writing.* Adakah ini diperlukan untuk dimasukkan sebagai dokumen dalam mahkamah? Sekiranya perkara ini tidak di *reduced* dalam bentuk tulisan, adakah segala persetujuan yang telah mereka capai tidak dikira *binding* kepada pihak hakim dan juga kepada pihak pendakwa raya dan juga kepada pihak *accused.*

Di bawah Seksyen 172B.(2)(c), mahkamah akan memastikan *'assist an accused who is unrepresented to appoint an advocate to represent the accused'.* Saya ingin tanya di sini pada pihak kerajaan, bilakah pihak hakim akan pada masa *case management* akan meminta pihak *accused* diwakili oleh peguam. Sama ada peguam itu akan dilantik oleh mahkamah, bila, siapa dan bagaimana.

Berkenaan dengan *plea bargaining* 172C. Kita dimaklumkan di bawah seksyen nombor (5), *'Upon the Court being satisfied..'.* Dalam kes-kes di negara-negara lain, saya tengok yang dimaksudkan ialah bila mana *court approved, plea bargaining* itu akan diterima sebagai satu *application* dan dijadikan satu rekod bila mana *plea bargaining has been approved.*

Dalam negara kita, saya melihat bila *court being satisfied.* Perkara itu akan di *mutually agreed.* Maksud saya di sini, kenapakah kita hanya cukup dengan sekadar *satisfaction* dan tidak perlu pada *approval* daripada hakim.

Untuk *plea bargaining* juga, di bawah (2)(a), (b), (c), *'a brief description of the offense..'*. Yang kedua fasal *declaration.* Yang ketiga, *information*.

Saya ingin tanya pada pihak kerajaan, adakah perlu dinyatakan tentang *state of a sound mind* tentang seseorang tertuduh. Bila mana dia membuat atau pun bersetuju untuk *apply for the plea bargaining.* Berkenaan dengan 183A. Untuk kes-kes yang melibatkan juvana, pihak mahkamah akan memastikan sebelum mana-mana kes perbicaraan dibuat, pihak JKM mesti menghantar laporan bertulis tentang latar belakang kanak-kanak juvana yang tertuduh.

Untuk pindaan 183A., saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah ini bermaksud, "*Victim's or a member of his family's…",* mesti datang sebagai saksi kerajaan atau dia hanya perlu merekodkan ataupun menulis *statement* sebagai satu laporan tentang impak yang tertuduh ataupun *offence* ini kepada *family* mereka.

Begitu juga tentang seksyen 407A. – *"Disposal of seized articles".* Saya ingin minta pada pihak kerajaan untuk mengambil tindakan yang pertama, berkaitan dengan kes bunga api. Di seluruh negara, banyak kes-kes bila berhampiran dengan hari raya, kes tangkapan untuk bunga api. Malangnya bunga api ini tidak dilupuskan dengan kadar segera.

Jadi, selepas pada hari raya biasanya keluarga pihak-pihak yang ada kaitan kadang-kadang itu akan guna, sedangkan bunga api itu diambil daripada tertuduh. Saya minta kalau untuk kes mengenai bunga api ini terus *dispose*. Tidak payah tunggulah. Maknanya, kalau perlu ambil gambar, ambil gambar. Disebabkan perkara ini kadang-kadang jadi macam satu benda yang *backfire* balik pada pihak mahkamah dan juga pihak polis kerana kadang-kadang anak polis pula yang main mercun. Jadi, saya minta sangatlah perkara ini kalau boleh cukup untuk gambar kecualilah yang menyebabkan masalah bom. Itu lainlah.

Jadi, saya pohon dan saya juga ingin bertanya pihak kerajaan adakah perkara ini dibuat sebegini rupa bagi mengelakkan berulangnya kes kehilangan dadah yang disimpan sebagai bahan kes di IPD Johor baru-baru ini. Begitu juga dengan seksyen 407A. (3) di mana barang-barang itu akan di*dispose* bila mana, *"...application made by the Public Prosecutor under subsection (1) with the consent of the accused...".*

Yang saya hendak tanya di sini, bagaimana fungsi saksi kalau perkara itu diminta oleh *Public Prosecutor,* dipersetujui oleh pihak *accused* bila mana saksi atau pun IO atau siapa-siapa yang akan memberi keterangan berdasarkan kepada bahan kes, bagaimana prosedur saksi ini akan mengenal pasti bahan-bahan yang akan menjadi bahan utama kes.

Saya juga ingin bertanya pada pihak kerajaan berhubung dengan sekarang ini kita melihat beberapa kali dalam akhbar melaporkan bahawa terdapat banduan-banduan juvana yang diberi peluang untuk belajar semula. Adakah bila kita dalam keadaan sekarang ini, pihak kerajaan mempunyai peruntukan yang lebih banyak untuk memastikan banduan-banduan juvana diberikan peluang. Mungkin kita boleh pastikan semua IPTA boleh menawarkan perkara untuk memberikan pendidikan kepada para banduan juvana supaya ini membantu masa depan mereka selepas mereka keluar nanti.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan berhubung dengan keselamatan hakim. Ini kerana, minggu lepas saya rasa kita dengar hakim ditampar di kawasan mahkamah sendiri. Saya hendak tanya juga sebab sebelum ini tidak pernah dengar. Jadi, bagaimana tahap keselamatan hakim-hakim kita sekarang. Begitu juga saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah bilangan mahkamah jenayah di negara kita dan beban tugas polis berbanding dengan IP yang mereka pegang.

Ini kerana semua yang kita bincangkan pasal hari ini untuk mempercepatkan perbicaraan kes tidak akan jadi kenyataan kalau IO itu terpaksa pegang 15 IP. Jadi, saya hendak tahu sekarang dari segi KPI kerajaan. Adakah pihak kementerian mempunyai KPI? Berapakah beban tugas polis? Satu polis, satu IO. Berapakah IP yang dipegang?

■1910

Juga berkenaan dengan berapakah pakar DPP Bahagian Jenayah Perdagangan? Negara kita sekarang mempunyai banyak kes yang melibatkan kes-kes perdagangan dan saya difahamkan banyak juga DPP muda yang terpaksa mengendalikan kes-kes setinggi ini... *[Menunjukkan gaya]* Fail yang mereka bawa. Jadi saya hendak tanya berapa orang pakar DPP yang boleh mengendalikan kes-kes perdagangan dan juga kes-kes perdagangan siber supaya kes-kes ini apabila dibawa ke mahkamah, benar-benar dapat membantu dan dapat dibuktikan.

Terakhir, saya mohon pihak kerajaan untuk memberikan satu bajet ataupun elaun lebih untuk para DPP yang dapat pegawai penyelidik khas untuk membantu kes-kes yang melibatkan kes berprofil tinggi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.10 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya mengucapkan tahniah juga di atas keprihatinan Yang Berhormat dalam perkara ini dan saya akan menjawab soalan-soalan yang berbangkit dan relevan mengenai rang undang-undang ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Maijol Mahap telah pun bertanya mengenai *pre-trial conference* dan *plea bargaining* yang mungkin memberi peluang kepada tertuduh untuk memujuk pihak pendakwa raya kerana tidak ada kehadiran pihak mahkamah dalam *pre-trial conference* dan juga *plea bargaining.*

Untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Senator, *pre-trial conference* memang tidak dibuat di hadapan pihak mahkamah kerana ia adalah satu proses sukarela di antara pihak tertuduh yang diwakili oleh peguam sahaja dengan pihak pendakwaan. Ia berdasarkan konsep muafakat. Sekiranya kedua-dua dapat berbincang dan mengenal pasti isu-isu di peringkat awal ini, maka banyak perkara dapat diselesaikan sebelum kedua-dua pihak hadir di hadapan mahkamah. *Pre-trial conference* ini adalah suatu proses permulaan yang secara tidak rasmi.

Ini akan diberikan kepada tertuduh yang diwakili oleh peguam sahaja. Tertuduh yang tidak diwakili oleh peguam mempunyai peluang untuk mengadakan *case management process* di mana pihak tertuduh sekiranya tidak diwakili oleh peguam, akan diberikan pertolongan daripada pihak mahkamah untuk melantik seorang peguam. Jadi bagi *plea bargaining process* pula, ini adalah menjadi satu kewajipan mahkamah untuk memastikan bahawa kedua-dua pihak bertindak secara sukarela, iaitu rundingan akuan juga secara muafakat dan rundingan mereka adalah ditujukan kepada secara sukarela. Iaitu jika salah satu pihak tidak bersetuju dengan terma-terma, maka *plea bargaining* itu tidak akan berjaya. Jadi kes akan diteruskan di hadapan mahkamah yang lain. Kedua-dua proses ini diadakan untuk mempercepatkan penyelesaian kes.

Yang Berhormat Dato' Maijol juga bertanya bagaimana jika kekurangan hakim ataupun majistret dalam perkara ini, berkaitan dengan seksyen 172B. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Maijol dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, dengan adanya pembaharuan tatacara yang dibuat oleh akta yang dicadangkan ini, pihak mahkamah akan mengusahakan supaya lebih ramai majistret dan hakim seksyen akan dilantik. Kerajaan akan memastikan bahawa hasrat di belakang pembentangan akta ini atau tujuan akta ini dapat dilaksanakan. Prosedur kerja hakim seksyen dan majistret akan ditambah baik supaya dapat mencapai tempoh-tempoh yang ditetapkan oleh akta yang dicadangkan ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Maijol juga bertanya bagaimanakah sekiranya mahkamah gagal menjalankan perbicaraan selepas 90 hari seperti yang dinyatakan di dalam rang undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dengan adanya pengurusan kes, mahkamah dapat mengaturkan jadual masanya dan tarikh perbicaraan.

Apabila akta dicadangkan ini berkuat kuasa, mahkamah akan memastikan wujudnya suatu sistem ataupun mekanisme untuk memastikan tiada kes tertangguh kerana apa-apa sebab yang boleh dielakkan. Jika majistret berkursus, mahkamahnya mungkin diambil alih oleh mahkamah ataupun majistret yang lain.

Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar bertanya jenayah yang dilakukan oleh remaja tentang sejauh manakah akta ini boleh digunakan terhadap mereka ini. Untuk makluman Yang Berhormat, soalan ini tidak berkaitan dengan rang undang-undang ini. Akta ini menangani kes-kes tertunggak dan dengan itu memperketat prosedur di mahkamah. Bagaimanapun, NKRA antara tujuannya adalah untuk mengurangkan jenayah jalanan dan juga rasuah dan di bawah NKRA bermacam-macam usaha sedang dilakukan oleh kerajaan untuk memerangi dan menangani kelakuan jenayah supaya dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat juga bertanya kenapakah akta ini yang dicadangkan ini dalam bahasa Inggeris. Untuk makluman Yang Berhormat, Kanun Tatacara Jenayah ialah akta yang dibuat sebelum merdeka dan dengan ini tidak ada teks dalam bahasa Melayu. Akta Bahasa Kebangsaan membenarkan penggunaan teks bahasa Inggeris bagi akta yang belum ada teks dalam bahasa Melayu. Mengikut undang-undang-undang, teks sahih atau teks autoritatif bagi Kanun Tatacara Jenayah adalah teks bahasa Inggeris. Dengan itu, selagi belum ada terjemahan yang belum ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai teks sahih di bawah Akta Bahasa Kebangsaan, maka hanya teks bahasa Inggeris sahaja boleh digunakan secara rasmi dan sahih.

Yang Berhormat Puan Hajah Noriah juga bertanya mengenai keputusan perayu yang bersalah setelah keputusan dijatuhkan yang mana pesalah tidak boleh merayu di bawah seksyen 172E, *plea bargaining process.* Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa di bawah seksyen 172E ini hanya terlibat dalam *plea bargaining* dan ia akan tersangkut dengan seksyen sebelum itu iaitu seksyen 12C dan 12B.

Keputusan tidak boleh merayu ini adalah kerana berdasarkan persetujuan antara kedua-dua pihak tertuduh dan juga pendakwaan. *Plea bargaining process* ini untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, ialah telah pun terlibat dengan kerelaan di antara tertuduh. Sekiranya pihak tertuduh telah pun setuju untuk mengaku salah, jadi pihak tertuduh tidak boleh merayu terhadap perakuan yang telah dibuat olehnya tetapi hanya terhadap *sentencing* iaitu hukuman sahaja.

Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal juga telah pun membangkitkan tentang bagaimanakah peruntukan ini dapat menguntungkan pembelaan.

■ 1920

Untuk maklumat Yang Berhormat, kes terhadap tertuduh dapat diselesaikan dengan cepat, dengan adanya akta yang dicadangkan ini. Proses yang dimasukkan oleh akta yang dicadangkan ini dibuat atas dasar sukarela semata-mata. Jika tertuduh tidak bersetuju untuk mengaku salah, jadi dia tidak boleh dipaksa untuk berbuat demikian atau menerima apa-apa rundingan akuan yang dia tidak bersetuju itu. Jika rundingan akuan tidak bersetuju, jadi seperti yang dikatakan tadi, ia akan didengar di mahkamah yang lain. Pertanyaan juga telah pun dibangkitkan mengenai Akta Dadah Berbahaya iaitu Langkah-Langkah Pencegahan Khas 1985 yang telah pun ditanya oleh Yang Berhormat Senator, mengenai tahanan kepada seorang yang dinamakan Benjy.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, bahawa Akta Dadah Berbahaya, Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985 adalah satu akta untuk mencegah orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau melibatkan pengedaran dadah berbahaya. Jadi pada keseluruhannya, akta ini adalah satu langkah-langkah pencegahan sahaja dan pihak polis diberi kuasa untuk menangkap tanpa waran dan juga menahan bagi maksud penyiasatan orang yang disyaki terlibat dalam kes pengedaran dadah berbahaya. Sekiranya siasatan telah pun lengkap, pihak polis dan pihak berkenaan boleh menahan orang yang disyaki selama dua tahun. Sebelum itu, orang yang disyaki juga boleh ditahan selama maksimum 60 hari sebelum *two years period* dijalankan.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bahawa orang yang kena tahan ini boleh membuat representasi selain daripada membuat permohonan ke mahkamah, di bawah subseksyen '10(1)(9)' kepada Lembaga Penasihat di mana Lembaga Penasihat tersebut boleh membuat penimbangan representasi prestasi daripada orang yang kena tahan itu dan membuat syor-syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Yang Berhormat Senator Hajah Fatimah telah pun membangkitkan mengenai isu apakah kes jenayah yang boleh termasuk dalam rundingan akuan ini. Rundingan akuan terbuka bagi semua jenis kesalahan, tertuduh boleh membuat permohonan untuk rundingan akuan, bagaimanapun pihak pendakwaan akan mengkaji sesuatu kes sebelum ia bersetuju untuk menerima *plea bargaining* itu. *Plea bargaining* adalah secara sukarela di antara kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar telah pun bertanya berapakah bilangan kes-kes jenayah tertunggak mengikut mahkamah bagi setiap negeri. Untuk makluman, bilangan kes jenayah tertunggak di Mahkamah Tinggi setakat 31 Mac 2010 ialah seperti berikut:

Negeri	Kes (Bil.)
Perlis	41
Kedah	257
Pulau Pinang	241
Perak	141
Kuala Lumpur	453
Selangor	621
Negeri Sembilan	80
Melaka	292
Johor	380
Pahang	120
Terengganu	236
Kelantan	217
Sabah	200
Sarawak	104

Bilangan kes jenayah tertunggak di Mahkamah Majistret setakat Mac 2010 adalah seperti berikut:

Bilangan Kes Jenayah Tertunggak di Mahkamah Majistret	
Negeri	**Kes (Bil.)**
Perlis	707
Kedah	3056
Pulau Pinang	5027
Perak	4991
Kuala Lumpur	2590
Selangor	12123
Negeri Sembilan	2244
Melaka	1112
Johor	5668
Pahang	2628
Terengganu	3805
Kelantan	924
Sabah	1893
Sarawak	719

Bagi kes jenayah tertunggak di Mahkamah Sesyen pula, saya akan bekalkan secara bertulis kerana saya hendak ulang balik apa yang saya katakan tadi. Seperti Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal sedia maklum yang telah pun membangkitkan kes Benjy tadi, Mahkamah Tinggi telah pun mengetepikan permohonan *habeas corpus* yang dibuat oleh Benjy dan memutuskan bahawa perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri adalah sah.

Seperti yang saya kata *this is not end of the matter*. Pihak mereka boleh juga membuat permohonan kepada lembaga penasihat untuk membuatkan representasi seterusnya. Yang Berhormat Tuan Dr. M. Malasingam telah pun mencadangkan kenyataan yang dibuat semasa *pre-trial* boleh dibicara di hadapan mahkamah dengan alasan yang munasabah.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Dr. M. Malasingam bahawa tujuan peruntukan ini untuk mendapatkan penyelesaian kes yang memuaskan antara kedua-dua pihak pembelaan dan juga pendakwaan. Jika dibenarkan diubah, maka ia bertentangan dengan tujuan peruntukan ini. Keputusan antara pihak-pihak kedua adalah secara muafakat dan sukarela. Kedua-dua pihak tidak dipaksa untuk bersetuju. Apa yang penting sekali dalam *pre-trial conference* ini, semua tertuduh mesti diwakili oleh pihak peguam untuk mengambil peranan pre-trial *conference* ini. Sekiranya tertuduh tidak diwakili oleh peguam. Jadi *pre-trial conference* ini tidak akan *apply* kepada tertuduh dan tertuduh boleh pada masa kes *management* sekiranya tidak diwakili seperti yang saya katakan tadi, boleh pohon daripada pihak mahkamah untuk mendapatkan perkhidmatan guaman. Sekiranya tertuduh tidak tahu mengenai hak beliau dalam undang-undang, pihak mahkamah telah pun di peruntukkan untuk memberi dorongan kepada pihak tertuduh untuk mendapatkan perkhidmatan guaman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan telah pun menyentuh mengenai seksyen 172A(4)(a) dan (b). Adakah pihak pendakwaan bersedia untuk memberikan kenyataan-kenyataan penting yang diambil daripada tertuduh kepada peguam bela.

■ 1930

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator bahawa seksyen 172A(4)(a) dan (b) berkaitan dengan *narrowing the issues* antara kedua-dua pihak tertuduh dan juga pendakwaan. Dalam hal ini, kedua-dua pihak berbincang antara satu sama lain dan mendapatkan penyelesaian yang memuaskan antara satu sama lain. Penyerahan apa-apa dokumen adalah tertakluk kepada seksyen 51 dan juga seksyen 51A, Kanun Tatacara Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi telah pun bertanya mengenai *victim impact statement*. Adakah *victim* atau ahli keluarganya perlu datang untuk memberi keterangan sebagai saksi?

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa sewaktu mahkamah mendengar mangsa bagi maksud *victim impact statement* ini, kes terhadap tertuduh telah pun selesai. Jadi, isu mengenai sama ada mereka datang sebagai saksi atau pun tidak, tidak wujud lagi. Mereka hanya datang ke mahkamah untuk memaklumkan kepada mahkamah *the suffering as suppose,* yang mereka telah pun alami atas jenayah yang telah pun dilakukan oleh pesalah itu kerana tertuduh pada masa itu telah pun didapati bersalah oleh mahkamah. Sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman, mahkamah ingin mendengar daripada *victim* atau pun ahli keluarga mereka, *victim* itu – satu *statement* mengenai *suffering* yang telah pun di *suffer* oleh mereka.

Jadi, adalah wajar bagi mangsa datang dan memberitahu mahkamah tentang kesan kesalahan atau pun perbuatan tertuduh terhadapnya. Terpulang juga kepada mahkamah untuk memutuskan sama ada ia hendak mendengar sendiri mangsa atau pun boleh menerima keterangan bertulis daripada mangsa. *This victim impact statement* ada juga ia punya kebaikan. Sekiranya biasanya, mungkin pihak mangsa ataupun keluarga mereka kadangkala juga kita mendengar mereka telah pun mengampunkan ataupun *forgive* apa yang telah pun dilakukan oleh tertuduh yang telah pun didapati bersalah dalam kes ini.

Jadi, dalam perkara ini mungkin akan menyenangkan pihak mahkamah untuk menjatuhkan hukuman juga. *Of course, victim* juga akan datang memberitahu mahkamah kesengsaraan yang telah pun dialami oleh mereka atas kelakuan orang yang telah pun didapati bersalah dalam sesuatu kes. *So, it is works both ways* Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga bertanya, bolehkah peguam tidak mahu mengikuti *pre-trial conference?* Untuk maklumat Yang Berhormat, jawapannya ialah boleh. *Pre-trial conference* adalah secara sukarela dan tidak rasmi. Ia adalah berdasarkan muafakat. Pendakwaan antara mahkamah tidak boleh memaksa peguam bela tertuduh kerana tertuduh itu memang diwakili oleh peguam bela dalam *pre-trial conference* untuk berbincang. Jika peguam bela tidak ingin terlibat ataupun bersetuju dengan *pre-trial conference* ini, jadi mahkamah atau pun pihak pendakwaan pun tidak boleh berbuat apa-apa. Tindakan peguam bela itu adalah antara dia dengan anak guamannya.

Sememangnya seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa biasanya pihak tertuduh yang diwakili oleh peguam bela akan memberi *instruction* kepada peguamnya untuk menerima atau pun menolak sesuatu cadangan yang diberikan daripada pihak pendakwaan. Umpamanya dalam kes bunuh seksyen 302. Ada juga di mana pihak pendakwaan boleh menawarkan seksyen yang tidak begitu berat, mungkin seksyen 304, seksyen 304A atau seksyen 304B. Di situlah di mana pihak tertuduh boleh mengarahkan peguamnya untuk menerima atau pun tidak tawaran itu daripada pihak pendakwaan.

Sekiranya telah pun diterima oleh pihak tertuduh, jadi pada peringkat *case management*, pihak peguam boleh memaklumkan kepada hakim persetujuan yang telah pun dicapai di antara pendakwaan dan juga peguam bela tersebut. Ini akan melicinkan perbicaraan dan dapat mahkamah mendengarkan kes itu tanpa mendengarkan *full trial proceeding* dan boleh terus menjatuhkan hukuman sekiranya tertuduh telah pun mengaku salah selepas perundingan tersebut.

Inilah maksud saya apabila saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi sebelum ini. Di mana *Speedy Trial Act* saya tidak masukkan, bahawa kita di negara ini ada satu akta yang dikenali sebagai *Speedy Trial Act* tetapi adalah *speedy trial action.*

Di mana kita dapat menyelesaikan sesuatu kes dengan cepat sekiranya wujudnya satu sistem yang dikenali sebagai *pre-trial conference case management* yang dikenali dalam rang undang-undang ini. Sekiranya ada segala salah faham daripada pihak Yang Berhormat dalam perkara yang telah pun saya hujahkan tempoh hari, saya minta maaf.

Jadi, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga ada bertanya sama ada DPP adakah pakar untuk mengendalikan kes. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator bahawa terdapat 352 orang Timbalan Pendakwa Raya di seluruh Malaysia. Timbalan Pendakwa Raya yang berpengalaman sahaja yang dibenarkan untuk mengendalikan kes-kes perdagangan jenayah dan siber. Cadangan ini ialah untuk memberikan elaun kepada Timbalan Pendakwa Raya adalah dialu-alukan tetapi kajian lanjut perlu dibuat lagi.

Satu soalan yang amat penting daripada Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah ialah mengenai *statement* di bawah seksyen 112, Kanun Tatacara Jenayah. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator bahawa Mahkamah Persekutuan telah pun memutuskan bahawa pernyataan di bawah seksyen 112 tidak perlu dibekalkan kepada tertuduh.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Demikian Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya sempat menjawab soalan-soalan daripada pihak Yang Berhormat Senator dalam rang undang-undang ini. Sekiranya terdapat soalan atau pun apa yang saya tidak sempat menjawab, saya bercadang untuk memberikan jawapan secara bertulis. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1940

RANG UNDANG-UNDANG PERSAINGAN 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.42 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan dan dengan demikian itu melindungi kepentingan pengguna untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, persaingan adalah satu elemen utama dalam strategi ekonomi Malaysia untuk mendorong sesuatu perusahaan atau individu menjadi lebih efisien, inovatif dan memenuhi keperluan pengguna. Pengguna akan dapat menikmati lebih banyak pilihan, harga lebih rendah serta barangan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti. Ekonomi pada keseluruhannya pula akan mendapat manfaat kesan daripada peningkatan hasil produktiviti dan pengagihan sumber yang lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pengenalan Rang Undang-undang Persaingan ini bertujuan memastikan persaingan yang sihat wujud di dalam pasaran dan adalah langkah yang amat sesuai bagi menangani amalan-amalan anti persaingan serta menyediakan perusahaan-perusahaan dalam menghadapi cabaran globalisasi serta liberalisasi. Rang undang-undang ini yang dilihat mampu memberi perlindungan dan kebaikan kepada pengguna di Malaysia dalam menyediakan kepelbagaian barangan atau perkhidmatan pada harga yang lebih kompetitif juga adalah selari dengan hasrat kerajaan memperkenalkan Model Ekonomi Baru sebagai tunjang utama dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Undang-undang ini akan menggalakkan pelaburan kerana memberi keyakinan kepada pelabur bahawa amalan-amalan anti persaingannya dianggap sebagai *rent-seeking* akan dikawal melalui perundingan ini.

Ia juga sepertimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau menyampaikan Model Ekonomi Baru baru-baru ini ekonomi domestik harus menjadi lebih kompetitif dan berdaya saing bagi merealisasikan Program Transformasi Ekonomi Malaysia ke arah melonjakkan kualiti hidup rakyat semua kaum. Ianya selari dengan Dasar Liberalisasi yang diamalkan oleh kerajaan pada masa kini dalam membantu negara muncul sebagai pangkalan operasi pelaburan peringkat serantau dan antarabangsa di samping mengekalkan pelaburan dalam sektor sedia ada seperti sektor sumber dan perusahaan.

Kepada pengguna, amalan antipersaingan akan menghapuskan hak pengguna untuk membuat pilihan. Oleh kerana hak pengguna untuk memilih telah dihapuskan maka perusahaan boleh mengenakan harga yang tinggi bagi sesuatu barangan dan perkhidmatan.

Dengan adanya undang-undang ini hak pengguna secara tidak langsung juga dapat dipelihara. Bagi perusahaan pula, amalan anti persaingan berleluasa boleh menyebabkan pengecualian perusahaan lain daripada sesuatu pasaran. Selain itu, persaingan antara perusahaan untuk memenangi pengguna adalah faktor penting yang mendorong sesuatu perusahaan untuk menjadi lebih efisien dan inovatif.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia kini mempunyai peruntukan undang-undang berkenaan amalan anti persaingan dalam bidang-bidang yang khusus seperti tenaga dan komunikasi tetapi tidak ada suatu undang-undang persaingan yang menyeluruh bagi kesemua sektor. Menurut kajian yang dijalankan oleh pakar-pakar ekonomi, pengenalan rang undang-undang ini juga akan memberikan impak yang besar terhadap ekonomi negara terutamanya dalam menarik pelaburan asing, FDI serta peningkatan keluaran dalam negara kasar (KDNK). Kewujudan persekitaran ekonomi yang menggalakkan persaingan di antara firma-firma memudahkan proses kemasukan bagi perniagaan baru. Hasil kajian juga menyokong penemuan empirikal membawa rintangan kepada persaingan menghalang inovasi pertumbuhan dan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini adalah merupakan undang-undang yang digubal dengan mengambil kira kehendak dan kepentingan negara dan bukannya berdasarkan kepada permintaan atau desakan daripada mana-mana pihak luar terutamanya oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat yang mendesak supaya satu bab berasingan mengenai dasar persaingan diadakan di dalam Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas, *Free Trade Agreement* (FTA). Ia juga adalah selaras dengan matlamat *ASEAN Economic Community* (AEC) *Blueprint* yang menggariskan supaya negara anggota ASEAN mengadakan Dasar Persaingan masing-masing menjelang tahun 2015.

Satu kumpulan kerja di kalangan *ASEAN* telah diwujudkan oleh *ASEAN Experts Group on Competition* di mana KPDNKK merupakan ahli dalam kumpulan ini. *ASEAN Experts Group on Competition* sedang aktif menentukan *roadmap* bagi ahli-ahli untuk mencapai seperti yang ternyata dalam AEC *Blueprint*.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman sehingga kini terdapat lebih daripada 105 buah negara di seluruh dunia telah menguatkuasakan Undang-undang Persaingan. Negara seperti *Mongolia, South Africa* dan juga Sri Lanka juga mempunyai undang-undang ini. Negara seperti Kanada dan Amerika Syarikat merupakan di antara negara terawal yang memperkenalkan Undang-undang Persaingan pada 1889 dan 1890. Manakala United Kingdom telah memperkenalkan Akta Persaingan ada tahun 1998. Di kalangan anggota ASEAN negara-negara yang telah memperkenalkan Undang-undang Persaingan adalah *Thailand* pada 1992, Indonesia 1999, Vietnam 2004 dan Singapura 2005. Manakala Brunei, Laos, *Cambodia,* Filipina, dan *Myanmar* sedang dalam proses memperkenalkan Undang-undang Persaingan di negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian telah meneliti dan menjalankan kajian mengenai Undang-undang Persaingan yang diamalkan di negara-negara lain termasuk di United Kingdom, Australia, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Singapura di mana amalan-amalan terbaik di peringkat antarabangsa ini telah dijadikan rujukan untuk dimasukkan dalam rang undang-undang ini.

Akan tetapi pada masa yang sama kementerian tetap mengutamakan ciri-ciri dan keperluan ekonomi negara secara spesifik atau lebih terperinci dengan konsep ekonomi negara yang kecil dan terbuka.

Kementerian juga aktif mengadakan siri konsultasi awam bersama agensi-agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, GLC serta sektor swasta, Persatuan Pengguna, dan dewan-dewan Perniagaan. Saya ingin berterima kasih kepada semua pihak yang telah memberi pandangan, ulasan dan input semasa proses konsultasi dijalankan oleh kementerian. Untuk makluman rang undang-undang ini turut mengandungi maklum balas dan cadangan yang relevan hasil daripada konsultasi-konsultasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Persaingan ini tidak akan mengandungi peruntukan substantif memilih kawalan ke atas aktiviti percantuman dan pengambilalihan, *mergers* dan *acquisition* setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Negara Malaysia bagi menjamin hasrat kerajaan untuk menggalakkan pembangunan pasaran modal di Malaysia.

■ 1950

Ia juga selaras dengan dasar negara dalam menggalakkan aktiviti *mergers* dan *acquisition* dikalangan perniagaan bagi mengukuhkan ekonomi domestik serta memajukan persaingan korporat global. Perkara ini tidak seharusnya dibimbangkan kerana kajian telah dibuat oleh kementerian menunjukkan bahawa negara-negara seperti EU hanya memperkenalkan *mergers* dan *acquisition* selepas 30 tahun undang-undang mengenai persaingan diperkenalkan. Begitu juga dengan negara Indonesia iaitu selepas 10 tahun dan negara Singapura selepas tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya memaklumkan beberapa ciri utama rang undang-undang ini.

Bahagian I rang undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa, tafsiran dan pemakaian.

Bahagian II terdiri daripada fasal 4 hingga 13. Mengandungi peruntukan mengenai larangan terhadap amalan antipersaingan iaitu perjanjian anti persaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan.

Fasal 4 menyentuh mengenai kategori-kategori perjanjian antipersaingan.

Fasal 6 dan 8 memperuntukkan pengecualian daripada larangan iaitu pengecualian secara individu dan pengecualian secara blok.

Fasal 10 menyentuh mengenai penyalahgunaan kedudukan dominan.

Fasal 11 dan 12 memperuntukkan kuasa kepada Suruhanjaya Persaingan untuk menjalankan kajian semula pasaran.

Fasal 13 mengandungi peruntukan untuk kecualian.

Bahagian III terdiri daripada fasal 14 hingga 34. Memperuntukkan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan bagi Suruhanjaya Persaingan dan menerangkan tatacara penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah perundangan ini.

Bahagian IV terdiri daripada fasal 35 hingga 43. Menyentuh mengenai keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya Persaingan ke atas kes-kes anti persaingan.

Fasal 41 memperuntukkan mengenai rejim kelonggaran bagi perusahaan-perusahaan untuk menyalurkan maklumat kepada Suruhanjaya Persaingan.

Bahagian V terdiri daripada fasal 44 hingga 60. Menyentuh mengenai proses rayuan kepada sebuah tribunal yang dikenali sebagai Tribunal Rayuan Persaingan.

Bahagian VI terdiri daripada fasal 61 hingga 67. Menyentuh mengenai penalti, kompaun ke atas kesalahan, hak tindakan persendirian dan kuasa untuk membuat peraturan dan mengeluarkan garis panduan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, objektif rang undang-undang ini adalah untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dalam menggalakkan dan melindungi proses persaingan. Dengan itu juga melindungi kepentingan pengguna dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Dalam Fasal 3, skop rang undang-undang ini akan terpakai bagi semua aktiviti komersial tanpa mengira status pemilikan atau entiti. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini tidak akan merangkumi aktiviti-aktiviti yang melibatkan kuasa kerajaan secara langsung atau tidak langsung. Aktiviti berasaskan prinsip perpaduan dan sebarang pembelian barangan atau perkhidmatan yang bukan bagi maksud untuk menawarkan semula barangan atau perkhidmatan tersebut sebagai sebahagian daripada sesuatu aktiviti ekonomi. Soal pemakaian rang undang-undang ini adalah selari dengan undang-undang persaingan negara-negara maju seperti Eropah dan United Kingdom. Sehubungan itu, sebarang aktiviti perolehan yang dijalankan oleh kerajaan, *government procurement* tidak akan dikawal selia oleh Rang Undang-undang Persaingan ini.

Namun demikian, pembida-pembida semasa proses aktiviti perolehan kerajaan ini adalah tidak dikecualikan daripada larangan rang undang-undang ini. Larangan-larangan seperti perjanjian anti persaingan contohnya, penetapan harga pasaran dan *bid rigging* dan penyalahgunaan kedudukan dominan adalah terpakai terhadap pembida-pembida terbabit. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, 25 peratus daripada kes-kes persaingan di negara membangun melibatkan *bid rigging*.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah negara yang mempunyai konsep ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia turut terdedah dengan kesan aktiviti-aktiviti anti persaingan daripada entiti perniagaan yang beroperasi di luar negara. Oleh yang demikian, fasal 3 dalam rang undang-undang ini juga memperuntukkan pemakaian *extra territorial* terhadap sebarang pelanggaran di bawah rang undang-undang yang membenarkan tindakan undang-undang diambil terhadap suatu amalan anti persaingan yang dijalankan di luar negara jika aktiviti komersial luaran tersebut memberi kesan kepada persaingan di dalam Malaysia. Ini adalah penting kerana dasar liberalisasi pasaran yang sedang diamalkan oleh bukan sahaja Malaysia tetapi juga negara-negara lain dirantau ini.

Beberapa peruntukan dalam rang undang-undang ini mengandungi larangan-larangan terhadap perjanjian anti persaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang menghalang, mengehadkan atau mengganggu persaingan. Fokus utama kerajaan bukanlah untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap kesemua bentuk aktiviti yang bersifat anti persaingan tetapi, untuk menghalang aktiviti yang ternyata memberi kesan negatif terhadap persaingan dalam pasaran atau tidak mempunyai manfaat secara langsung kepada ekonomi. Dalam menentukan sama ada sebarang aktiviti atau perjanjian bersifat anti persaingan, pertimbangan akan diberikan, jika terdapat faedah yang signifikan dan dapat dikenal pasti dari segi teknologi dan inovasi, produktiviti atau tahap *efficiency* ekonomi untuk jangka masa panjang.

Langkah ini dapat memastikan kerajaan tidak menghalang perkembangan inovasi dan pembangunan perniagaan. Bahagian II, bab I dan II, rang undang-undang ini mengandungi peruntukan mengenai amalan anti persaingan yang mana melarang sebarang bentuk perjanjian, keputusan dan amalan yang akan menghalang, mengehadkan atau mengganggu persaingan dalam pasaran. Ini merangkumi sebarang bentuk perjanjian di antara perusahaan untuk menetapkan harga, mengurangkan kuantiti barangan atau perkhidmatan yang dijual atau berkongsi pasaran.

Dengan itu, rang undang-undang ini mengandungi dua larangan utama amalan anti persaingan iaitu larangan terhadap perjanjian anti persaingan. Contoh-contoh perjanjian anti persaingan adalah aktiviti penetapan harga, *price fixing.* Perjanjian pembahagian pasaran, *market allocation* atau *bid rigging* dan larangan terhadap penyalahgunaan kedudukan dominan. Contoh-contoh penyalahgunaan kedudukan dominan oleh sesuatu perusahaan adalah menetapkan harga belian atau jualan yang tidak adil atau penjualan barangan atau perkhidmatan di bawah kos.

Bab I, fasal 6 hingga 9 rang undang-undang ini juga memperuntukkan pengecualian daripada larangan perjanjian anti persaingan iaitu pengecualian individu dan pengecualian blok. Jika sesuatu perusahaan berjaya memenuhi kesemua kriteria-kriteria berikut:

(f) terdapat faedah yang signifikan yang dapat dikenal pasti dari segi teknologi, kecekapan atau sosial yang berbangkit daripada perjanjian itu;

(g) perjanjian tersebut adalah suatu keperluan untuk mendapatkan faedah tersebut dalam perkataan lain, faedah tersebut tidak dapat dicapai dengan cara lain melainkan dengan memasuki dalam perjanjian tersebut*;*

(h) kesan negatif perjanjian tersebut adalah bersekadar, *proportionate* dengan izin, dengan faedah yang diberikan; dan

(i) perjanjian tersebut tidak membenarkan perusahaan yang berkenaan untuk menghapuskan persaingan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat juga peruntukan mengenai kecualian, *exclusion* dalam Bahagian IV, fasal 13 iaitu yang pertama, sesuatu perjanjian atau perlakuan setakat yang ia terlibat dalam satu perintah untuk mematuhi sesuatu kehendak perundangan. Kedua, aktiviti perundingan kolektif atau perjanjian kolektif. Ketiga, sesuatu perusahaan yang diamanahkan dengan pengendalian perkhidmatan yang berkepentingan ekonomi am.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini tidak akan memperuntukkan sebarang pengecualian khusus kepada GLC. Ini disebabkan seperti mana yang dijelaskan, rang undang-undang ini akan mengawal selia semua aktiviti komersial tanpa mengira status pemilikan atau entiti. Oleh itu, segala aktiviti komersial GLC tertakluk kepada rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, GLC seperti mana perusahaan-perusahaan lain boleh mendapatkan pengecualian sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah fasal 5 rang undang-undang ini.

Pemakaian Rang Undang-undang Persaingan ke atas GLC adalah perlu memandangkan penglibatan GLC di dalam pasaran Bursa Malaysia adalah melebihi 36 peratus pasaran tempatan. Ia juga selari dengan hasrat transformasi GLC untuk mewujudkan GLC yang mampu bersaing dengan yakin di peringkat domestik dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bahagian III, fasal 14 hingga 34, Suruhanjaya Persaingan akan diberikan kuasa untuk melaksanakan tugas-tugas penyiasatan dan penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti anti persaingan.

■2000

Selain itu, fungsi anggota Suruhanjaya Persaingan adalah menilai dan mempertimbangkan kesemua kes-kes perlanggaran Undang-undang Persaingan yang dirujuk kepadanya oleh pegawai Suruhanjaya Persaingan untuk menjatuhkan hukuman penalti ke atas pihak yang terbabit. Selain penalti wang, pihak yang terbukti melanggar Undang-undang Persaingan boleh dikenakan tindakan saman oleh pihak yang menanggung kerugian atau kerosakan.

Bahagian V, fasal 44 hingga 60, Rang Undang-undang Persaingan membenarkan proses rayuan dilaksanakan.

Keputusan perlanggaran-pelanggaran, jumlah penalti yang dikenakan dan *interim measures,* dengan izin, yang dibuat oleh Suruhanjaya Persaingan boleh dirayu oleh mana-mana orang yang terjejas dengan keputusan tersebut kepada sebuah tribunal yang dikenali sebagai Tribunal Rayuan Persaingan. Keanggotaan Tribunal Rayuan Persaingan ini akan terdiri daripada seorang pengerusi dan tujuh hingga 20 orang ahli lain. Pelantikan Presiden Tribunal dibuat berdasarkan pencalonan oleh Ketua Hakim Negara kepada Menteri dan dipanjangkan kepada Perdana Menteri. Pengerusi Tribunal adalah terdiri daripada mana-mana hakim Mahkamah Tinggi yang dicalonkan oleh Ketua Hakim Negara.

Kerajaan akan melaksanakan Undang-undang Persaingan secara berperingkat. Ini bertujuan untuk menyediakan ruang dan masa bagi Suruhanjaya Persaingan dan perusahaan bersiap sedia sebelum Undang-undang Persaingan ini dikuatkuasakan.

Dalam fasa pertama yang akan berkuat kuasa sebaik sahaja Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen, hanya peruntukan untuk menubuhkan Suruhanjaya Persaingan akan dilaksanakan. Seterusnya, tempoh peralihan masa 18 bulan akan di peruntukan sebelum peruntukan-peruntukan utama rang undang-undang ini dikuatkuasakan. Semasa proses peralihan tersebut, Suruhanjaya Persaingan akan menjalankan lebih banyak program di peringkat industri, persatuan, dewan-dewan perniagaan, dan juga sektor awam untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman mengenai undang-undang ini.

Pengalaman perlaksanaan undang-undang seperti ini di luar negara menunjukkan bahawa negara-negara asing terlebih dahulu menjalankan program-program *advocacy,* dengan izin, sebelum ianya dikuatkuasakan. Singapura memperkenalkan undang-undang seperti ini pada tahun 2005 tetapi ianya dikuatkuasakan setahun kemudian. Di Indonesia pada tahun 1999 telah menumpukan implementasinya kepada *advocacy* dan pada tahun 2005 telah mengambil satu kes sahaja. Jepun yang memperkenalkan undang-undang persaingan pada tahun 1947 bertumpu kepada *advocacy* dan kes pertama hanya diambil selepas 40 tahun. Pendekatan secara progresif dan berperingkat ini akan memberi masa bagi perusahaan-perusahaan dan Suruhanjaya Persaingan untuk bersedia menerima dan melaksanakan penguatkuasaan Undang-undang Persaingan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menguatkuasakan peruntukan seperti yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang Persaingan, Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan turut digubal bagi tujuan penubuhan satu suruhanjaya yang dikenal sebagai Suruhanjaya Persaingan. Suruhanjaya ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan Undang-undang Persaingan di Malaysia dijalankan dengan telus, teratur serta bebas daripada pengaruh luar serta mempunyai kemampuan untuk menerima aduan, melaksanakan penyiasatan, mengenakan hukuman bagi pelanggaran di bawah Undang-undang Persaingan, dan merangka prosedur yang terperinci mengendalikan penyiasatan dan prosiding.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan ini akan turut dibaca kali kedua di sesi Parlimen ini juga.

Bahagian VI, fasal 64 rang undang-undang ini memperuntukkan hak permohonan tindakan persendirian, *private action,* dengan izin, bagi pihak yang menanggung kerugian selepas diputuskan oleh Suruhanjaya Persaingan, yang mana tindakan ini juga boleh dianggap sebagai langkah tambahan terhadap pencegahan anti persaingan.

Bahagian II, fasal 11 dan 12 memperuntukkan kuasa kepada Suruhanjaya Persaingan untuk menjalankan kajian semula pasaran *(market review),* dengan izin, dalam menentukan sama ada terdapat sebarang unsur yang boleh menghalang, mengehadkan atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian mempunyai keyakinan sepenuhnya bahawa rang undang-undang ini akan membawa kepada suatu keadaan di mana pasaran akan bertindak secara efisien dan keyakinan pelabur akan meningkat kerana ia satu-satunya undang-undang yang akan mengawal selia tatacara pasaran dengan izin, *behavior of market*.

Kenyataan bahawa persaingan secara prinsipnya memberikan kesan terbaik kepada keseluruhan skop ekonomi sememangnya diakui dan dipersetujui dalam kebanyakan ekonomi negara-negara lain. Sebagaimana konsep persaingan dalam bidang sukan, persaingan dalam bidang ekonomi hanya akan berfungsi dengan adanya undang-undang dan peraturan, *race* yang perlu dipatuhi. Rang undang-undang ini memperuntukkan undang-undang dan peraturan tersebut dan menyediakan kerangka undang-undang bagi peserta-peserta di bawahnya bersaing secara adil. Oleh itu, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini adalah amat diharapkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan dan dengan demikian itu melindungi kepentingan pengguna dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Persaingan 2010. Saya suka untuk membahaskan rang undang-undang ini kerana bertepatan dengan minat saya yang suka pergi *shopping*. Pengalaman saya *shopping* cukup banyak terutama masalah membeli barang.

Malaysia sepatutnya sudah merangka untuk menggubal Rang Undang-undang Persaingan ini. Kita agak terkebelakang. Ini kerana undang-undang ini adalah untuk melindungi kepentingan pengguna. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebut, *"Persaingan adalah satu elemen utama dalam strategi ekonomi Malaysia untuk mendorong perusahaan atau individu menjadi lebih efisien, inovatif dan memenuhi keperluan pengguna"*.

Yang pentingnya pengguna lebih banyak mendapat pilihan. Jika banyak persaingan dalam penjualan barangan, sudah tentu harganya akan lebih murah dan barangan dan perkhidmatan akan lebih berkualiti. Persaingan juga akan meningkatkan hasil produktiviti dan yang paling penting hak pengguna sentiasa terpelihara.

Yang disebut tadi amalan anti persaingan akan dapat dikawal dengan adanya undang-undang ini. Dalam kehidupan harian Yang Berhormat, kita pengguna ini sentiasa ditipu. Tidak kira mana kita pergi, kita sentiasa ditipu oleh mereka yang menjual barangan.

Umpamanya kalau kita pergi di Pertama Kompleks membeli satu helai baju *Polo* berjenama *Hackett*, harganya RM150 tetapi kalau kita pergi ke Petaling Street, kedainya berderet-deret sampai hendak masuk pun tidak boleh, harga sehelai baju Polo berjenama Hackett yang sama di Pertama Kompleks bernilai RM50. Nampak keuntungan atas angin sebanyak RM100. Selanjutnya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Di pusat membeli belah selalu ada tanda harga, harga yang dipanggil harga *fix price*. Kalau di Indonesia dia kata, *"Bapak, harga pasti, tidak boleh tawar lagi."* Bezanya, barangan ataupun baju ataupun kasut di Jalan Tunku Abdul Rahman yang sewanya lebih murah, kalau kita pergi ke KLCC, kasut dan baju yang sama, harganya akan lebih tinggi kerana konon-kononnya sewanya tinggi.

■ 2010

Tempatnya hebat, *first class* ada kelas. Oleh sebab itu kita selalu dikaburi dengan tanda-tanda harga ini. Saya tidak tahulah hendak sebut, taktik penjual ini selalunya meletakkan harga-harga yang nampak pelik sedikit tetapi lebih kurang sama. Misalnya, harga RM49.99 sama dengan harga RM50 tetapi mereka selalu meletakkan harga RM49.99 ataupun RM1,499.99 sama juga dengan RM1,500 tetapi, kita sebagai pengguna selalu tertipu. Kita selalu memilih harga yang RM99.99 sen daripada harga RM100.

Dalam hal ini saya ingin bertanya kepada kementerian Yang Berhormat bagaimana akta ini boleh mengawal peniaga yang suka memperdaya pengguna, di manakah tempat kita hendak mengadu di kementerian atau di suruhanjaya yang ditubuhkan ini?

Selain daripada itu Yang Berhormat tadi ada menyebut tentang anti persaingan. Saya ingin bertanya adakah monopoli ini sebahagian daripada anti-persaingan? Apakah dengan adanya rang undang-undang ini kerajaan akan membuka lebih banyak peluang kepada perusahaan yang dimonopoli oleh satu syarikat? Misalnya perusahaan barangan kawalan iaitu gula dan beras. Setakat ini AP gula hanya dimonopoli oleh syarikat yang dimiliki oleh keluarga Robert Kuok dan beras pula dimonopoli oleh BERNAS.

Tidak ada peluang bagi orang lain atau syarikat lain untuk mendapat AP ini ataupun untuk menjual beras. Adakah dengan adanya rang undang-undang ini AP beras dan gula akan dibuka kepada lebih banyak syarikat? Kalau dibuka kepada lebih banyak syarikat lebih banyak persaingan akan berlaku dan harganya sudah tentu lebih murah.

Akhir sekali saya hendak tanya tentang FOMEMA iaitu syarikat yang diberi tugas untuk pemeriksaan bagi pekerja-pekerja asing hanya kepada satu syarikat FOMEMA. Kalau dibuka kepada syarikat-syarikat lain apakah persaingannya akan lebih baik ataupun ada tujuan-tujuan lain kena bagi satu syarikat sahaja takut pekerja-pekerja asing ini banyak hal. Kita tahu. Jadi, itulah sahaja beberapa pandangan saya dan saya ucapkan terima kasih. Dengan ini saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali.

8.13 mlm.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menyentuh sedikit sebab sudah lewat ini. Pertama saya ingin menyambung apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan. Di bawah Bab 1 fasal 4, Tuan Yang di-Pertua. Saya menambahkan contoh, adakah ia boleh merungkaikan monopoli yang dinikmati oleh pengeluar simen dan juga alat ganti.

Keduanya saya ingin menarik perhatian sejauh mana pelaksanaan fasal 20 tidak bertentangan dengan fasal 32.

Seterusnya yang ketiga, saya ingin bertanya sejauh mana dengan bercambahnya *hypermarket* sekarang tidak membunuh sebaliknya boleh membantu para peruncit dan juga para IKS yang disasarkan 30 peratus penyertaannya. Untuk itu saya ingin tahu berapakah tahap penyertaan IKS yang dibantu oleh *hypermarket* dan bilakah sasaran 30 peratus itu boleh dicapai.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian – saya ucapkan tahniah di atas penggubalan akta rang undang-undang ini kerana salah satu faktor yang menjadi penghalang ialah tentangan yang akan diberikan oleh dengan izin *sectoral regulators,* contohnya AC dan juga MMC tetapi, dalam hal ini ia sudah dapat diatasi dengan wujudnya Suruhanjaya Persaingan.

Ada satu lagi perkara yang ingin saya menarik perhatian iaitu satu cabaran yang saya lihat tidak diketengahkan bagaimana hendak diatasi iaitu bagaimana kita hendak mengharmonikan dasar-dasar dan undang-undang yang ada sekarang ini supaya ia tidak bertentangan malah boleh *complement* antara rang undang-undang ini dengan dasar yang ada. Contohnya, kita ada dasar apa yang dipanggil *import substitution* kerana hendak melindungi kereta nasional dan bagaimana ia tidak berkonflik dengan rang undang-undang ini. Begitu juga dengan dasar memberikan agihan kekayaan supaya ia tidak berkonflik dengan rang undang-undang ini.

Akhir kata saya ingin menzahirkan optimisme saya dengan terlaksananya rang undang-undang ini nanti *competitiveness* negara, dengan izin, boleh meningkat. Pada masa ini kalau kita lihat *World Economic Forum Indicator* (WEF) kita berada di kedudukan yang ke-24 menurun daripada kedudukan yang ke-21.

Kedua, kalau kita lihat World Bank – *East of Doing Business Indicator*, kita berada di kedudukan yang ke-23, lebih teruk daripada Thailand yang mana jauh lebih baik daripada kita. Lebih sedih lagi pada masa ini kalau berdasarkan *Economic Freedom Indicator* kita berada di tahap yang ke-59, Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang mana kita jauh lebih teruk daripada Botswana yang mempunyai kedudukan yang lebih baik iaitu di tangga ke-28. Oleh itu saya yakin dengan dilaksanakan rang undang-undang ini maka tahap daya saing negara akan meningkat. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

8.17 mlm.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba hendak memberi pandangan yang umum dan ringkas sahaja.

Pertama sekali saya mengalu-alukan rang undang-undang kerana saya lihat bahawa ia akan memberikan keuntungan kepada masyarakat terutama sekali kalau dikendalikan dengan baik kepada masyarakat yang berpendapatan rendah. Selalunya kita ambil lawan kepada persaingan ialah monopoli ataupun *cartel.* Dalam hal ini *cartel* merupakan ekstremnyalah tetapi, dalam negara kita ini seperti yang telah disebutkan oleh dua Ahli Yang Berhormat sebelum saya tadi memang wujud monopoli. Jadi, adakah misalannya rang undang-undang ini meliputi perkara-perkara yang melibatkan monopoli yang lebih besar sama ada dari segi pengedaran barang-barang ataupun pengeluaran barang-barang.

Saya menganggap bahawa lebih penting dan memang menguntungkan kelak jika ada persaingan di peringkat kedai-kedai ataupun syarikat-syarikat. Akan tetapi saya lihat adalah lebih besar ertinya kepada negara dan masyarakat jikalau misalannya dapat dikendalikan atau lebih baik dapat dikawal, terutama sekali monopoli yang berlaku pada masa ini.

Monopoli yang berlaku pada masa ini kita lihat bukan sahaja pada peringkat awam, pada peringkat kerajaan, tetapi juga pada peringkat swasta. Pada peringkat awam misalannya memang ada monopoli. Kalau diambil misalannya BERNAS tadi ia boleh dikatakan berkaitan dengan kerajaan – GLC, dan kalau kita ambil pula misalannya pengendalian air dan elektrik kita dapati memang ada monopolinya. Akan tetapi bagi saya kemudahan-kemudahan awam seperti air dan api ini ada baiknya kalau dikendalikan oleh pihak pemerintah sendiri. Syaratnya pemerintah akan melihat bahawa kepentingan rakyat, terutama sekali rakyat daripada berpendapatan rendah akan dilindungi.

■ 2020

Akan tetapi yang lebih serius ialah monopoli di peringkat swasta dan seperti yang disebutkan tadi. Saya memang hendak menyebut ini juga tetapi telah disebutkan iaitu seperti misalnya penjualan dan pengeluaran gula yang dikendalikan dan dimiliki oleh orang yang terkaya sekali di Malaysia ini. *Right on the top of first 40* yang terkaya di negara ini.

Jadi saya rasa adalah lebih menguntungkan sekiranya dapat dipelbagaikan pemilikan dan peluang untuk mengedarkan gula ini dengan harapan bahawa persaingan yang sihat, persaingan yang bersih akan dapat menurunkan lagi dan mengawal lagi, barangkali, harga gula. Ini mungkin pada teorinya sahaja kerana pada amalannya ia memerlukan misalnya pengawalan dan tindakan-tindakan yang tegas dari pihak pemerintah sendiri.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada wujud atau tidak kaitan monopoli kerajaan ini dengan soal penswastaan. Adakah bila dilakukan penswastaan, ini akan menimbulkan misalnya unsur-unsur persaingan? Kalau kita lihat, penswastaan boleh berlaku secara keseluruhannya ataupun sebahagian sahaja. Kita ambil satu contoh yang negatif iaitu tenaga elektrik misalnya. Kita lihat bahawa sebahagian daripada urusan-urusan atau pengeluaran bahan-bahan elektrik telah diswastakan terutama sekali kepada *Independent Power Producer* iaitu IPP.

Kita lihat di sini bila berlaku itu, yang mendapat keuntungan besar adalah IPP sendiri dan IPP ini diberikan terutama sekali kepada orang-orang yang dapat dikatakan sebagai kroni misalnya, maaf saya menggunakan perkataan itu. Jadi kalau kroni dapat ini, mereka dapat harga yang tetap, mereka tidak akan rugi apa-apa pun dan Tenaga terpaksa membeli daripada mereka. Walau apa pun keadaan, mereka terpaksa membeli dengan harga yang telah ditetapkan oleh IPP itu dan inilah satu sebab yang menimbulkan kerugian kepada Tenaga Elektrik. Jadi kita harus perhatikan sama ada sesuai atau tidak, kita mengadakan pengawalan bukan sahaja dari segi monopoli, *private* dan awam. Harus melihat sama ada tindakan-tindakan menswastakan seluruhnya ataupun sebahagian daripada usaha ekonomi atau aktiviti ekonomi kerajaan mendatangkan keuntungan atau tidak kepada badan-badan seperti Tenaga Elektrik tadi.

Saya merasakan bahawa kita harus jelas dan ini saya tidak nampak jelas sangat dalam rang undang-undang ini. Kita harus jelas melihat sama ada yang dimaksudkan dengan menggalakkan persaingan ini adalah dengan semata-mata mengadakan undang-undang atau peraturan-peraturan yang mengawal gerakan anti persaingan. Saya ingin melihat lebih tinggi lagi *level*nya iaitu ia pergi kepada, sekiranya boleh dan ini akan mengambil masa yang lama lagi barangkali, untuk mengawal monopoli-monopoli yang terdapat di peringkat awam dan terutama sekali di peringkat swasta.

Dalam hal ini saya rasa kita belum lagi menghadapi masalah *cartel* tetapi soal monopoli kita ini kalau tidak kawal, boleh mendatangkan keburukan-keburukan kepada negara dan masyarakat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Senator Ramakrishnan.

8.24 mlm.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya membahaskan Rang Undang-undang Persaingan dan saya akan bahas dengan ringkas sahaja. Ada tiga perkara Tuan Yang di-Pertua, pertama ialah saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa adakah undang-undang ini merangkumi segala perjanjian yang tidak rasmi dan amalan-amalan yang dipersetujui antara syarikat tanpa sebarang perjanjian secara bertulis dan mempunyai kesan untuk mengurangkan persaingan di pasaran? Adakah rang undang-undang ini juga harus merangkumi segala amalan-amalan secara antarabangsa yang memberi kesan mengurangkan persaingan di pasaran?

Perundangan ini perlu memastikan kedudukan syarikat-syarikat kecil di pasaran dan hak-hak minoriti di sesebuah syarikat tidak terjejas iaitu tidak bercanggah dengan *company law*. Harap undang-undang ini juga mengambil kira kesihatan orang ramai, barang-barang keperluan dan juga mengenai keperluan alam sekitar.

Perkara kedua ialah saya mencadangkan bahawa suruhanjaya mengumumkan semua penggabungan dan pengambil alih oleh mana-mana syarikat kepada awam untuk mendapat respons serta komen daripada awam jika proses penggabungan dan pengambil alih terdapat apa-apa ciri anti persaingan yang tersirat. Tujuan cadangan ini ialah untuk mendapat respons dari pihak-pihak di pasaran yang mungkin dapat melihat ciri-ciri anti persaingan dalam proses tersebut. Ini juga ialah amalan di negara-negara lain seperti di Singapura.

Oleh itu suruhanjaya haruslah mereka satu sistem bagi menerima komen dan pendapat-pendapat orang awam. Sebagai contoh melalui media atau *website*. Perkara ketiga ialah adakah satu lembaga rayuan ditubuhkan untuk menangani perselisihan dalam keputusan yang diambil oleh suruhanjaya dan syarikat-syarikat dalam proses penggabungan dan pengambil alih. Penubuhan lembaga rayuan juga diperlukan bagi menangani segala keraguan salah fahaman dan perbezaan pendapat oleh syarikat-syarikat dengan keputusan suruhanjaya. Dengan ini tiada siapa pun dapat menyalahkan suruhanjaya bagi apa-apa keputusan yang diambil. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.27 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang undang-undang Persaingan ini.

Segala pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator akan diberi perhatian dan akan diambil maklum oleh kementerian dan saya akan menjawab isu-isu yang berbangkit serta relevan dengan akta ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali serta Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah pun membangkitkan isu monopoli. Rang undang-undang ini sebenarnya tidak akan menghalang kewujudan monopoli. Rang undang-undang ini hanya akan mengawal selia penyalahgunaan kuasa dominan oleh perusahaan, namun demikian melalui fasal 11 iaitu Suruhanjaya Persaingan mempunyai kuasa untuk membuat kajian dan akan membuat cadangan jika dirasakan perlu.

Sebenarnya buat masa ini suruhanjaya tidak akan menghalang kuasa monopoli Fomema dan Bernas dan lain-lain lagi kerana monopoli yang telah dianugerahkan oleh kerajaan kepada perusahaan-perusahaan tersebut mempunyai kebaikan terutama dari segi nasional sekuriti, *food security* dan kepentingan sosial. Namun demikian sebarang penyalahgunaan kuasa pasaran yang dimiliki oleh perusahaan tersebut, suruhanjaya ini boleh mengambil tindakan di bawah fasal 10.

■ 2030

Yang Berhormat Senator Datuk Rizuan juga telah pun bertanyakan tentang *fixed price*, iaitu harga berlainan di tempat berbeza dan bagaimana akta ini boleh membantu pengguna. Rang undang-undang ini hanya akan mengawal perjanjian yang mempunyai amalan anti persaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan, iaitu isu mengenai harga yang berlainan di antara tempat yang sebenarnya tidak menjadi satu kesalahan di bawah akta rang undang-undang ini. Dengan adanya rang undang-undang ini juga ia akan memberikan lebih pilihan kepada pengguna untuk memilih barangan atau perkhidmatan dengan harga yang lebih kompetitif.

Datuk Akbar Ali juga telah pun bertanya tentang tahap IKS dibantu oleh *hypermarket* dan bila kiranya boleh dicapai 30 peratus. Masih lagi IKS untuk menembusi dalam produk mereka ke *hypermarket* buat sementara ini adalah kurang daripada 10 peratus iaitu antara 7 peratus hingga 8 peratus sahaja. Kementerian sebenarnya sedang mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap *hypermarket* supaya produk-produk IKS ini dapat diberikan peluang untuk masuk ke *hypermarket* ini. Sebenarnya pihak kementerian telah pun mengadakan begitu banyak siri konsultasi bersama dengan IKS dengan *hypermarket* dan juga *business matching* bersama pihak IKS dan *hypermarket* ini. Kita bagi pihak kementerian akan membuat sedaya-upaya supaya sasaran 30 peratus ini akan tercapai.

Begitu juga dengan iaitu Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, bercakap tentang kaitan monopoli dan penswastaan. Apabila penswastaan dilakukan pada awal tahun 1980-an. Sumber-sumber adalah terhad, *we have very limited sources,* dengan izin, oleh itu kerajaan hanya memberikan lesen kepada satu pengendali sahaja. Namun demikian penswastaan adalah satu lagi dasar kerajaan untuk menguruskan sumber yang terhad.

Monopoli terbahagi kepada beberapa jenis iaitu *regulated monopoly and natural monopoly.* Dengan rang undang-undang ini dasar kerajaan juga akan dikaji untuk menentukan ia selaras dengan Rang Undang-undang Persaingan ini.

Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah juga ada ketengahkan maksud perjanjian sama ada tempat perjanjian formal. Sebenarnya untuk menyatakan sama ada tempat perjanjian itu formal ataupun tidak, saya ingat tidak ada sebab taksiran untuk perjanjian merangkumi apa-apa bentuk kontrak perkiraan atau persefahaman sama ada boleh ataupun tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang antara perusahaan dan termasuklah satu keputusan oleh sesuatu perusahaan atau amalan bersepadu.

Begitu juga di antara *merger* dan *acquisition* yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Undang-undang ini akan tidak mengawal selia sebarang aktiviti percantuman iaitu *acquisition mergers* dan *acquisition*. Isu *merger* dikawal selia oleh *Security Commission* dan untuk rayuan terhadap sebarang keputusan suruhanjaya boleh dikemukakan kepada satu tribunal rayuan dan yang diwujudkan melalui bahagian lima Rang Undang-undang Persaingan tersebut. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membawa beberapa isu berkaitan dengan Rang Undang-undang Persaingan ini. Itu sahaja dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang..

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 67 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERSAINGAN 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.37 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Persaingan untuk menyatakan kuasa dan fungsi suruhanjaya itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang kita sedia maklum, pihak kementerian telah memperkenalkan Rang Undang-undang Persaingan yang antara lainnya bertujuan untuk memastikan persaingan yang sihat wujud di dalam pasaran dan seterusnya menangani amalan-amalan anti persaingan yang wujud di dalam pasaran negara. Rang Undang-undang Persaingan ini telah pun dibaca kali kedua dan ketiga di dalam Dewan yang mulia ini.

Seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Persaingan ini mengandungi dua larangan utama, amalan anti persaingan iaitu:

(i) larangan terhadap perjanjian antipersaingan, contoh-contoh persaingan, perjanjian antipersaingan, ada aktiviti penetapan harga, perjanjian pembahagian pasaran atau dipanggil *bid rigging*; dan

(ii) larangan terhadap penyalahgunaan kedudukan dominan. Contoh-contoh penyalahgunaan kedudukan dominan oleh sesuatu perusahaan adalah menetapkan harga belian atau jualan yang tidak adil atau penjualan barangan atau perkhidmatan di bawah kos.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menguatkuasakan peruntukan seperti yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang Persaingan, Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan turut digubal bagi tujuan penubuhan satu suruhanjaya bebas yang dikenali sebagai Suruhanjaya Persaingan.

Suruhanjaya ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan Undang-undang Persaingan di Malaysia dijalankan dengan telus, teratur serta bebas daripada pengaruh luar serta mempunyai kemampuan untuk menerima aduan, melaksanakan penyiasatan, mengenakan hukuman bagi pelanggaran di bawah Undang-undang Persaingan dan merangka prosedur yang terperinci dalam mengendalikan penyiasatan dan prosiding.

■ 2040

Struktur Suruhanjaya Persaingan yang dicadangkan adalah struktur lazim yang diamalkan oleh suruhanjaya-suruhanjaya lain yang terdapat di Malaysia. Ianya juga mirip kepada struktur-struktur Suruhanjaya Persaingan yang terdapat di kebanyakan negara rantau ASEAN serta seluruh dunia secara amnya.

Struktur Suruhanjaya Persaingan yang dicadangkan ini akan memastikan *due process of law*, dengan izin, sentiasa dipatuhi. Suruhanjaya yang dicadangkan akan berupaya mendengar dan memutuskan sesuatu kes setelah mengambil kira pandangan *stakeholders*, dengan izin, dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh perusahaan-perusahaan terbabit.

Proses ketelusan yang diamalkan oleh suruhanjaya ini adalah penting dalam memastikan suasana perniagaan di negara kita kekal stabil dan berkembang pesat mengikut lunas-lunas dasar pasaran bebas. Di samping itu, dalam memastikan ketelusan dan keterbukaan Suruhanjaya Persaingan ini, keputusan-keputusan yang diputuskan oleh suruhanjaya ini mestilah disusuli oleh satu alasan penghakiman secara bertulis. Perusahaan terbabit juga bebas untuk membuat sebarang rayuan terhadap segala keputusan Suruhanjaya Persaingan ini kepada Tribunal Rayuan Persaingan. Di samping itu melalui proses hak tindakan perusahaan atau individu terbabit yang mengalami kerugian akibat daripada perlanggaran larangan-larangan Rang Undang-undang Persaingan adalah dibenarkan untuk mendapatkan hak tindakan *relief* dalam prosiding sivil di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan Suruhanjaya Persaingan tersebut berfungsi dengan baik dalam melaksanakan tanggungjawabnya menguatkuasakan Undang-undang Persaingan di Malaysia, keanggotaan Suruhanjaya Persaingan dan komposisi pekerja-pekerja dalam Suruhanjaya Persaingan ini digariskan secara terperinci di bawah Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan ini.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan yang dicadangkan merangkumi enam bahagian yang dipecahkan kepada 47 fasal. Seperti yang diterangkan dengan lanjut di dalam Bahagian II, fasal 6, Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan, keanggotaan Suruhanjaya Persaingan tersebut adalah terdiri daripada:

(i) seorang pengerusi;

(ii) empat orang anggota yang mewakili kerajaan. Seorang daripadanya adalah wakil kerajaan yang bertanggungjawab ke atas perdagangan dalam negeri dan kepenggunaan; dan

(iii) tidak kurang daripada tiga tetapi tidak lebih daripada lima anggota lain yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang perkara-perkara yang berhubung dengan perniagaan, industri, perdagangan, undang-undang, ekonomi, pentadbiran awam, persaingan atau perlindungan pengguna.

Pelantikan anggota Suruhanjaya Persaingan termasuk pengerusinya adalah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas syor daripada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Ini adalah perlu untuk memastikan anggota-anggota Suruhanjaya Persaingan adalah terdiri daripada golongan yang berkaliber dan berintegriti tinggi memandangkan kes-kes yang akan dibawa ke Suruhanjaya Persaingan ini boleh menyebabkan implikasi kewangan yang tinggi.

Selain daripada itu, kes-kes yang akan dibawa ke Suruhanjaya Persaingan juga akan meliputi pelbagai sektor dalam ekonomi yang tertakluk di bawah bidang kuasa pelbagai agensi kerajaan. Memandangkan anggota Suruhanjaya Persaingan ini mempunyai kuasa - *judicious*, dengan izin, anggota-anggota Suruhanjaya Persaingan perlulah bersikap berkecuali dan telus dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Sehubungan dengan itu adalah diperuntukkan di bawah fasal 7, Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan ini supaya setiap anggota Suruhanjaya Persaingan mengisytiharkan segala kepentingan, dari segi kewangan atau selainnya dan dalam apa usaha yang melibatkan komersial ataupun perdagangan melalui suatu akuan berkanun sebelum pelantikan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Menerusi Suruhanjaya Persaingan ini juga, disyaratkan untuk mendapat kelulusan daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sekiranya memegang jawatan atau pekerjaan lain ketika memegang jawatan sebagai pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, bahagian III, fasal 16 dan 17 Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan menerangkan lebih lanjut fungsi dan kuasa Suruhanjaya Persaingan.

Secara umumnya anggota-anggota Suruhanjaya Persaingan yang diketuai oleh Pengerusi Suruhanjaya Persaingan akan memantau urusan pentadbiran dan pengurusan Suruhanjaya Persaingan ini dan memutuskan perkara-perkara penting dalam hala tuju perjalanan suruhanjaya ini. Walau bagaimanapun, tanggungjawab yang lebih berat yang perlu dilakukan oleh anggota Suruhanjaya Persaingan adalah menilai dan mempertimbangkan kesemua kes-kes pelanggaran Undang-undang Persaingan yang dirujuk kepadanya oleh pegawai Suruhanjaya Persaingan serta menjatuhkan hukuman penalti ke atas pihak yang terbabit. Fungsi-fungsi lain yang boleh dijalankan oleh Suruhanjaya Persaingan ini adalah seperti berikut:

(i) menasihati menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa pengawalseliaan lain tentang perkara berkenaan persaingan;

(ii) memberitahu Menteri tentang kesan anti persaingan sebenar atau kesan anti persaingan perundangan yang mungkin akan berlaku daripada perundangan semasa atau perundangan yang dicadangkan serta memberi syor kepada menteri jika sesuai bagi mengelakkan kesan ini;

(iii) menasihati Menteri tentang perjanjian antarabangsa yang berkaitan dengan perkara-perkara persaingan dan undang-undang persaingan;

(iv) mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan peruntukan undang-undang persaingan;

(v) menjalankan jika difikirkan sesuai kajian am berhubung dengan isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor tertentu ekonomi Malaysia;

(vi) berperanan sebagai *advocate,* dengan izin, dalam bidang persaingan;

(vii) mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan bagi melaksanakan fungsi dan tugas Suruhanjaya Persaingan;

(viii) menyiarkan dan selainnya meningkatkan kesedaran di kalangan orang yang terlibat dengan perdagangan atau perniagaan dan di kalangan orang ramai. Maklumat yang berkenaan dengan Undang-undang Persaingan dan cara Suruhanjaya Persaingan menjalankan tugasnya di bawah Undang-undang Persaingan;

(ix) memberitahu dan mendidik orang ramai tentang cara-cara bagaimana persaingan dapat memberi manfaat kepada pengguna dan ekonomi Malaysia;

(x) mempertimbangkan dan membuat syor kepada Menteri tentang pembaharuan kepada Undang-undang Persaingan; dan

(xi) menjalankan semua aktiviti dan melakukan semua perkara yang perlu atau memberi manfaat dan wajar bagi pentadbiran Suruhanjaya Persaingan.

Bagi maksud melaksanakan dan menerajui urusan pentadbiran dan pengurusan, Suruhanjaya Persaingan akan diterajui oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Ketua Pegawai Eksekutif ini adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Suruhanjaya Persaingan secara keseluruhannya dan mempunyai kawalan am ke atas semua pekerja Suruhanjaya Persaingan. Dalam menunaikan tugasnya, Ketua Pegawai Eksekutif ini bertindak di bawah kuasa dan mengikut arahan am Suruhanjaya Persaingan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan penting dalam memastikan penubuhan sebuah suruhanjaya yang akan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Persaingan dengan telus, berintegriti dan seterusnya dapat menjalankan tugasannya dengan bebas tanpa kekangan daripada mana-mana individu atau badan-badan yang berkepentingan. Rang undang-undang ini juga adalah salah satu elemen penting dalam menyokong dasar Model Ekonomi Baru yang menitikberatkan prinsip inovasi, kreativiti dan nilai tinggi sebagai tunjang utama dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Persaingan yang sihat di pasaran adalah penting dalam memacu perkembangan ekonomi domestik negara dan akan mendorong perusahaan-perusahaan di negara kita untuk mengamalkan prinsip inovasi dan seterusnya akan membawa kebaikan bukan sahaja kepada perusahaan terbabit, malahan kepada pengguna-pengguna di Malaysia secara keseluruhannya.

Suruhanjaya Persaingan yang dicadangkan akan memastikan segala larangan yang termaktub dalam Rang Undang-undang Persaingan ini dipatuhi dan akan mensabitkan kesalahan-kesalahan kepada perusahaan yang melanggar peruntukan Rang Undang-undang Persaingan. Ini adalah penting dalam memastikan pasaran di negara kita kekal pada tahap kompetitif dan tidak dipelopori oleh amalan-amalan anti persaingan yang boleh menjejaskan dasar pasaran bebas yang diamalkan oleh kerajaan pada masa kini. Oleh itu, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini adalah amat diharapkan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Persaingan, untuk menyatakan kuasa dan fungsi Suruhanjaya itu, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Sila, persilakan Datuk Zainun binti Mat.

■ 2050

8.50 mlm.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan ruang dan kesempatan untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan 2010 yang amat penting kepada semua rakyat dan pastinya menggembirakan ramai pengguna di negara ini.

Rang undang-undang ini adalah lanjutan dari Rang Undang-undang Persaingan 2010 yang baru diluluskan di Dewan yang mulia ini. Suruhanjaya Persaingan adalah secara khusus diwujudkan bagi melaksanakan dan mengawal selia undang-undang yang termaktub dalam Rang Undang-undang Persaingan berkenaan. Suruhanjaya Persaingan berperanan memastikan perusahaan tempatan mampu menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi dan seterusnya meningkatkan daya saing industri Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini amat dinanti-nantikan bagi mengatasi masalah kawalan bekalan dan harga sesetengah barang, di mana ada pihak mewujudkan kekurangan bekalan bahan secara palsu bertujuan mendesak kenaikan harga barang.

Beberapa komoditi keperluan asas yang dikendalikan pengeluar dan pembekal tertentu mewujudkan pakatan atau kartel dalam menentukan kedudukan bekalan dan harga, khususnya barang yang tidak dikawal harganya oleh kerajaan. Keadaan ini menyebabkan pengguna kerap berhadapan kenaikan harga barang tertentu seolah-olah tidak ada kawalan mampu dilakukan kerajaan. Suruhanjaya ini sewajarnya mampu mengurangkan amalan kartel dan monopoli sesuatu kaum dalam perniagaan tertentu bagi membolehkan semua kaum bersaing secara sihat dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2010. Antaranya bantuan kepada pengeluar gula dan tepung berjumlah RM528 juta tetapi baru-baru ini kita dikejutkan dengan berita kekurangan gula di Perlis dan Penang. Saya mendapat tahu bekalan juga kurang di Pahang, tempat saya sendiri Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKP) menafikan dan menyatakan tiada masalah dari segi bekalan gula tetapi, pengguna memaklumkan ke media bahawa bekalan gula telah terputus. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah harga gula akan dinaikkan lagi? Saya difahamkan masa ini hanya ada lima syarikat yang dibenarkan mengimport gula. Jadi adakah kerajaan bercadang menambah atau membuka peluang kepada syarikat-syarikat yang lain diberikan permit mengimport gula? Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada kerajaan bercadang menubuhkan GLC sebagai pengimport dan pengedar gula.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah mempunyai Akta Kawalan Harga 1946 dan Akta Bekalan 1961, kawalan harga barang nampaknya terbatas kerana bidang kuasa kedua-dua akta ini agak terhad. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengkaji dan meminda kedua-dua akta ini supaya lebih mantap dan berkesan dalam mengawal harga dan bekalan barang bagi kepentingan pengguna sesuai dengan perubahan masa. Tidak ada gunanya rakyat negara ini mendapat gaji atau pendapatan lebih tinggi tetapi dalam masa yang sama harga barang turut melonjak dan meningkat, malah kadar kenaikan harga barang lebih tinggi dari kadar kenaikan gaji.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Bahagian V – kewangan rang undang-undang ini iaitu berhubung dengan fasal 32 iaitu kuasa untuk meminjam. Dalam fasal ini menyebut bahawa suruhanjaya boleh meminjam dalam apa-apa bentuk, apa-apa kadar bunga, apa-apa tempoh dan apa-apa terma bagi memenuhi mana-mana obligasinya dan menunaikan mana-mana kewajipannya dengan kelulusan Menteri. Bagaimanapun, tidak dinyatakan jumlah minimum atau maksimum pinjaman yang telah dibuat oleh suruhanjaya ini.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan berapakah jumlah maksimum yang boleh diluluskan oleh Menteri? Saya juga ingin mendapat penjelasan apakah agaknya keperluan suruhanjaya sehingga berkemungkinan untuk meminjam?

Saya ingin mencadangkan agar suruhanjaya memberi keutamaan untuk meminjam dari segi berkaitan kerajaan bagi meminimumkan kos kewangan seperti faedah dan caj kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan fasal 33 iaitu mengenai pelaburan. Kita agak bimbang apabila suruhanjaya diberi kebenaran untuk melabur wang yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan segera. Walaupun ianya perlu mendapat kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, kerajaan hendaklah memastikan bahawa pelaburan ini selamat dan mendapat perlindungan modal atau *capital protected,* dengan izin. Di samping itu, tempoh pelaburan juga sewajarnya dalam jangka masa antara tiga hingga lima tahun dan tiada halangan untuk dicairkan bila-bila masa, bagi memastikan kewangan suruhanjaya terus kukuh.

Pada masa ini pelbagai produk pelaburan diperkenalkan oleh bank-bank perdagangan dengan keuntungan antara 4 peratus hingga 8 peratus. Bagi menyahut seruan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam, saya ingin mencadangkan agar suruhanjaya ini melabur dalam produk pelaburan Islam. Saya juga mengingatkan agar suruhanjaya tidak melabur dalam pelaburan berisiko seperti sekuriti bon dan saham terbuka yang boleh menyebabkan kewangan suruhanjaya dalam keadaan tidak stabil. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar garis panduan untuk pelaburan ini disediakan kerajaan bagi menjaga amanah dan kepercayaan rakyat kepada suruhanjaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar rang undang-undang ini akan dapat melaksanakan fungsinya dengan berkesan, khususnya fasal 16(d) iaitu penguatkuasaan peruntukan dalam undang-undang persaingan kerana ini akan memperkembangkan bidang penyelidikan dan inovasi bagi melahirkan produk serta perkhidmatan berkualiti dan beraneka pilihan. Rang undang-undang ini adalah bersesuaian dengan gagasan Model Ekonomi Baru (MEB) yang diperkenalkan kerajaan bagi memacu ekonomi negara yang menitikberatkan prinsip inovasi, kreativiti dan nilai tambah yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyeru suruhanjaya ini bukan sahaja memberi tumpuan pada sektor swasta tetapi juga memantau, mengawal dan menyelia kegiatan syarikat berkaitan kerajaan, GLC yang kini kebanyakan menjalankan perniagaan bersifat monopoli seperti sektor pembekalan tenaga elektrik, telekomunikasi dan bekalan air. Kerajaan wajar dan perlu menyediakan perancangan berperingkat bagi mengurangkan monopoli syarikat-syarikat ini bagi memastikan pengguna mendapat perkhidmatan terbaik.

Rakyat kecewa, kerana walaupun syarikat-syarikat ini mengumumkan keuntungan setiap tahun tetapi masih memohon kepada kerajaan untuk menaikkan kadar elektrik, contohnya TNB bagi menampung kos kewangannya. Rakyat tidak wajar dibebankan dengan kos sedemikian jika TNB dapat menguruskan kewangan dengan lebih bijak dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, penutupnya saya menggesa suruhanjaya ini mengambil tindakan terhadap pihak yang mewujudkan pakatan atau terbabit kegiatan perniagaan bersifat monopoli tanpa berpihak dan pilih kasih demi kepentingan pengguna. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

■ 2100

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat mahu berucap, berbahas? Angkat tanganlah...*[Ketawa]* Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Sebenarnya keseriusan kerajaan dalam menyediakan suasana atau iklim perniagaan yang kompetitif dapat dibuktikan dengan pewujudan Rang Undang-Undang Persaingan dan juga Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan. Jikalau kita lihat dahulunya tiada sebarang kawalan terhadap monopoli dan *cartel* tetapi kini sudah ada undang-undang untuk mengawal mereka.

Saya akan menjawab soalan yang ada kaitan dengan rang undang-undang yang baru dibentangkan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun yang telah pun mengetengahkan isu fasal 30 – kuasa untuk meminjam. Seperti yang diterangkan, kuasa untuk meminjam ini adalah satu peruntukan yang membenarkan suruhanjaya meminjam bagi menghadapi sebarang obligasi sekiranya ia dirasakan perlu. Peruntukan ini hanya satu peruntukan am, secara *general,* dengan izin, bagi membentuk keadaan tersebut.

Isu yang lagi satu ialah isu yang membahagikan iaitu Akta Kawalan Harga 1946 dan Akta Kawalan Bekalan 1961. Ia tidak dibekalkan di dalam rang undang-undang ini tetapi, berkaitan dengan monopoli gula, kerajaan kita telah pun mengambil tindakan untuk membuka AP bagi pengimportan gula. Kilang-kilang gula juga akan dibina di Sabah dan di Sarawak untuk pengeluaran gula dan ini juga akan meningkatkan bekalan gula di negara kita.

Masalah tentang kekurangan gula ini sebenarnya memang tidak ada masalah berkaitan dengan bekalan gula. Masalah wujud disebabkan kerana apabila adanya khabar angin yang mengatakan adanya kenaikan harga gula, maka pemborong ini telah pun menyimpan bekalannya iaitu berlakunya *holding*. Apabila tiada *isolated cases* iaitu keadaan sesuatu, bukannya semua tetapi satu atau dua buah kedai yang tidak ada, maka ia diheboh-hebohkan dan dikatakan bekalan gula ini tidak ada. Maka berlakunya *panic buying*. Sebenarnya bekalan itu mencukupi.

So perkara yang tidak bertanggungjawab ini sebenarnya dilakukan oleh pengedar dan pemborong gula ini. Kita berharap sebagai pengguna, janganlah kita dengar khabar angin ini bahawa kerajaan hendak naikkan harga gula. Setakat ini tidak ada hasrat pun pihak kerajaan untuk menaikkan harga gula. So, kita berharap...

21.00 mlm.

Dato' Zaitun binti Mat: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya mencelah? Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum saya bercakap tentang keadaan gula di Pahang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong *address* dahulu kepada Tuan Yang di-Pertua sebelum bercakap.

Dato' Zaitun binti Mat: Saya telah pun menelefon di Kuantan... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Tan Lian Hoe: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, seperti yang saya katakan, yang kekurangan gula bukannya keseluruhan tetapi *isolated cases* sahaja. Apabila ada masalah ini, semalam pun saya mendapat panggilan SMS yang mengatakan bahawa di Rawang – Bintang Hypermarket, supermarket itu tidak ada gula.

Saya dengan seterusnya membuat panggilan kepada pegawai penguat kuasa untuk turun dan didapati sebenarnya iaitu ada pun gula. Kadangkala kita tidak tahu. Khabar angin ini dimainkan oleh rakyat. Oleh sebab itu kita berharap kalau ada masalah-masalah ini, cepatlah maklumkan kepada kita, kepada pegawai kita dan kita akan mengatasinya dengan segera sama ada pada malam itu ataupun pada keesokan harinya. So, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sampailah masanya, agaknya saya percaya ramai Ahli Yang Berhormat semua begitu di saat-saat akhir ini bersemangat sungguh. Saya ingin mengucapkan sebenarnya berbanyak-banyak terima kasih yang tidak terhinggalah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di sepanjang perjalanan Mesyuarat kali ini dengan memberikan kerjasama yang begitu baik yang saya sangat hargai. Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi saya kali yang pertama mempengerusikan Majlis ini dan saya telah melihat, menampakkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat begitu aktif melibatkan diri dalam Majlis ini. Ini sangat-sangat menunjukkan satu petanda yang cukup baik di masa-masa yang akan datang bagi Dewan yang mulia ini.

Saya berharap sebagaimana semua jugalah, semua Ahli Dewan ini adalah Ahli Yang Berhormat dan sebagaimana yang dikatakan dan banyak juga komen daripada Ahli Yang Berhormat semuanya adalah Ahli Yang Berhormat di mana kita semua sebagai satu pasukan. Tujuan kita adalah untuk kebaikan bangsa, agama dan negara kita.

Tanpa membuang masa lagi, saya percaya ramai yang sudah letih, dan saya percaya hendak balik. Saya ingin menyampaikan semoga mewakili timbalan saya juga Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin, sama-sama mengucapkan selamat pulang ke destinasi masing-masing. Di harap Ahli-ahli Yang Berhormat berhati-hati di jalan raya kerana kita semua berkehendakkan Yang Berhormat agar selamat balik ke pangkuan keluarga, insya-Allah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.10 malam.